



PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 8379]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 8465]
Anggaran Pembangunan, 1985

Jawatankuasa—

Maksud P. 33 [Ruangan 8413]

Maksud P. 34 [Ruangan 8452]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan, 1985

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 33 [Ruangan 8413]

Maksud B. 34 [Ruangan 8452]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL**, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD**, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, **DATO MUSA HITAM**, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' DR NEO YEE PAN**, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, **DATO' S. SAMY VELLU**, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, **Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL**, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH**, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, **TAN SRI CHONG HON NYAN**, P.S.M., D.G.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, **DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG**, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, **DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK**, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, **DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ**, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD**, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, **DATUK SERI SANUSI BIN JUNID**, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, **DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Penerangan, **DATO' RAIS YATIM**, D.S.N.S. (Jelebu).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J., S.M.J. (Rengam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL BIN YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM, S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, A.M.K. (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU, B.S.K. (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, A.M.P., A.M.K. (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, S.M.P., A.M.N. (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikei).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, K.M.N., A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).

„ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).

„ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

„ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).

„ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).

„ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).

„ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).

„ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).

„ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).

„ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).

„ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).

„ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).

„ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).

„ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).

„ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).

„ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).

„ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).

„ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).

„ DR CHEN MAN HIN (Seremban).

„ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).

„ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).

„ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

„ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).

„ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok)

„ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).

Yang Berhormat TUAN FUNG KET WING (Sandakan).

- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).

Yang Berhormat TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).

- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K., (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

Yang Berhormat TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).

„
TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).

„
TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).

„
DR TAN SENG GIAW (Kepong).

„
TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

„
TUAN TING LING KIEW (Bintulu).

„
WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).

„
WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).

„
WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).

„
WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).

„
TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).

„
TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).

„
DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N.
(Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Jumaat, 23hb November, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

PENGUSAHA ASING—
PERATUS EKUITI

1. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sebab-sebab keputusan Kerajaan baru-baru ini yang membenarkan setengah-setengah syarikat memperolehi lebih dari 51% hakmilik oleh pengusaha-pengusaha asing dan sama ada ia boleh atau tidak membawa kesan buruk kepada faedah-faedah yang berpanjangan di negara ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Tuan Yang di-Pertua, polisi untuk membenarkan syarikat-syarikat asing memegang lebih daripada 51% ekuiti bukanlah satu polisi yang baru. Walaupun demikian, ianya bukanlah satu polisi yang menyeluruh yang meliputi semua jenis perusahaan. Kebenaran memegang ekuiti majority bergantung kepada sumbangan pelabur-pelabur asing terhadap sesuatu projek itu seperti teknologi, modal pelaburan dan saluran pasaran antarabangsa.

Pengumuman saya baru-baru ini menyentuh kepada 2 jenis industri iaitu:

- (a) industri-industri berat di mana bukan sahaja modal yang besar dikehendaki, bahkan juga tingkat teknologi yang tinggi; dan
- (b) industri-industri yang menggunakan sumber-sumber tempatan untuk pasaran eksport.

Ahli-ahli Yang Berhormat tentu mengetahui bahawa kita masih bergantung kepada pelabur-pelabur asing untuk sumbangan ini dan oleh itu kita perlu mempunyai satu dasar yang flexible yang menarik bagi mereka menimbangkan negara kita untuk melabur. Dengan adanya polisi itu dapatlah kita menarik banyak lagi pelaburan daripada luar negeri di kedua-dua bidang industri ini.

Pada hemat saya, polisi ini jika dilaksanakan dengan arif kita akan dapat menikmati faedah-faedah yang berpanjangan seperti kemasukan pelaburan asing, peningkatan kemahiran pekerja-pekerja kita dan peningkatan tahap eksport barangan Malaysia. Walau bagaimanapun ianya akan dilaksanakan tanpa menjejaskan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Ismail bin Said: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah menyatakan sebab-sebab mengapa ada setengah-setengah syarikat-syarikat asing

dibenarkan memiliki 51% hakmilik di segi modal. Saya ingin tahu kalaulah Yang Berhormat Mulia mempunyai angkanya di sini, setakat ini berapakah jumlah pengusaha-pengusaha asing yang mempunyai hakmilik modal sebanyak 51% dan adakah mereka ini akan dikekalkan dengan tahap 51%, jika tidak ada, adakah sebarang perubahan misalnya setengah-setengah hakmilik pengusaha-pengusaha asing ini dikurangkan dari segi pegangan saham-saham misalnya kurang daripada 51%.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, dukacita saya tidak dapat menyebut angka-angka yang boleh menunjukkan apakah kedudukan pelaburan syarikat-syarikat asing di negara kita sehingga hari ini, tetapi sekiranya diberi masa saya boleh mengirim angka-angka ini kepada Yang Berhormat. Tetapi walau bagaimanapun kita sudah pun menetapkan objektif di bawah Dasar Ekonomi Baru kita di mana matlamat kita ialah supaya pemilikan modal asing dikurangkan kepada paras 30%. Mereka yang sekarang memiliki modal melebihi 30% akan dipujuk dan diminta supaya mengurangkan pemilikan mereka itu kepada 30%, biasanya kalau mereka hendak menyusun semula ekuiti kapitalnya, mereka terpaksa mengemukakan cadangan ataupun rancangannya kepada F.I.C., dengan izin, untuk mendapat restu daripada Kerajaan berbuat demikian dan biasanya apabila permohonan itu ditimbang oleh F.I.C., F.I.C. biasanya mengenakan syarat supaya pemilik modal asing mengurangkan ekuiti modalnya kepada 30%. Sedemikian juga keadaan-keadaan yang lain, bukan hanya tertumpu kepada syarikat-syarikat yang mengeluarkan barang-barangan di negara kita, bahkan syarikat-syarikat yang memberi khidmat seperti syarikat insurans, banking dan lain-lain terpaksa juga mematuhi kehendak

Dasar Ekonomi Baru kita, melainkan syarikat-syarikat yang mengeluarkan barang-barang untuk eksport sepenuhnya ataupun yang bertempat di dalam kawasan dagangan bebas mereka dibenar memiliki modal sehingga kepada 100% kalau kesemuanya pengeluaran itu adalah bertujuan untuk pasaran eksport.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:

Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kepada Yang Berhormat Mulia Menteri Perdagangan dan Perindustrian, ingin saya tahu syarikat-syarikat asing yang menanam modal dalam negara kita, adakah dibenarkan mereka membuat harta dalam negara kita ertinya membeli harta tetap dalam negara kita ataupun hanya setakat menanam modal dalam masa-masa yang tertentu, tetapi mereka tidak boleh milik harta kekal di sini. Itu yang ingin saya tahu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, soalan tadi terkeluar sedikit oleh kerana soalnya adalah berkenaan dengan ekuiti syarikat-syarikat asing yang mempunyai 50% ekuiti. Tetapi saya serahlah kepada Yang Berhormat Menteri sama ada setuju hendak menjawab.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah:

Saya mohon memberi penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita yang mengamalkan dasar ekonomi bebas mengizinkan pihak pemodal luar memiliki harta tetap di negara ini, bahkan banyak di antara ladang-ladang yang terdapat di negara kita diusaha untuk pemodal asing tempoh hari, tetapi apabila kita meminda Kanun Tanah Negara baru-baru ini menerusi Dewan ini, maka pemilikan modal bagi pemodal baru terhadap hanya kepada tanah-tanah untuk perindustrian semata-mata, tanah-tanah untuk mendirikan rumah kediaman boleh dimiliki dengan syarat mendapat izin daripada pihak berkuasa negeri.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada menerangkan bahawa salah satu sebab Kerajaan membenarkan syarikat-syarikat asing memperoleh 51% hak milik ialah untuk menggalakkan pelaburan di negara kita.

Di sini suka saya bertanya Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tentang sejauh mana syarikat-syarikat asing telah dapat mengambil kesempatan daripada dasar ini dan juga di samping ini, suka saya mendapat tahu sejauh mana negara kita boleh memperoleh kejayaan daripada tujuan atau objektif yang ditetapkan oleh dasar ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, tidak payah saya menerang apakah kejayaan di bawah dasar ini, jelas dan nyata bahawa pelaburan asing telah meningkat dengan banyak sejak kita mencapai kemerdekaan. Kalau dahulu hanya tertumpu kepada pelabur dari Britain misalnya ataupun daripada pemodal dari Singapura, sekarang sudah dapat diperbagaikan syarikat-syarikat yang bertapak di tanahair kita bukan sahaja untuk menjalankan berbagai-bagai jenis perusahaan dan perniagaan tetapi juga telah dapat memindah teknologi kepada rakyat Malaysia dan di samping itu dapat memperkenalkan berbagai-bagai jenis urusan perniagaan dan ini semuanya telah menguntungkan kita di samping banyak juga pelabur-pelabur yang datang telah dapat menggunakan bahan-bahan tempatan untuk menambah nilai eksport bagi eksport barangan kita ke luar negeri. Ini jelas dan nyata atas kemakmuran yang terdapat, ianya telah membuka banyak peluang-peluang pekerjaan bagi rakyat kita terutama sekali daripada golongan muda mudi dan ianya telah ditempatkan berselerak di seluruh tanahair kita. Ini terbukti dengan nyata dasar kita telah berjaya.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan polisi ini bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan bolehkah polisi ini menjejaskan usaha memastikan pengawalan dan pemilikan ekonomi Malaysia dalam tangan orang Malaysia khususnya di dalam bidang-bidang tersebut.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah menjadi hasrat Kerajaan hendak menguasai ekonominya sendiri. Itulah sebab kita telah menggalakkan badan-badan Kerajaan dan juga pihak swasta mengambilalih syarikat-syarikat yang diincorporate, dengan izin, di London tetapi memiliki harta dengan banyak di Malaysia tempoh hari. Dan walaupun kita melaksanakan dasar ini dengan flexible, sudah tentu kita akan mengawal perjalanannya supaya tidak pula kita hanyut menjadi satu negara yang dicolonise secara ekonomi.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, kita telah dimaklum bahawa Hong Kong akan diambil balik oleh China Komunis. Adakah Yang Berhormat Mulia tahu untuk diterangkan di Dewan yang mulia ini menyatakan bahawa pemodal-pemodal dari Hong Kong akan membawa keluar wangnya, adakah mereka hendak bekerjasama dengan Malaysia ataupun membuat perusahaan industri di sini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, banyak juga pelaburan dari Hong Kong telah datang ke Malaysia sebelum dan selepas berlakunya kejatuhan pasaran harta benda di Hong Kong tempoh hari dan baru-baru ini pun saya sempat singah di Hong Kong dalam lawatan saya ke Timur Jauh dan mereka telah menunjuk minat hendak melabur di Malaysia dan saya mengalu-alukan kedatangan pelabur-pelabur bukan sahaja dari Hong Kong tetapi dari

seluruh dunia asalkan ia memberi keuntungan kepada negara kita.

ORANG TAHANAN DI BAWAH ISA

2. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (i) berapa orang yang telah ditangkap dan ditahan sejak 12 bulan kebelakangan ini di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri berhubung dengan kes-kes yang tidak ada kaitan dengan tuduhan-tuduhan dadah;
- (ii) sila beri satu senarai mengenai orang-orang tahanan, butir-butir peribadi mereka dan tuduhan-tuduhan di bawah mana mereka ditangkap;
- (iii) sila nyatakan tempat tahanan mereka sekarang; dan
- (iv) nyatakan sama ada mereka mempunyai peguam-peguam.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan-soalan berikutnya dari Yang Berhormat, sukalah saya menjelaskan di Dewan yang mulia ini bahawa setakat ini Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 tidak pernah digunakan untuk menangkap dan menahan orang-orang yang terlibat dengan tuduhan-tuduhan dadah. Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 adalah digunakan bertujuan untuk membantu Kerajaan dalam menghadapi ancaman anasir-anasir subversif dan komunis militan yang bertujuan untuk menggulingkan Kerajaan yang sah melalui rampasan kuasa dan kekerasan senjata.

Untuk menjawab soalan pertama iaitu mengenai bilangan orang yang ditangkap di bawah Akta Keselamatan

Dalam Negeri 1960 sejak 12 bulan kebelakangan ini adalah seramai 52 orang. Dari jumlah tersebut seramai 11 orang yang telah dikenakan perintah tahanan di bawah Akta yang sama.

Mengenai soalan kedua dan ketiga, iaitu tentang senarai orang-orang tahanan, butir-butir peribadi mereka, tuduhan-tuduhan yang menyebabkan mereka ditangkap dan tempat-tempat tahanan mereka adalah memerlukan suatu huraian yang panjang lebar. Dengan itu saya mohon dari Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan itu secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Bagi soalan yang keempat pula, sukalah dimaklumkan di sini bahawa orang-orang tahanan tersebut tidak mempunyai peguam.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terlebih dahulu saya berminat untuk mendapat senarai yang saya mohonkan dan jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberi saya dengan secepat mungkin, saya ucapkan terima kasih.

Kedua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa jarang sekali pihak Kerajaan mengambil tindakan mengikut syor-syor dan perakuan-perakuan yang dibuat oleh Lembaga Penasihat (Advisory Board) terhadap kes-kes pertahanan ISA. Contohnya satu kes yang terlibat seorang yang terkenal di Sarawak, Yang Berhormat Datuk James Wong Kim Min di mana walaupun Lembaga Penasihat itu mengesyorkan bahawa beliau dibebaskan akan tetapi pihak Kerajaan teruskan dengan penahanan beliau dan jika sedar, soalan

tambahannya ialah, adakah pihak Kerajaan bertujuan untuk meminda undang-undang yang berkenaan supaya syor-syor dan perakuan-perakuan yang dibuat oleh Advisory Board itu akan menjadi binding, dengan izin.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama, saya akan serahkan senarai ini selepas sahaja persidangan mesyuarat kita pada petang ini juga kepada Yang Berhormat.

Untuk menjawab soalan yang kedua, berkenaan dengan syor-syor yang dikemukakan oleh Lembaga Penasihat, inginlah saya menjelaskan di sini bahawa tidak terdapat dalam peraturan Akta Keselamatan Dalam Negeri kita yang memaksa Menteri Dalam Negeri mengikut syor-syor yang dikemukakan oleh Lembaga tersebut kerana selain daripada Lembaga tersebut mengesyorkan kepada Menteri ada juga laporan-laporan daripada pegawai-pegawai yang menjalankan pemulihan di pusat-pusat di mana mereka ditahan. Tangkapan ataupun penahanan mereka adalah berasaskan kepada tafsiran-tafsiran juga daripada laporan polis bahawa mereka masih merupakan ancaman kepada keselamatan dan memerlukan pemulihan yang lebih lanjut lagi agar penglibatan mereka yang begitu dalam dengan kegiatan-kegiatan subversif. Jadi, buat sekarang ini tidaklah ada cadangan untuk meminda Akta Keselamatan Dalam Negeri supaya menyatakan bahawa syor-syor daripada Lembaga Penasihat ini mesti diikuti oleh Menteri Dalam Negeri.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Timbalan Menteri sama ada benar atau tidak ada juga di antara orang-orang kenamaan yang tertentu

di negara ini yang terlibat dalam kegiatan dadah dan jika benar, berapa ramai di antara mereka yang tertangkap sejak kebelakangan ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya rasa soalan itu terkeluar daripada konteks pertanyaan asal oleh kerana pertanyaan asal adalah berkenaan dengan berhubung dengan kes-kes yang tidak ada kaitan dengan tuduhan-tuduhan dadah.

Tuan Chan Kok Kit: Tuan Speaker, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu adakah Kerajaan bercadang memansuhkan Lembaga Penasihat (Advisory Board) dan berapa bilangan orang yang ditahan tetapi Kementeriannya terdapat tidak bersalah? Dan berapa kes di mana pihak Polis menggunakan kekerasan ke atas orang yang ditahan di bawah Akta ISA?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, jika saya faham soalan-soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu, yang pertamanya berkenaan dengan cadangan untuk memansuhkan Lembaga Penasihat. Saya ingin menjelaskan di sini tidak ada cadangan oleh Kerajaan untuk memansuhkan Lembaga itu bahkan cadangan-cadangan akan dikemukakan untuk memperbaiki cara mana Lembaga itu boleh memberi nasihat-nasihat yang lebih berkesan lagi supaya Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri boleh mengikut dengan begitu tepat sekali.

Soalan yang kedua dan ketiga berkenaan dengan angka-angka mereka yang ditahan dan juga mereka yang telah pun terlibat dalam kekerasan oleh pihak Polis, saya mohonlah mendapat notis. Walau bagaimanapun, inginlah saya menjelaskan di sini bahawa tidak terdapat kes-kes yang terlibat

kekerasan Polis terhadap mereka yang ditahan di bawah ISA. Jika ada maklumat oleh Yang Berhormat, serahlah kepada saya untuk saya menyiasatnya.

PEKAN-PEKAN DI SELATAN THAI—MINAT PELANCONG

3. Dato' Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa ramai rakyat Malaysia suka melawat pekan-pekan di Selatan Thailand. Jika sedar, adakah rancangan untuk membangun pekan-pekan di sempadan Thailand bagi mengimbangi keadaan tersebut dan supaya dapat menarik pelancong-pelancong dalam dan luar negeri.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya menyedari terdapat sebilangan rakyat Malaysia yang suka melawat ke pekan-pekan di Selatan Thailand. Sementara itu pula, pihak Kerajaan sedang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi membangunkan beberapa pekan di sempadan bagi tujuan mengurangkan bilangan rakyat yang melawat ke Selatan Thailand serta menarik lebih ramai pelancong-pelancong dari dalam dan luar negeri untuk berkunjung ke tempat-tempat tersebut.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi bahawa memang Kerajaan hendak menyediakan pekan-pekan di sempadan dalam negara kita ini. Tidakkah ada menjadi satu masalah timbul bahawa perempuan-perempuan sundal akan sampai ke sana daripada negara lain dan jenayah-jenayah bertambah-tambah datang ke negara kita?

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, oleh sebab perkara itu mengenai kawalan kemasukan anasir-anasir yang tak diinginkan ke dalam negeri kita, mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh jawablah, saya rasa. (*Ketawa*)

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun soalan itu terkeluar sedikit daripada soalan asal saya ingin menjelaskan di sini bahawa kemasukan anasir-anasir sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tidak tergantung kepada rancangan Kerajaan membina pekan-pekan di sempadan dan memang pihak keselamatan selalu menjalankan pengawasan. Walaupun tidak terdapat pekan-pekan, kemasukan mereka itu akan dikesan. Jika ada maklumat daripada Ahli Yang Berhormat, sampaikanlah kepada saya. (*Ketawa*)

Tuan Hassan bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan ada sebilangan rakyat Malaysia yang suka melawat ke Selatan Thailand. Saya ingin tahu kenapakah rakyat Malaysia suka sangat pergi ke selatan Thailand? (*Ketawa*). Adakah kerana barangan di sana murah, buah-buahan di sana murah sedangkan buah-buahan ataupun barangan Malaysia lebih mahal lagi? Itu saya hendak tahu sebab-sebabnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Oleh sebab perkara itu terkeluar daripada bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri menentukan sebab apa rakyat Malaysia suka berbuat demikian, saya tidak membenarkan soalan itu. (*Ketawa*).

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan

bahawa memang Kerajaan mempunyai rancangan untuk membangunkan pekan-pekan di perbatasan supaya dapat mengimbangkan dengan pembangunan di Negeri Thai. Soalannya, bolehkah Yang Berhormat menerangkan mana-manakah pekan yang termasuk dalam rancangan pembangunan yang telah, sedang dan akan dijalankan oleh Kerajaan?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Terima kasih kepada soalan tambahan daripada Yang Berhormat kerana ini memberi peluang kepada saya untuk menerangkan bahawa di Negeri Perlis terdapat dua pekan, iaitu Pekan Padang Besar yang ada sekarang di dalam rancangan untuk dibesarkan, bahkan 140 buah gerai telah pun disiapkan dan Pekan Wang Kelian, juga di Negeri Perlis Indera Kayangan, juga akan disiapkan dan pelan struktur bagi pekan tersebut sedang diuruskan, tetapi ini tergantunglah kepada kewangan Negeri Perlis. Juga Negeri Kedah di mana dua pekan baru akan dimajukan, iaitu Pekan Laka Temin dan Pekan Baru Darul Aman. Juga di Negeri Perak, negeri Yang Berhormat sendiri, iaitu kawasan Temenggor, di Gerik dan di Kroh dan di Negeri Kelantan, di Pekan Rantau Panjang yang ada sekarang dan juga Pengkalan Kubur.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan V. Govindaraj.

(Soalan No. 4 Y.B. Tuan V. Govindaraj tidak hadir).

PELAN INDUK PERINDUSTRIAN

5. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan kemajuan yang sedang dicapai dalam Pelan Induk Perindustrian yang terbesar sekali bagi

negara ini. Apakah negara ini akan mencebur besar-besaran dalam industri berat atau memilih dasar eksport yang hebat (aggressive). Setakat ini, berapakah perbelanjaan yang sudah digunakan dalam merangka rancangan ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun):

Tuan Yang di-Pertua, penyediaan Pelan Induk Perindustrian yang sedang dilaksanakan dengan bantuan pakar-pakar Pertubuhan Pembangunan Perindustrian Bangsa-bangsa Bersatu (UNIDO) dan Rancangan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) bermula pada bulan Jun, 1983 dan dijangka siap dalam bulan Jun, tahun hadapan. Kajian terhadap industri-industri mengikut sektor yang merupakan kajian asas untuk pelan induk tersebut sedang diselenggarakan dan dijangka siap pada awal tahun hadapan. Kajian-kajian khusus terhadap perkara-perkara yang penting bagi menentukan pembangunan perindustrian yang tertentu juga sedang dijalankan.

Selaras dengan dasar Kerajaan sekarang, pelan induk tersebut juga akan meneliti kemungkinan menggalakkan penubuhan industri berat, di samping menggalakkan industri berorientasikan eksport dan pengesyoran-pengesyoran akan diutarakan bagi tujuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai perbelanjaan, Yang Berhormat adalah dimaklumkan bahawa pelan induk tersebut adalah dibiayai oleh pihak Rancangan Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP) dengan bantuan Kerajaan Malaysia melalui Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA). Setakat ini pihak UNDP telah membelanjakan sejumlah \$1.8 juta untuk memperolehi pakar-pakar perunding dan perbelanjaan pelbagai. Sumbangan

Kerajaan Malaysia pula merupakan sumbangan kemudahan-kemudahan yang perlu serta khidmat pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan sokongan.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pelan Induk untuk mengimbangkan perindustrian berat di negara kita itu adakah pihak Kerajaan mengambil kira faktor pencemaran alam sekitar kita dan apakah langkah-langkah akan diambil supaya pencemaran itu dapat dikawal?

Tuan Oo Gin Sun: Tuan Yang di-Pertua, memang diambil kira berkenaan pencemaran.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya fikir memadai jawapan itu, memang diambil kira unsur pencemaran dalam perancangan pelan tersebut. Adakah itu jawapan, Yang Berhormat?

Tuan Oo Gin Sun: Betul, Tuan Yang di-Pertua.

NILAI RINGGIT MALAYSIA

6. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) nilai sokongan bagi setiap ringgit Malaysia bagi tahun-tahun 1960, 1970, 1980 dan 1984; dan
- (b) sejauh manakah matawang Malaysia terikat kepada matawang-matawang di negara Barat.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1960, nilai bagi setiap ringgit telah disokong oleh matawang sterling pada kadar 2s. 4d. (dua shilling 4 pence), atau pada waktu itu £1=M\$8.5429. Pada 12hb Jun, 1967 Bank Negara telah mengeluarkan ringgit baru untuk

menggantikan ringgit yang lama dengan nilai sebanyak 0.290299 gram emas halus bagi seringggit. Ini dibuat supaya nilai setiap ringgit kekal pada kadar 2s. 4d. (dua shilling 4 pence). Apabila pound sterling diturunkan nilainya pada bulan November 1967, nilai ringgit telah naik berbanding dengan pound sterling menjadikan tukaran pada waktu itu £1=M\$7.3663, tetapi pariti emasnya kekal tidak berubah.

Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun-tahun 1970an, berikutan dengan turun nilai dollar Amerika Syarikat dan pengapongan matawang-matawang utama antarabangsa, ringgit juga telah diapongkan pada 21hb Jun, 1973 supaya nilai pasarannya dapat ditentukan. Apabila negara-negara maju utama mengapongkan matawang mereka di antara satu sama lain, pada bulan September 1975, Kerajaan telah memutuskan bahawa ukuran yang amat sesuai bagi menilai ringgit bukanlah dibandingkan dengan emas atau satu-satu matawang sahaja tetapi dibandingkan dengan sekumpulan matawang negara-negara rakan perdagangan utama Malaysia. Semenjak itu, Tuan Yang di-Pertua, nilai ringgit adalah ditentukan dengan nilai sekumpulan matawang-matawang ini. Ringgit tidak pernah disokong oleh mana-mana matawang semenjak ia mula dikeluarkan oleh Bank Negara dalam tahun 1967.

Tuan Daud bin Dato Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan pada tahun 60an negara kita disokong oleh pound sterling dan disebabkan pada akhir tahun 1967 kejatuhan pound sterling, berapakah jumlah kerugian negara kita pada masa itu disebabkan oleh kejatuhan pound sterling itu?

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, di dalam tahun 60an sewaktu pihak Britain mengurangkan

nilai poundnya, sewaktu kita masih lagi disokong oleh pound sterling

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya agak sukar hendak jawab soalan itu tanpa diberi notis.

Dato Sabbaruddin Chik: Itu saya hendak mengatakan tadi bahawa

Timbalan Yang di-Pertua: Sebab kena buat congkak

Dato Sabbaruddin Chik: Sebab angkanya agak banyak, Tuan Yang di-Pertua, jadi saya tidak ada angka yang tepatlah. Jadi kalau sekiranya masih juga diperlukan dari segi

Timbalan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat hendak minta supaya jawab secara bertulis?

Dato Sabbaruddin Chik: Saya tidak minta jawab bertulis, saya hendak minta notis sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Minta notis. Silakan.

Tuan Ng Cheng Kuai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan nilai ringgit Malaysia yang merosot dengan hebatnya berbanding dengan US\$ baru-baru ini sama ada culprit, dengan izin, yang melakukan sabotaj ini telah dikenalpasti.

Soalan kedua, apakah

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat

Tuan Ng Cheng Kuai: (*Bangun*).

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk sebentar. Soalan pertama itu ada andaian, bermakna ada culprit. Itu hypothetical Yang Berhormat.

Tuan Ng Cheng Kuai: Boleh dikira sebagai andaian.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya tidak boleh membenarkan soalan hypothetical.

Tuan Ng Cheng Kuai: Soalan kedua, Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Tuan Ng Cheng Kuai: Apakah tindakan yang akan diambil terhadap culprit, dengan izin, yang melakukan sabotaj terhadap kemerosotan nilai wang ringgit berbanding dengan US\$ baru-baru ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan kedua itu adalah berbangkit dari soalan pertama. Jadi saya tidak boleh juga membenarkan.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, ini adalah terikat kepada satu peristiwa yang baru sahaja berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila duduk Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat hendak bertanya apakah sebab-sebab kemerosotan nilai ini?

Tuan Ng Cheng Kuai: Ya, itu maksud saya. (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, silakan Yang Berhormat.

Dato Sabbaruddin Chik: Soalannya Tuan Yang di-Pertua

Timbalan Yang di-Pertua: Apakah sebab-sebab kemerosotan nilai ringgit ini.

Dato Sabbaruddin Chik: Dibandingkan dengan wang Amerika?

Tuan Ng Cheng Kuai: Ya.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi matawang ringgit Malaysia ini diapungkan dan pertukaran wang itu bergantung kepada bukan sahaja

kepada matawang ringgit dan matawang Amerika tetapi dengan segala matawang negara-negara rakan perdagangan kita yang utama. Jadi, apabila ringgit Amerika ini naik dibandingkan dengan wang-wang lain maka secara tidak langsung juga ianya akan naik jugalah dibandingkan dengan matawang ringgit Malaysia sebab kita tidak mengapungkan wang kita ini hanya dengan satu currency (matawang) sahaja, dengan izin, tetapi dengan berbagai-bagai matawang asalkan mereka itu mempunyai dagangan yang banyak dengan negara kita.

BURUH SWASTA—SKIM GAJI MINIMA

7. **Wan Ibrahim bin Wan Abdullah** minta Menteri Buruh menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan satu skim gaji minima bagi buruh di sektor swasta di mana Kerajaan boleh menentukan tentang kategori buruh, umpamanya buruh mahir, separuh mahir dan kurang mahir, supaya dengan ini tidak berlaku pemerasan tenaga buruh dengan sewenang-wenang oleh majikan.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara demokrasi Kerajaan percaya dengan konsep perusahaan bebas (free enterprise). Penetapan kadar gaji adalah bergantung kepada bekalan dan permintaan tenaga kerja (supply and demand) serta kawasan tempat pekerjaan dan jenis pekerjaan dan ianya juga menjadi hak individu majikan mengikut kemampuan dan keupayaan mereka untuk membayar. Di samping itu Kerajaan juga menggalakkan perkembangan kesatuan sekerja yang sihat. Pihak pekerja atau kesatuan mereka boleh berunding dengan pihak majikan mereka tentang gaji dan syarat-syarat

pekerjaan. Sekarang ini pun memang terdapat perjanjian-perjanjian bersama yang mengandungi syarat-syarat penetapan gaji bagi pekerja mengikut kemahiran dan pengalaman mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya juga mempunyai perundangan di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji, 1947 bagi menubuhkan Majlis-majlis Gaji untuk menetapkan kadar saraan minima bagi pekerja-pekerja dalam industri-industri yang tidak mempunyai jentera yang berkemampuan untuk merundingkan tentang gaji dan syarat-syarat pekerjaan.

Pada masa ini telah pun wujud 4 buah Majlis Penetapan Gaji dan sekiranya ada golongan pekerja yang tidak dilindungi oleh mana-mana Majlis Penetapan Gaji dan sekiranya mereka ingin merayu tentang kadar atau syarat-syarat pekerjaan mereka boleh membuat rayuan kepada Kementerian saya secara persendirian atau bersama-sama dengan pihak majikan mereka. Jika didapati sesuai dan perlu sebuah lagi Majlis Penetapan Gaji akan ditubuhkan.

Selain dari itu, Kementerian saya akan terus mengawasi kadar gaji dan lain-lain syarat pekerjaan yang ditawarkan kepada pekerja-pekerja di semua peringkat dan tempat pekerjaan. Sekiranya didapati berlaku sebarang penindasan atau pemerasan tenaga pekerja di mana-mana tempat pekerjaan, tindakan yang sewajarnya akan diambil. Kementerian saya berpuas hati dengan sistem yang ada sekarang dan buat masa ini tidak bercadang untuk mengadakan satu skim gaji minima bagi pekerja-pekerja di sektor swasta selain daripada perundangan yang diperuntukkan di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji, 1947.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:
Tuan Yang di-Pertua, soalan

tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan bahawa Kementerian sedang dan sentiasa mengawal tentang penawaran gaji kepada pekerja-pekerja. Saya ingin mendapat penjelasan, apakah cara Kementerian mengawal tawaran gaji kepada pekerja-pekerja di firma-firma yang terdapat dalam negara ini?

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, seperti Yang Berhormat itu pun sedar pegawai-pegawai buruh dari Kementerian saya sedang dan selalu menjalankan tugas-tugasnya mengikut jadual, melawat dan menyiasat tiap-tiap tempat pekerjaan mengikut jadual. Selain dari itu Kementerian saya pun ada mewajibkan majikan itu melaporkan kepada Kementerian pada tiap-tiap bulan atau mengikut suku tahun atau setengah tahun. Dari laporan itu pun kami boleh dapat mengawalkan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan bahawa setakat ini ada empat buah Majlis Penetapan Gaji yang dilantik dan jika perlu mungkin akan ditambah sebuah lagi. Saya ingin bertanya siapakah yang melantik anggota-anggota Majlis Penetapan Gaji ini dan apakah kriteria bagi memilih anggota-anggota ini dan adakah wakil-wakil daripada majikan ataupun pekerja diminta duduk bersama di dalam Majlis ini? Terima kasih.

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon notis jikalau meminta nama itu, saya tiada nama di sini tetapi syarat-syarat tertentu untuk dilantikkan ahli-ahli di Majlis-majlis Penetapan Gaji adalah mengikut syarat tertentu di bawah undang-undang dan seperti Yang Berhormat katakan wakil dari majikan, wakil dari kesatuan, wakil dari Kerajaan dan wakil bebas juga dimasukkan.

Tuan Gooi Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah beliau setuju skim gaji minima adalah selaras dengan NEP iaitu membasmikan kemiskinan tanpa mengira kaum? Kalau bersetuju, mengapa Kerajaan tidak boleh melancarkan skim ini?

Datuk William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, memang saya bersetuju dengan apa Yang Berhormat katakan itu kerana hasrat Kerajaan memang ingin membasmikan kemiskinan tetapi ini saya fikir tidaklah ada kaitan dengan gaji minima kerana seperti yang saya telah sebutkan gaji minima itu tidak dapat diadakan pada masa sekarang oleh kerana sebab-sebab yang saya sebutkan tadi. Saya fikir Yang Berhormat itu pun sedar bahawa bukan gaji sahaja satu kriteria yang patut diambil timbangan dalam satu-satu pekerjaan oleh kerana syarat-syarat lain pekerjaan pun mesti ditimbangan juga.

BELIA—LANGKAH MEMPERBAIKI MORAL/AKHLAK

8. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki akhlak belia-belia kita yang kini telah jauh diresapi oleh kebudayaan-kebudayaan barat yang tidak sesuai dengan adat resam kita.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah mengambil beberapa langkah penting di dalam memperbaiki moral dan akhlak belia-belia kita dengan mengadakan program pengajaran agama dan

akhlak yang disalurkan melalui Unit Agama Kementerian ini. Antaranya ialah kursus-kursus berikut:

- (1) Kursus-kursus kesedaran dan kefahaman Islam kepada belia-belia.
- (2) Kursus-kursus dakwah dan kepimpinan Islam kepada pemimpin-pemimpin pertubuhan ataupun persatuan belia di setiap negeri.
- (3) Kursus-kursus kesedaran dan kefahaman Islam kepada pelatih-pelatih di Pusat Latihan Belia.
- (4) Kursus-kursus kepimpinan khas bagi menerapkan nilai-nilai yang baik kepada belia-belia.

Di samping itu kita sering mengadakan ceramah-ceramah dan kelas-kelas bimbingan akhlak dan moral kepada ahli-ahli pertubuhan belia. Kita sentiasa memperkenalkan nilai-nilai moral yang baik di dalam kursus-kursus, bengkel belia dan seminar yang telah dihadiri oleh belia-belia seperti bengkel kepimpinan belia, kursus belia-niaga, kursus usahawan, kursus motivasi, khemah kerja belia dan lain-lain.

Program yang tersebut adalah bertujuan untuk membentuk belia-belia kita supaya menyedari akan bahaya yang boleh merosakkan diri dan hidup mereka di samping membentuk diri mereka supaya menjadi ahli masyarakat yang berguna kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini juga sedang memikirkan untuk memperbanyak dan mempelbagaikan aktiviti yang berbentuk kerohanian supaya penerapan nilai-nilai yang baik di kalangan belia-belia kita dapat dilaksanakan dengan baik dan berkesan.

Di samping itu Kementerian ini sedang berusaha dengan sedaya upaya

mengambil beberapa langkah bagi mencegah gejala-gejala yang boleh merosakkan moral dan cuba menghapuskan aktiviti-aktiviti yang bercanggah dengan nilai-nilai budaya dan agama selaras dengan hasrat Kerajaan.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman:

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah menyatakan bahawa kursus-kursus dan ceramah-ceramah diadakan. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa kursus-kursus dan ceramah-ceramah ini tidak mendatangkan kesan yang begitu baik sekali kerana selalunya peserta-peserta kursus ini adalah terdiri daripada pemimpin-pemimpin belia atau mereka yang aktif di dalam kegiatan belia tetapi apakah langkah yang diambil oleh Kementerian bagi menerapkan nilai-nilai baik kepada belia-belia yang tidak menghadiri kursus yakni mereka yang tidak terlibat dalam kegiatan belia kerana mereka inilah yang banyak selalunya mudah menerima unsur-unsur yang tidak baik daripada luar ini?

Yang kedua, adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan satu undang-undang untuk menentukan ataupun memberi kuasa kepada pihak Menteri atau mana-mana majlis yang ditubuhkan oleh Kementerian Belia untuk menentukan bahawa sesuatu unsur yang tidak baik itu boleh diambil tindakan undang-undang kepada belia-belia yang terlibat.

Dan yang ketiga, adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa banyak unsur-unsur yang tidak baik ini datangnya melalui filem-filem ataupun melalui peti-peti televisyen. Jadi apakah sumbangan ataupun kerjasama yang telah diberikan oleh Kementerian Belia kepada pihak berkenaan yang memainkan peranan dalam perkembangan filem dan juga televisyen?

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, untuk soalan yang pertama adakah sedar atau tidak, Kementerian sedar perkara ini kerana kita melihat bahawa di dalam negara kita ada lebih kurang 4 juta penduduk digolong ke dalam belia berumur antara 15 tahun hingga 35 tahun. Daripada 4 juta hanya 1.4 juta sahaja yang mendaftarkan diri mereka ke dalam persatuan-persatuan ataupun pertubuhan-pertubuhan belia. Jadi selalunya kegiatan-kegiatan yang dibuat sama ada kursus, seminar dan berbagai-bagai lagi adalah menerusi pertubuhan-pertubuhan ataupun persatuan-persatuan belia.

Namun begitu, mereka-mereka yang tidak hadir di dalam kursus-kursus boleh juga mendapat faedah dengan tidak secara langsung sama ada menerusi pemimpin-pemimpin belia yang menghadiri kursus ataupun dengan kegiatan-kegiatan lain seperti kegiatan-kegiatan sukan dan berbagai-lagi.

Mengenai undang-undang yang akan menentukan kesalahan-kesalahan, saya merasakan bahawa di dalam negara kita ini sudah banyak undang-undang yang menentukan kesalahan-kesalahan hingga ke peringkat jenayah dan lain-lain untuk membasmi ataupun sekurang-kurangnya menyekat perbuatan-perbuatan yang tidak baik yang dilakukan oleh rakyat di dalam negara kita.

Mengenai filem-filem yang boleh mempengaruhi akhlak belia-belia kita di negara kita ini, biasanya filem-filem ini kelazimannya yang ditayang sama ada di TV ataupun di pawagam-pawagam adalah menerusi satu Lembaga Penapisan Filem yang diadakan oleh Kerajaan.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan. Memang diakui sebagaimana yang diterangkan oleh

Setiausaha Parlimen tadi bahawa Kerajaan telah banyak sekali mengadakan berbagai program untuk memperbaiki akhlak para belia di negara kita akan tetapi perlu diakui juga bahawa sebilangan besar daripada para belia kita tidak dapat disampaikan bimbingan ataupun pengajaran sama ada memberi kursus atau ceramah oleh kerana pertamanya tidak ramai yang menjadi ahli belia, yang keduanya mungkin juga Kerajaan tidak berupaya untuk mengadakan ceramah atau kursus kepada seluruh anggota-anggota belia dalam negara kita.

Saya ingin bertanya kepada beliau, untuk mengatasi masalah ini adakah Kerajaan bercadang supaya selain daripada memberi ceramah, kursus-kursus dan sebagainya, pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dapat mengadakan buku-buku kecil atau risalah sebagai panduan ibadat ataupun akhlak dan sebagainya supaya dapat disebarkan kepada anggota-anggota belia. Jadi cara memberi syarahan secara lisan ini barangkali daripada 100 belia umpamanya, harapan kita kalau dapat 10 orang pun nasib baik, tetapi kalau diikuti dengan buku lebih baik.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, bolehkah simpulkan soalan Ahli Yang Berhormat itu?

Dato' Haji Saidin bin Mat Piah: Soalan tambahan saya adakah Kerajaan bercadang selain daripada memberi ceramah, mengadakan buku-buku risalah kecil agama untuk disebarkan kepada para belia. Dan keduanya, memandangkan keset menarik perhatian masyarakat luar bandar sekarang ini, adakah Kerajaan juga bercadang untuk membuat ceramah-ceramah ataupun pengajaran agama melalui keset-keset supaya dapat disebarkan, sekurang-kurangnya kepada seluruh persatuan-persatuan belia di negara kita ini dengan

percuma supaya dapat mereka menikmati pengajaran itu secara berterusan.

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan telah pun menerbitkan risalah ataupun pamphlet agama untuk bukan sahaja kalangan belia-belie tetapi untuk seluruh masyarakat Islam di dalam negara kita ini menerusi bahagian Agama di Jabatan Perdana Menteri. Jadi kita tidak kiralah Kementerian mana yang mengeluarkan perkara ini tetapi masalah pokoknya ialah penerbitan untuk kepentingan dan keperluan rakyat di negara kita.

Mengenai keset, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak mempunyai cadangan sehingga setakat ini untuk mengeluarkan keset bagi tujuan seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu. Namun begitu, saya melihat bahawa di Radio dan TV sentiasa mengadakan ceramah agama yang mempunyai tujuan yang sama.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah kursus-kursus yang akan diberikan kepada sebahagian belia di negara kita seperti yang terdapat di Sungei Wang Plaza di mana orang-orang muda ada rambut berwarna-warni bukan hitam-putih seperti rambut saya, tetapi berwarna-warni iaitu hijau, biru, coklat, merah dan sebagainya seperti yang terdapat di "Come Look".

Timbalan Yang di-Pertua: Bolehkah saya menyimpulkan soalan Ahli Yang Berhormat, apakah kursus-kursus yang diadakan untuk belia bandar?

Tuan Awang bin Jabar: Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan tambahan yang telah ditafsirkan semula oleh Tuan Yang di-Pertua itu, yang asalnya dari Wakil dari Bandar Kuching, saya

ingin menarik perhatian atau ingin memaklumkan kepada Dewan ini bahawa belia-belie di dalam bandar pun sentiasa diberi kursus-kursus iaitu kita mengadakan kemah kerja dan berbagai-bagai lagi seperti di Wilayah Persekutuan dan lain-lain tempat.

Masalahnya penyertaan belia-belie di dalam bandar ini agak sedikit perlahan, tidak mendapat minat khususnya daripada kalangan belia yang bukan bumiputera.

BUKU "JESUS: PROPHET OF ISLAM DAN THE GOSPEL OF BARNABAS"

9. Dr Chen Man Hin minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa buku-buku "Jesus: Prophet of Islam" diterbitkan di Pakistan dan ditulis oleh Muhamad 'Ata Ur Rahim dan "The Gospel of Barnabas", yang kononnya ditulis oleh the Apostle Barnabas pada hal ia sebenarnya ditulis oleh seorang Islam keturunan Morisco telah menyinggung dan mengelirukan orang-orang Kristian kerana kedua-dua buku tersebut memutarbelitkan agama Kristian menuduh paderi-paderi sebagai mengkorapkan agama Kristian dan adalah fiksyen semata-mata; jika ya, nyatakan apakah langkah-langkah yang Kerajaan akan ambil untuk menghentikan penyebaran dan penjualan buku-buku yang dinyatakan di atas demi kepentingan keamanan dan keharmonian dan apakah langkah-langkah Kementeriannya akan ambil untuk memastikan penerbit yang memperkecilkan, mengelirukan serta memutarbelitkan mana-mana agama yang dianuti di Malaysia tidak akan dibenarkan disebar atau dijual di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Dalam Negeri belum lagi menjumpai buku Jesus: Prophet of

Islam yang diterbitkan di Pakistan dan ditulis oleh Muhamad Atar Ur Rahim dan buku *The Gospel of Barnabas* kononnya ditulis oleh *The Apostle of Barnabas* seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebelum sesebuah buku dibenarkan untuk diimport dan diedarkan di negara ini maka buku berkenaan akan dikaji terlebih dahulu oleh Kementerian Dalam Negeri. Buku-buku itu akan dibenarkan untuk diimport dan diedarkan kepada orang ramai jika kandungannya tidak bertentangan dengan Seksyen 7 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, 1948.

Kementerian Dalam Negeri kini sedang menyiasat dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Seremban. Jika dakwaan ini benar, Kementerian Dalam Negeri akan mengambil tindakan untuk menyekat kemasukan dan pendedaran buku-buku tersebut di negara ini.

HUTANG NEGARA— JUMLAH BEBANAN

10. Tuan Abdul Rahman bin Suliman minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah hutang negara kepada negara-negara asing atau badan-badan kewangan antarabangsa sehingga tarikh semasa;
- (b) adakah jumlah hutang sekarang ini masih boleh dianggap sebagai munasabah dan tidak membimbangkan dari segi dasar kewangan negara kita; dan
- (c) apakah langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk mengurangkan hutang negara pada masa-masa yang akan datang agar pembiayaan

pembangunan negara dilaksanakan dari sumber negara ini sendiri.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, jawapan saya kepada soalan ini adalah sama dengan jawapan yang telah diberikan kepada pertanyaan oleh Ahli Yang Berhormat dari Lambir pada 24hb Oktober, 1984 dan juga Ahli Yang Berhormat dari Bandar Kuching pada 9hb November, 1984 dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidak ada apa-apa tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.

(Soalan No. 11 Y.B. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong tidak hadir).

RELA/RELAWATI— PENINGKATAN KEGIATAN

12. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) benarkah seluruh struktur Ikatan Relawan (RELA) akan dirombak semula bagi memastikan kekesanannya yang lebih bermakna dalam rangka mencapai matlamat penubuhan RELA iaitu menjadi benteng pertahanan ketiga negara dan membantu usaha Kerajaan meningkatkan ekonomi dan mutu hidup rakyat berbilang kaum di negara ini. Jika benar, bagaimanakah bentuk penyusunan yang dimaksudkan itu dan kaedah pelaksanaannya; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang untuk membesarkan lagi bilangan anggota RELA dan RELAWATI di negara ini.

Hingga setakat ini berapakah jumlah anggota RELA dan RELAWATI di seluruh negara.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan tidak lagi bercadang untuk merombak seluruh struktur Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA).

Walau bagaimanapun, Kerajaan baru sahaja selesai menjalankan projek pendaftaran semula ahli-ahli RELA di seluruh negara. Sementara itu Kerajaan juga tidak bercadang untuk membesarkan bilangan anggota-anggota RELA dan RELAWATI.

Setakat ini jumlah anggota RELA dan RELAWATI selepas pendaftaran semula di seluruh negara adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Ahli</i>
Perlis	6,401
Kedah	19,892
Pulau Pinang	6,633
Perak	23,107
Selangor	11,533
Wilayah Persekutuan	1,604
Negeri Sembilan	9,922
Melaka	5,061
Johor	17,468
Pahang	18,255
Terengganu	7,820
Kelantan	17,357
Sabah	13,978
Sarawak	10,969
Jumlah ..	<hr/> 170,000 <hr/>

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sebab-sebab atau faktor-faktor yang menyebabkan Kerajaan terpaksa mengadakan pendaftaran semula.

Yang kedua, apakah syarat-syarat yang ditetapkan oleh Kerajaan dalam pendaftaran semula?

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya sebelum pendaftaran semula dijalankan, terdapat genap 354,653 orang ahli RELA dan RELAWATI di seluruh negara kita. Tetapi Kerajaan berpendapat bahawa kegiatan yang disumbangkan tidak begitu berkesan maka Kerajaan berpendapat bahawa pasukan ini patutlah dinilai dari segi kualitinya bukan dari segi kuantitinya. Maka pendaftaran semula dijalankan pada bulan September, 1982. Dan sekarang terdapat sepertimana saya terangkan tadi 170,000 genap iaitu kekurangan sebanyak 184,653 orang dan saya percaya bahawa bilangan yang terdapat yang telah pun didaftar semula akan memberi sumbangan yang lebih berkesan lagi kepada pasukan RELA di seluruh negara.

Timbalan Yang di-Pertua: Berbalik semula kepada soalan-soalan yang ditinggalkan.

Yang Berhormat Tuan V. Govindaraj.

Tuan Ng Cheng Kuai: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 4.

“BREAKDANCE”— PERKEMBANGAN

4. Tuan Ng Cheng Kuai (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar “Demam Breakdance” kini sedang memuncak di kalangan murid-murid dan kanak-kanak serta muda-mudi kita. Jika sedar, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak Kerajaan untuk memperbaiki keadaan ini:

(a) sebagai suatu langkah, inginkan pihak Kerajaan mengharamkan segala penyiaran filem, bersabit

dengan tarian ini melalui TV, keluaran Video serta melalui lain-lain mass-media; dan

- (b) sebagai langkah kedua inginkah pihak Kerajaan mengharamkan kumpulan-kumpulan yang datang dari luar negeri ataupun di dalam negeri bagi mementaskan tarian Break-dance.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Awang bin Jabar): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar dan sentiasa meneliti perkembangan Breakdance. Walau bagaimanapun, kita berpendapat ianya tidaklah begitu merebak dan memuncak di kalangan murid-murid dan kanak-kanak serta muda-mudi kita seperti yang digambarkan oleh soalan itu. Saya yakin bahawa tarian ini akan lenyap ditelan masa kalau ianya tidak diheboh-hebohkan.

Langkah-langkah pentadbiran sentiasa diambil bagi menyekatkan kemasukan unsur-unsur kebudayaan yang tidak diterima atau bertentangan dengan nilai-nilai masyarakat Malaysia dan berasaskan kepada peraturan-peraturan yang sedang berkuatkuasa. Di antaranya ialah:

Penyekatan di atas kemasukan artis-artis asing.

Penapisan filem TV dan Video serta muzik dan lagu-lagu.

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sesuatu sekatan itu biasanya diselaraskan oleh beberapa agensi Kerajaan yang bertanggungjawab bersama.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid: Tuan Yang di-Pertua, soalan No. 11.

KEGIATAN LANUN DI SABAH

11. Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bolehkah Menteri memberitahu bilangan kegiatan-kegiatan lanun berlaku di Sabah semenjak tahun 1976 hingga kini. Berapakah bilangan kes-kes lanun yang telah dapat diselesaikan dengan jayanya oleh Polis Marin.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sejak tahun 1976 sehingga bulan September tahun ini sebanyak 75 kes lanun telah dilaporkan berlaku di Sabah. Dari jumlah tersebut sebanyak lima kes telah dapat diselesaikan dengan tangkapan seramai 12 orang dan dua orang telah ditembak mati.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan-soalan bagi Jawab Mulut sudah habis.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 dan Anggaran Pembangunan, 1985 dalam Jawatankuasa sesebuah Majlis". (Hari Kesebelas).

*Majlis bersidang dalam
Jawatankuasa.*

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Jawatankuasa*)

Maksud B. 33 (Jadual)—

Maksud P. 33 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Perbahasan disambung semula.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda dijemput teruskan ucapan.

4.36 ptg.

Tuan Othman bin Abdul (Ulu Muda): Tuan Pengerusi, menyambung semula Butiran 3 dan 4. Saya tengok Ahli-ahli DAP ada dua tiga orang. Saya ingat mereka sudah tidak datang lagi. Saya hendak tengok berani atau tidak berani kita hentam Menteri kita. Semalam saya telah pun menyebutkan mengenai dasar-dasar yang telah pun ditentukan oleh LPN dan saya berhenti setakat untuk menjeniskan tugas-tugas LPN ini yang semuanya mempunyai lima iaitu:

- (1) Menyimpan dan menyelenggara bekalan padi dan beras supaya cukup.
- (2) Memastikan harta padi yang berpatutan dan stabil.
- (3) Memastikan harga beras yang berpatutan dan stabil.
- (4) Memastikan bekalan beras yang cukup dalam masa kecemasan, dan
- (5) Membuat syor-syor kepada Kerajaan mengenai polisi menggalakkan pengeluaran padi dan beras.

Ini adalah objektif-objektif atau tugas-tugas yang tercatat apa yang perlu dipenuhi oleh pihak LPN. Dalam soal dasar, saya tidak hendak menyebutkan perkara itu lebih lanjut. Saya ingin menyentuh tentang satu suasana atau keadaan yang telah timbul di negeri Kedah khususnya

iaitu mengenai rasa tidak puas hati di kalangan petani-petani padi apabila pihak LPN telah membeli padi dalam musim yang lalu dengan potongan yang begitu tinggi. Kompleks LPN membeli padi daripada satu sawah yang sama yang menggunakan jentera yang sama iaitu "combined harvester" dengan satu lori yang sama yang telah dibawa ke Kompleks LPN, potongan bagi satu guni ialah sebanyak 30 kilogram. Tetapi bila dibawa ke kilang Rahmah di Pendang, di tempat saya, kilang itu menawarkan 28 kilogram. Dibawa lagi padi yang sama dengan lori yang sama ke kilang Union Rice Mill. Dia meminta potongan 25 kilogram. Mengapa harus berlaku perbezaan 5 kilogram yang telah boleh membawa pendapatan sebanyak \$2.00 lebih jika dikira kadar 40 sen bagi satu kilogram? Boleh jadi pihak Kementerian akan menjelaskan, LPN akan mengatakan bahawa bukanlah hasrat LPN untuk membeli padi semua sekali, di mana petani-petani akan mendapat keistimewaan dengan harga yang lebih, di situlah perlu mereka jual bagi mendapatkan pendapatan yang lebih. Saya bersetuju dengan pendapat atau pandangan atau jawapan itu. Tetapi mengapakah soalnya kadar potongan itu diletakan dengan begitu tinggi, hanya bergantung kepada alat-alat untuk menyukat kandungan wap basahnya, belaku perbezaan potongan.

Tentang keistimewaan petani-petani hendak menjual di mana itu, saya setuju supaya mereka mendapat pendapatan yang lebih. Soalnya mengapakah berlaku perbezaan lima kilogram ini, kalau boleh dijawab. Persoalan-persoalan yang selalu ditimbulkan oleh LPN ialah padi petani kotor, padi petani ada besi, padi petani ada batu, padi petani ada jerami, padi petani ada daun padi. Saya hendak bertanya LPN, berapa tan besi yang ada, berapa tan batu yang ada, berapa tan sabut yang di

dalam guni? Kalau hendak cari padi yang tidak ada jerami padi, mustahil akan dapat jenis padi yang macam itu dalam dunia Tuan Pengerusi, tidak ada, mustahil. Kalau hendak cari padi yang kering dalam off season, musim kedua, tidak mungkin. Kerana musim menuai ini mungkin terkena dalam musim hujan dan sawah akan dipenuhi dengan air. Inilah perkara-perkara yang perlu ditimbang oleh pihak LPN. Dan selepas daripada keadaan ini, pihak LPN telah mengeluarkan satu kenyataan bahawa Kerajaan ataupun LPN akan mengenakan sekatan ke atas jentera menuai padi, combined harvester, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Saya tidak nampak mustahaknya, dari segi undang-undang adakah LPN boleh melakukannya bagi mengawal jentera-jentera memotong padi ini? Saya tidak bersetuju cara ini kerana apabila saya meneliti secara mendalam saya lihat kesalahan-kesalahan itu semuanya diletakkan kepada petani—jual padi basah, jual padi kotor, jual padi muda, jual padi yang bercampur dengan bahan-bahan yang tidak perlu. Semuanya kesalahan petani. Kita perlulah memikirkan bahawa Kerajaan ini sebahagian daripada tugasnya ialah untuk membimbing masyarakat, masyarakat Melayu petani khususnya yang masih lagi di dalam tahap tingkat pencapaian pemikiran yang kurang tinggi ini.

Saya hendak mengambil satu contoh daripada Laporan Eksekutif Kajian Kesan Skim Subsidi Padi ke atas Petani-petani Padi di Malaysia oleh UPM pada bulan Mei 1984, yang baharu sahaja dikeluarkan. Laporan itu menyebutkan “petani-petani tua masih menguasai sektor ini dan kebanyakan mereka tidak mempunyai pelajaran yang tinggi”. Ini satu kenyataan. Jadi, dengan itu pihak Kerajaan ataupun pihak LPN perlulah memberikan pelajaran kepada mereka ini. Bagaimanakah hendak cara

menyimpan, menuai padi yang sempurna, bukan dengan mengenakan segala sekatan, dengan mengenakan segala peraturan yang boleh menimbulkan masalah yang banyak kepada mereka. Inilah persoalannya yang saya hendak sebutkan.

Tuan Pengerusi, apabila pihak LPN mengeluarkan kenyataan untuk mengawal jentera-jentera ini, satu keadaan tidak senang timbul di negeri Kedah. Pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar terpaksa memanggil pihak LPN untuk memberi taklimat sebab-sebab kenyataan itu dibuat dan pihak Yang Amat Berhormat meminta supaya LPN merujuk terlebih dahulu, mendapat pandangan daripada Kerajaan Negeri perkara-perkara yang bersangkutan patut dengan urusan pentadbiran negeri. Ini suatu hal yang dikeluarkan di Kuala Lumpur tanpa memikirkan apakah implikasi yang akan berlaku kepada peringkat negeri.

Satu soal yang saya rasa tidak baik, yang saya rasa inilah perlu dilihat dengan lebih mendalam supaya kita tidak mahu melihat peristiwa yang berlaku pada bulan Januari, 1980 di Wisma Negeri, Alor Setar apabila beribu-ribu rakyat petani berkumpul, marah kepada Kerajaan akibat daripada pandangan, pendapat dan kenyataan-kenyataan LPN ini, satu peristiwa buruk, sejarah hitam telah pun berlaku. Jadi, dengan itu saya ingin mencadangkan kepada pihak LPN, kalau pihak LPN berkeupayaan tambah pusat pengering sahaja. Jika tidak mampu, kita boleh benarkan pihak swasta untuk mendirikannya supaya petani-petani ini dapat mengupah, mengeringkan padi mereka itu. Kerana kalau hendak dikira 30 kilogram yang dipotong dengan kadar 39 sen bagi padi sederhana, ianya telah membawa jumlah \$11.70 potongan. Kalau sekiranya upah itu \$3.00 satu guni, bermakna petani masih lagi untung \$6.70 jika sekiranya ada. Jika

sekiranya boleh dibuat begitu supaya ianya dapat membantu sedikit sebanyak petani-petani ini. Ini perlulah pihak LPN membuat kajian tentang perkara ini supaya ianya tidak lagi akan menimbulkan kesulitan, tidak menimbulkan salah faham di kalangan rakyat terhadap LPN yang seterusnya akan memberi gambaran yang tidak baik terhadap Kerajaan keseluruhannya, bukan LPN sahaja, Kerajaan keseluruhannya. Inilah satu perkara yang saya anggap penting untuk dilihat.

Perkara yang kedua, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh tentang dakwaan terhadap beberapa penyelewengan yang disebut rata-rata di dalam akhbar dan orang-orang persendirian. Saya sebagai bekas pegawai Kerajaan juga bersimpati dengan perkara yang berlaku tetapi saya mempunyai juga ramai kawan-kawan di dalam LPN ini. Satu kenyataan yang begitu heboh ialah mengenai peristiwa bagaimana Ketua Pengarah telah mengeluarkan kenyataan untuk memberikan kontrak mengangkut beras daripada Siam ke negara ini untuk diberikan kontrak kepada perkapalan daripada Siam, 4 buah. Saya sebutkan satu persatu, Tuan Pengerusi: Yang pertama, Seatran Thailand. Yang kedua, Golden Ocean Thailand. Yang ketiga, Thai Inter-Navigation Co. Dan yang keempat, Ruamchai Shipping Thailand.

Perkara ini, keputusan ini adalah pertama sekali bertentangan sekali dengan dasar negara sekarang.

Saya hendak tunjukkan, bakal-bakal haji Malaysia yang miskin terpaksa membayar tambang yang tinggi untuk menaiki penerbangan MAS, sedangkan kita boleh membayar dengan lebih murah kalau kita boleh dengan demikian. Tetapi dengan tiba-tiba LPN telah

mengeluarkan kenyataan untuk memberi kontrak kepada syarikat-syarikat asing seperti ini.

Yang kedua, ianya bertentangan dengan objektif yang pertama di dalam Belanjawan negara iaitu untuk membaiki Imbangan Pembayaran Negara. Jadi, LPN telah tidak menolong dan tidak membantu Kerajaan dalam usaha untuk membaiki Imbangan Pembayaran.

Yang ketiga, ianya akan memusnahkan atau merosakkan perusahaan perkapalan bumiputera khususnya di negara ini.

Yang keempat, yang bertentangan dengan keputusan Lembaga Pengarah LPN sendiri yang mencadangkan perkapalan dalam negeri, terutamanya Kontena Nasional.

Saya mempunyai satu memo yang panjang setebal 5 muka yang dituliskan oleh Haji Salim bin Abdul Hamid mengenai tidak persetujuannya kepada Ketua Pengarah LPN, pandangan-pandangan dan keputusan-keputusan daripada Lembaga Pengarah, ditunjukkan sebab-sebab mengapa perlunya syarikat perkapalan bumiputera dalam negeri diambil untuk mengangkut beras itu. Setelah beberapa minggu kita dengar bahawa Pengerusi Lembaga Pengarah LPN mengeluarkan kenyataan bahawa satu siasatan akan dibuat.

Saya ingin tahu, apakah keputusan siasatan itu. Yang keduanya, pihak Pengerusi Lembaga LPN telah pun mengeluarkan kenyataan dengan hanya memanggil BERNAMA sahaja, kemudian membuat satu press conference menyatakan bahawa beras-beras daripada Thailand akan diangkut oleh sebuah syarikat bumiputera ke Sabah dan Sarawak.

Saya tahu kejadian ini berlaku setelah kehebohan berlaku, satu telex

telah pun dikirimkan kepada Syarikat Ruamchai Thailand supaya shipment yang pertama dihantar sebanyak 5,000 tan tetapi fail ini telah hilang di Pejabat LPN, setelah dijumpai maka syarikat itu telah bertukar menjadi Syarikat Bukhary. Inilah perkara yang tidak mahu kita lihat berlaku apabila institusi-institusi yang dikuasai oleh kaum bumiputera menunjukkan satu teladan yang tidak baik, sedangkan Kerajaan selalu membicarakan soal Kepimpinan Melalui Teladan ini. Sebab saya menyebut perkara ini ialah kerana jumlah beras yang dibawa itu adalah banyak dari segi quantitinya. Anggaran import beras LPN tahun 1985 berjumlah 428,040 tan dengan kadar yang akan saya sebutkan di bawah:

Negeri Thailand—A1 dengan harga \$625.79 dan kadar kos pengangkutan ialah \$65.78 bagi satu metrik tan.

Jadi, bolehlah kita mengkaji, kita daraf tenguk berapakah jumlah yang perlu dibayar keluar negeri. Saya tidak mahulah sebutkan perkara lain sebab ada lagi quotation daripada Burma, Pakistan yang

Tuan Hussein bin Mahmood: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat itu minta jalan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmood): Kalau Yang Berhormat dari Ulu Muda bersetuju dengan saya, saya minta angka-angka ini jangan dikeluarkan dari segi strategi hubungan antarabangsa kita dan juga strategi jual beli kita, masalah pembelian beras dengan tempat-tempat yang berkenaan. Dan juga beras merupakan satu essential commodity dan ada hubungan dengan stockpile. Jadi, kalau dapat, kalau bersetuju dengan saya. Walau bagaimanapun, saya hanya minta sahaja.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih. Sebenarnya saya pun telah habis, Tuan Pengerusi, hendak masuk tajuk lain, saya pun hendak berhenti. Sebab itu saya tidak mahu sebut Burma, Pakistan semua ini. Saya mempunyai angka yang begitu terperinci—jangan hairan.

Jadi, perkara yang selanjutnya yang menjadi perbualan hangat di kalangan pegawai-pegawai kanan LPN iaitu mengenai seorang pegawai kanan di dalam Lembaga ini kerana didapati bahawa dalam tahun 1982 satu penyiasatan BPR telah pun dijalankan ke atas salah seorang pegawai terkanan di dalam LPN ini dan saya mempunyai nama orang atau pegawai yang menyerahkan laporan itu kepada pihak Kementerian; suatu penipuan ataupun satu kaitan dengan Syarikat Azumi Sdn. Bhd. berjumlah \$30,000, yang saya bawa photostat resitnya No. 0001 yang dibayar melalui seorang wanita; saya tidak mahu ada namanya, jelas. Dan fail itu telah pun diserahkan kepada Kementerian tetapi saya telah tidak mengerti, saya tidak faham mengapa orang-orang tertentu masih sitting on the file. Sebabnya kita tidak mahu melihat perkara-perkara seperti ini boleh berlaku dan saya berharap kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya dapat mengkaji, melihat untuk membaiki keadaan LPN ini dibaiki semula. Itu sedikit tentang soal penyiasatan berhubung dengan wang \$30,000 itu dan saya berharap kepada mereka yang mengetahui supaya dapat membantu Kerajaan bagaimana LPN untuk dibaiki.

Soal yang kedua, dalam soal heboh-heboh ini, soal upah kisar padi. Mengikut dakwaan yang dikeluarkan dalam akhbar mengatakan pengilang-pengilang padi yang mengambil upah untuk mengisar padi ini telah tidak mengemukakan bil tuntutan bagi tahun 1979, 1980 dan 1981. Saya hendak bertanya LPN adakah

pengilang-pengilang itu kaya-raya, millionaire semuanya yang tidak mengemukakan tuntutan ini. Semak dan kaji sebelum membuat kenyataan.

Kita mengakui bahawa kerja-kerja yang kita buat adalah banyak, kerja-kerja Kerajaan banyak, kerja LPN banyak, kerja orang kampung pun banyak. Jadi mestilah sama-sama buat pertimbangan dan mungkin boleh jadi dakwaan Persatuan Pengilang itu benar bahawa bil-bil yang dikirimkan hilang. Itu bukanlah satu perkara mustahil kerana setelah kita lihat Laporan-laporan Audit yang menunjukkan beberapa banyak wang Kerajaan dibelanjakan tanpa resit, tanpa bil, tanpa baucer yang terpaksa diminta untuk dihapus kira. Inilah saya harap pihak LPN supaya dapat mengkaji perkara ini.

Perkara seterusnya ialah soal dedak beras. Walaupun dedak ini manusia tidak makan, tetapi dedak ini juga menjadi hasil kepada Kerajaan, kepada LPN. Satu ketika pihak pentadbiran LPN menetapkan harga satu tan dedak ini dengan harga \$330 sedangkan harga pasaran ialah hanya \$280 kepada \$300. Jadi dengan itu dedak-dedak ini sudah tidak dapat dijual menyebabkan sekarang ini telah bertimbun sehingga 40,000 guni dan harganya telah turun kepada \$160 sehingga \$180. Siapakah yang rugi? LPN rugi, Kerajaan rugi dan tidak langsung mendatangkan hasil, lepas ini kita buang begitu sahaja dan ada juga cakap-cakap: "Kalau tidak laku kita bakar api" cakap seperti orang bodoh.

Tuan Pengerusi, saya hendak mencadangkan lain kali kita tender, siapa yang beri harga yang tinggi, yang lebih lumayan, kita jual kepadanya supaya ianya tidak akan terlihat soal penyelewengan ataupun soal tohmah-tohmah ini. Mungkin saya tidak percaya tetapi bila melihat keadaan, bila mengkaji sedikit

sebanyak dan mendapat pandangan dan pendapat daripada sahabat-sahabat saya, saya rasa ini ada kemungkinannya berlaku.

Seterusnya saya hendak menyebutkan soal keputusan pentadbiran yang telah dikeluarkan yang saya rasa amat merugikan pihak LPN. Pertama, keputusan pentadbiran LPN untuk membina satu gudang di Prai dengan harga \$10 juta. Walaupun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pernah menjawab kepada soalan saya di dalam Dewan yang mulia ini di dalam sesi/sidang yang lalu bahawa semuanya telah beres, tetapi sehingga hari ini gudang itu tidak digunakan, Certificate of Fitness tidak dikeluarkan, dengan izin, sehingga sekarang dan pihak Majlis Perbandaran Seberang Prai telah pun mengirim notis, kalau tidak salah saya, untuk merobohkan gudang \$10 juta dan kontraktor yang dapat itu hanyalah Kelas "BX", hairan saya, mengapa "BX" \$10 juta? Tolonglah, ini duit Kerajaan, bukan duit poket sesiapa tetapi duit Kerajaan. Perkara ini mestilah dikaji dengan mendalam supaya Kerajaan tidak rugi.

Yang kedua, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen pernah menjawab bahawa satu gudang di Senawang telah pun boleh digunakan. Harganya \$7 juta yang didirikan di atas tanah persendirian yang tuan tanahnya bernama H. R. Johnson. Sehingga sekarang H. R. Johnson tidak mahu menjual kepada pihak LPN, dia mahukan harga yang tinggi sekarang ini sebab sudah ada bangunan di atas tanahnya. Dahulu kata selesai, sekarang masih lagi belum selesai sehingga hari ini, Tuan Pengerusi.

Perkara yang ketiga saya hendak sebutkan ialah keputusan dan pembinaan quarters, rumah pegawai-pegawai LPN di Pasir Gudang, Johor

yang didirikan di atas tanah SEDC, Kerajaan Negeri Johor. Kerajaan Negeri Johor kalau tidak silap saya sudah perintah supaya keluar daripada situ, rugi lagi kalau keluar, rugi lagi berjuta-juta ringgit.

Saya menyentuh perkara keempat dan bagi menjimatkan masa, Tuan Pengerusi, iaitu pembelian mesin-mesin pengering padi yang beranggaran \$10 juta hingga \$12 juta dari Syarikat Chameleon Engineering. Saya tidak mahu sebut tuan punya Syarikat Chameleon ini, semua orang boleh tahu dan siasatlah sendiri, tetapi barang-barang yang dibeli, mesin-mesin dan alat-alat yang dibeli tidak dapat digunakan sehingga sekarang, sebab dia beli daripada Jepun; Jepun menggunakan padi jenis lain, kita jenis lain. Bila masuk padi itu, dia jadi bertih, Tuan Pengerusi. Ia tak kering. Lepas ia kering, ia jadi bertih: bertih yang kita buat, makan dengan pulut.

Tuan Pengerusi: Saya faham.

Tuan Othman bin Abdul: Faham, Tuan Pengerusi. Jadi ia jadi bertih, tidak boleh digunakan.

Tuan Pengerusi: Bukan jauh mana Arau dengan Ulu Muda.

Tuan Othman bin Abdul: Ya, Tuan Pengerusi, saya tahu. Jadi inilah perancangan yang tidak sempurna, perancangan yang tidak baik, jangan kita hanya untuk membantu sesiapa kerana company ini dipunyai oleh seorang yang tertentu, maka kita harus beli daripadanya sedangkan perkara itu kita terpaksa membuang berjuta-juta ringgit. Ini saya sebutkan banyak kali semasa saya membahaskan Belanjawan umum yang lalu.

Perkara yang kelima yang saya dapat tahu juga ialah pembelian guni-guni padi yang berharga \$500,000 atau \$½ juta dari Syarikat Muda Fibre Sdn. Berhad dengan tidak melalui sebarang

tender-tender yang sah dilakukan oleh pihak LPN ini. Siapa yang bersalah, cubalah Menteri cari, siasat dan tengok apa yang telah berlaku dalam LPN ini.

Perkara yang baru sekali saya dengar iaitu mengenai ubahsuai (renovation) Pejabat LPN, bangunan yang baru itu, renovationnya sahaja berjumlah \$90,000; sampai sekarang belum dijelaskan kerana tidak ada dokumen untuk menjelaskannya, untuk support pembayaran itu. Disebabkan oleh perbelanjaan \$90,000 itu dibuat, maka bayaran lebihmasa (overtime) bagi pekerja-pekerja di Tanjong Karang dan juga di Kedah telah tidak dapat dibayar. Bagi di Kedah saya tahu pegawai LPN Negeri kata, "ambil cuti". Tidak payah overtime kalau ambil cuti. Pekerja-pekerja yang bergaji kecil, berpendapatan rendah, bila disuruh ambil cuti, dia tidak mahu kerja, lebih baik tidak usah bekerja. Dia bekerja kerana hendak mendapat pendapatan tambahan daripada titik peluhnya itu. Jadi soal ini tidak ada penapian daripada pihak LPN dan sememangnya benar sampai semalam pun saya masih mendapat berita bahawa memang belum lagi dibayar kerana duit telah habis. Ini menunjukkan tidak efficientnya pegawai yang membuat peruntukan (budget) bagi LPN ini.

Kalau hendak sebut lagi soal-soal yang kecil sampai kepada masalah cuti, kakitangan pun terpaksa dirujuk kepada Ketua Pengarah, hendak kena dia sign dulu, hendak tandatangan, baru boleh cuti, perkara yang sebegini kecil. Berilah delegation of power sedikit kepada orang lain buat kerja daripada kerja teruk-teruk.

Perkara seterusnya, Tuan Pengerusi, di dalam akhbar *Utusan Malaysia* pada 21-11-1984 pihak Ketua Pengarah LPN telah menyatakan, saya

baca, dengan izin, Tuan Pengerusi: "Tuduhan-tuduhan yang dilemparkan"

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat telah mengambil masa lebih daripada 20 minit yang kita agih-agihkan semenjak perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini bermula dahulu. Oleh itu saya harap Yang Berhormat janganlah mengambil masa yang terlalu panjang, dan kalau boleh gulung dan tamatkan ucapan sebelum 4.35 petang, boleh?

Tuan Othman bin Abdul: Insya Allah, 4.35 terlalu panjang, tinggal sedikit lagi, sebab saya sudah menyentuh serba ringkas daripada tadi. Jadi saya hendak sebutkan bahawa: "Tuduhan-tuduhan yang dilemparkan terhadapnya adalah karut dan bertujuan untuk melihat masa depan LPN tergugat." Bila saya renung ayat ini, saya tidak nampak bahawa tuduhan-tuduhan itu mungkin menggugat, tetapi tindakan-tindakan peribadi yang mungkin akan menggugat LPN itu sendiri. Jika sekiranya tindakan lanjut tidak diambil daripada sekarang, tindakan-tindakan yang sempurna diambil daripada sekarang dan saya pun hairan dengan tiba-tiba telah keluar kenyataan bahawa pihak Kementerian masih mahu mengekalkan Ketua Pengarah LPN di tempat-tempat asalnya itu. Saya tidak tahulah sama ada perkara ini keluar daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan ataupun sengaja diupah-upah untuk dikeluarkan di dalam akhbar, saya tidak tahulah.

Perkara yang terakhir, Tuan Pengerusi, saya hendak menyentuh ataupun hendak menyarankan supaya satu Jawatankuasa Bebas ditubuhkan bagi mengkaji perjalanan, bagi mengkaji keadaan yang berlaku terhadap LPN, untuk mengkaji segala tuduhan atau tohmahan yang telah

pun kita dengar selama ini supaya LPN ini dapat dinaikkan semula imejnya, yang akan menggambarkan imej yang baik kepada seluruh Kerajaan.

Dengan itu saya menyokong perbelanjaan-perbelanjaan di bawah Maksud B. 33. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Ulu Nerus.

4.30 ptg.

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Kepala B. 33, Kementerian Perusahaan Awam, Butiran 1—Pinjaman kepada PKEN Semenanjung Malaysia berjumlah \$67.4 juta; Butiran 16—Pinjaman PKEN Sarawak—\$9.97 juta; Butiran 21—Pinjaman PKEN Sabah—\$7 juta, menjadikan peruntukan pinjaman kepada PKEN-PKEN berjumlah \$84.37 juta sebagaimana pada muka surat 170.

Tuan Pengerusi, peruntukan-peruntukan pinjaman ini ialah untuk membiayai projek-projek dan pelaburan-pelaburan yang akan dilaksanakan oleh PKEN-PKEN pada tahun ini sama ada projek-projek yang berbentuk commercial ataupun projek-projek yang berbentuk sosio ekonomi. Sekali pandang, peruntukan sebanyak \$84.47 juta ini adalah sedikit dan harus tidak mencukupi untuk memenuhi kehendak-kehendak pelaburan dan juga bagi membiayai kegiatan-kegiatan PKEN yang dipertanggungjawabkan sebagai agensi pemegang amanah untuk bumiputera dan untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru. Walau bagaimanapun saya cukup faham dengan satu strategi yang dipakai dan dilaksanakan oleh pihak Kementerian Perusahaan Awam sebagai Kementerian yang bertanggungjawab ke atas PKEN, iaitu langkah Kementerian yang tersebut yang lebih

suka untuk menggalakkan supaya PKEN-PKEN pergi kepada bank-bank untuk mendapatkan pinjaman-pinjaman untuk membiayai projek-projek mereka, terutamanya, saya mendapat tahu, untuk membiayai projek-projek commercial ataupun projek-projek yang boleh mendatangkan keuntungan dan yang bermatlamatkan keuntungan.

Saya memuji dan mengucapkan syabas di atas fikiran dan langkah yang baru yang berani yang diambil oleh pihak Kementerian Perusahaan Awam dan begitu juga langkah yang diambil oleh PKEN-PKEN untuk menerokai satu bidang punca yang baru di dalam mendapatkan pembiayaan bagi projek-projeknya. Ini ialah oleh kerana pada masa yang lepas kita mendapati bahawa PKEN-PKEN sebenarnya tidak memperolehi seluruh punca-punca kewangan yang diperlukan untuk melaksanakan begitu banyak projek-projek dan kegiatan-kegiatannya daripada punca-punca Kerajaan. Saya juga yakin bahawa pihak bank itu sendiri sebenarnya memang sentiasa bersedia untuk membuka pintunya untuk menimbangkan sebarang permohonan-permohonan kewangan daripada PKEN-PKEN. Ini adalah disebabkan sebenarnya PKEN-PKEN itu sendiri telah pun mempunyai asas-asas yang teguh di dalam bidang pengurusan dan pelaksanaan serta pengawalan projek-peojek dan saya memang faham benar bahawa terdapat banyak juga sebenarnya syarikat-syarikat anak PKEN-PKEN dan pelaburan-pelaburan PKEN yang telah mendatangkan hasil keuntungan yang baik yang telah menyumbangkan kepada perkembangan modal dan punca kewangan PKEN-PKEN.

Walau macammana pun, saya suka hendak membangkitkan satu perkara yang berhubung dengan perkara yang penting ini. Perkara ini telah pun saya

sentuh di dalam ucapan saya ketika membahaskan Belanjawan bagi Perbendaharaan bagi Kepala Pengurusan Belanjawan. Cuma saya hendak kaitkan kepada perkara ini kerana ada hubungan langsung, iaitu saya hendak meminta supaya pihak Kementerian Perusahaan Awam, pihak Menteri sebagai Kementerian dan Menteri yang bertanggungjawab terhadap PKEN-PKEN supaya melihat dan mengkaji satu peruntukan berkenaan dengan Fasal 14 (d) di dalam Akta Pemerbadanan (Competency Act) (Pindaan) 1981 yang pada pandangan saya, peruntukan ini menghadkan ataupun meyulitkan PKEN-PKEN daripada pergi ke bank-bank untuk meminjam.

Kalau kita hendak menggalakkan PKEN-PKEN pergi meminjam kepada institusi kewangan swasta kepada bank, saya berpendapat peruntukan ini menghadkan, mengendala dan boleh menjejaskan dasar dan strategi yang dipakai oleh pihak Kementerian itu sendiri, iaitu satu strategi yang pada pandangan saya sungguh dinamik dan patut dipuji. Pokoknya, peruntukan ini bukan sahaja memerlukan PKEN mendapatkan kebenaran bertulis untuk mendapatkan pinjaman, tetapi juga berkehendakkan supaya PKEN-PKEN mendapat kebenaran bertulis juga daripada pihak Menteri Kewangan untuk memberi jaminan bagi pinjaman-pinjaman yang dilakukan oleh syarikat-syarikat anak PKEN.

Kita memang tahu dan saya yakin, Yang Berhormat Menteri memang tahu bahawa pelaburan PKEN-PKEN di dalam syarikat-syarikat anak dan kegiatan syarikat-syarikat anak PKEN sebenarnya telah meningkat dan ini telah menambahkan lagi keperluan mereka terhadap pembiayaan daripada bank-bank. Kalaulah perkara ini tidak dapat diselesaikan, mungkin pada pandangan saya, dasar

dan strategi pembiayaan semacam ini akan terjejas dan boleh menjejaskan operasi serta hasil operasi PKEN dan syarikat-syarikat anaknya sendiri.

Di samping itu juga, saya suka hendak mengucapkan tahniah juga kepada pihak Kementerian, kepada pihak Yang Berhormat Menteri kerana sejak beberapa lama yang lalu telah berjaya mengawal pelaburan-pelaburan dan juga operasi PKEN-PKEN melalui berbagai-bagai langkah. Saya mendapati banyak kemajuan-kemajuan, pembaharuan-pembaharuan dan yang lebih penting daripada itu, usaha-usaha untuk memberikan panduan, guide lines berhubung dengan dasar-dasar, berhubung dengan strategi, berhubung dengan keutamaan-keutamaan dan usaha-usaha penyelarasan di kalangan PKEN-PKEN di seluruh negara.

Saya berpendapat langkah ini penting bagi menjamin bahawa Belanjawan-belanjawan, peruntukan-peruntukan kewangan yang diberikan oleh pihak Kerajaan melalui Belanjawan ini akan dapat dioptimumkan hasilnya walaupun tidak dimaksimumkan penggunaannya oleh PKEN-PKEN dan syarikat-syarikat anak mereka. Saya mendapati langkah mengadakan usaha-usaha pelaporan (reporting) melalui sistem MIS (Management Information System) yang diadakan di peringkat Kementerian, iaitu sistem MIS secara pusat dan juga usaha-usaha seperti mengadakan mesyuarat-mesyuarat Pengurus-pengurus Besar PKEN-PKEN adalah merupakan satu langkah yang baik dan berkesan. Saya percaya bahawa perkara-perkara semacam ini sudah tentulah dapat memastikan pengesanan berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh PKEN dan dengan itu dapat menghasilkan dan mengubah langkah-langkah dan usaha-usaha

untuk menyelesaikan masalah-masalah pelaburan dan sebagainya yang dihadapi oleh PKEN-PKEN.

Saya suka hendak mengesyorkan sebagai salah satu langkah pengawalan ini, supaya Yang Berhormat Menteri dan pihak Kementerian menggalakkan lagi usaha-usaha kerjasama di antara PKEN-PKEN, oleh kerana kita mengetahui bahawa PKEN-PKEN itu adalah badan-badan yang ditubuhkan oleh pihak Kerajaan Negeri melalui Enakmen Kerajaan-kerajaan Negeri dan pihak Kementerian Perusahaan Awam adalah merupakan Kementerian yang bertanggungjawab di peringkat pusat mengawal dan menyelaraskan sahaja, sungguhpun saya sedar bahawa kita ada Akta Pembedaan yang membolehkan Menteri mengawal, tetapi soalnya di sini yang pentingnya bahawa pengaruh dan juga kuasa kawalan yang lebih besar dan lebih berkesan ke atas PKEN itu adalah terletak kepada Kerajaan-kerajaan Negeri masing-masing.

Saya menyeru supaya dapat pihak Kementerian mengadakan suatu skim ataupun merencanakan suatu program supaya dapatlah PKEN-PKEN ini bertukar-tukar pengalaman mereka di dalam usaha-usaha pelaburan mereka, di dalam projek-projek mereka dan juga di dalam berkongsi pengetahuan tentang masalah-masalah, terutamanya bagaimana setengah masalah bersama ini dapat diatasi dengan berkesan. Dan juga yang pentingnya SEDC-SEDC atau PKEN-PKEN ini masing-masingnya mempunyai maklumat-maklumat yang berlainan juga dan patut juga kalau PKEN-PKEN ini berkongsi maklumat berkenaan dengan peluang-peluang pelaburan, apakah bidang yang patut dimasuki dan apa pula bidang-bidang yang patut tidak dimasuki oleh PKEN-PKEN, apa yang utama dan apa pula yang tidak patut diutamakan.

Di samping itu juga, Tuan Pengerusi, melalui usaha-usaha pelaburan oleh PKEN-PKEN sehingga ini semenjak daripada dahulu, saya percaya PKEN-PKEN ini telah membentuk expertise ataupun kemahiran masing-masing yang berbeza-beza. Tuan Pengerusi, eloklah kalau expertise ataupun kemahiran yang diperolahi oleh masing-masing PKEN-PKEN itu dikongsikan juga bersama supaya dengan langkah-langkah yang macam ini dapatlah kita memastikan bahawa pada keseluruhannya PKEN-PKEN akan dapat beroperasi dengan matlamat yang lebih baik, dengan lebih berselaras, mendatangkan hasil dan mencapai objektif serta matlamat yang lebih berkesan lagi untuk menjayakan Dasar Ekonomi Baru dan memenuhi peranannya di dalam pembangunan negara terhadap objektif sosio ekonomi negara.

Tuan Pengerusi, sungguhpun saya telah menyebut beberapa perkara yang agaknya manis didengar oleh pihak Kementerian, saya juga suka membangkitkan beberapa perkara sekadar cuba untuk menyumbangkan pandangan-pandangan saya untuk pertimbangan Yang Berhormat Menteri khususnya dan pihak Kementerian itu sendiri amnya.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan peruntukan-peruntukan yang kita berikan kepada PKEN-PKEN melalui pinjaman ini saya mempunyai beberapa persoalan pokok yang saya suka hendak kemukakan.

Yang pertama, Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya sungguhpun kita mengetahui setengah-setengah pelaburan PKEN mendatangkan untung, tetapi pada keseluruhannya, bagaimanakah kedudukan pelaburan PKEN-PKEN melalui pinjaman-pinjaman Kerajaan Pusat itu? Setelah memperuntukkan wang yang banyak juga sudah tentulah kita mahu

mengetahui hasil secara keseluruhannya dan secara terperinci juga tentang perkara ini. Adakah pinjaman-pinjaman ini sebenarnya mendatangkan keuntungan sepenuhnya?

Pada pandangan saya, Tuan Pengerusi, adalah penting bahawa pinjaman-pinjaman yang diberikan ini mestilah mendatangkan hasil, kesan dan keuntungan yang diharapkan, kerana pokok perkara yang saya bimbangkan ialah kita tidak mahu pinjaman-pinjaman yang diberikan itu nantinya akan menghadapi masalah untuk memperoleh balik. Tatkala sudah sampai masanya pinjaman-pinjaman ini mesti dijelaskan, dibayar balik pokoknya dan faedahnya pada masanya, kita mahu pastikan bahawa bayaran balik ini dijelaskan, dilangsaikan dan kita sama sekali tidak mahu melihat dan jangan kita membenarkan keadaan timbul bahawa pinjaman-pinjaman untuk PKEN-PKEN ini akan "direschedule", write-off, dengan izin, oleh kerana ini akan menjadi beban kepada punca kewangan Kerajaan.

Saya juga percaya bahawa hanya dengan pelaburan yang menguntungkan sahaja masalah ini akan dapat diatasi. Oleh kerana itu, Tuan Pengerusi, saya meminta benar-benar supaya perkara ini dijadikan satu perkara penyusulan atau kawalan yang utama bagi pihak Kementerian Perusahaan Awam.

Perkara yang kedua, yang menjadi kebimbangan saya ialah sikap pengurusan itu sendiri, oleh kerana saya biasa mendengar bahawa pengurusan selalu mengatakan kalau sesuatu pelaburan itu tidak mendatangkan kesan ataupun keuntungan sebagaimana yang dirangkakan pada asalnya, mereka memberi alasan bahawa macam manakah projek SEDC ini boleh mendatangkan keuntungan kalau

SEDC diperlukan ataupun dikehendaki memainkan peranan sosio ekonomi? Jadi, alasan kepada tidak untung yang diberikan ialah kerana PKEN memainkan peranan sosio ekonomi. Pada pandangan saya memang benar bahawa PKEN-PKEN diwujudkan untuk memainkan peranan sosio ekonomi dan PKEN-PKEN mempunyai tanggungjawab sosio ekonomi yang besar. Tetapi saya berpendapat bahawa peranan sosio ekonomi ini hendaklah dimainkan di dalam konteks viabilitinya iaitu saya berpendapat bahawa tidak menjadi tanggungjawab PKEN-PKEN dan syarikat-syarikat anaknya melabur begitu banyak wang kalau pelaburan itu merugikan dan matlamatnya dikatakan untuk mewujudkan peluang pekerjaan, misalnya.

Saya berpendapat tidaklah menjadi tanggungjawab PKEN hendak mewujudkan peluang pekerjaan sehingga melabur begitu banyak dan akhirnya mendatangkan kerugian. Saya berpendapat sebaik-baiknya ialah supaya matlamat kita, ialah sambil kita melabur begitu banyak, sambil kita memainkan peranan sosio ekonomi mewujudkan peluang pekerjaan dan sebagainya, kita juga mesti mendapat keuntungan daripada perniagaan daripada segi kewangannya. Jadi inilah 2-3 perkara yang saya hendak bangkitkan berhubung dengan penggunaan dan hasil penggunaan kewangan yang dipinjamkan kepada PKEN ini.

Tuan Pengerusi, berhubung dengan pelaburan-pelaburan PKEN-PKEN ini juga daripada pinjaman Kerajaan Pusat ini, satu perkara yang penting disedarkan ialah PKEN adalah satu badan "trust" iaitu pemegang amanah kepada bumiputera dan peranan pemegang amanah ataupun trust ini pada pandangan saya adalah satu peranan yang kritikal dan penting, tetapi peranan ini pada pandangan saya adalah satu peranan yang

sementara, bukan peranan yang berpanjangan di mana kita berharap dan mengharapakan supaya bila sampai masanya bahawa peranan pemegang amanah ini dapat dihentikan dan pemegang amanah oleh PKEN-PKEN dan syarikat-syarikat anaknya untuk bumiputera itu akan dapat akhirnya diserahkan kepada bumiputera. Sebaik-baiknya seberapa cepat yang mungkin, yang boleh, sehingga tidak menjejaskan kepentingan-kepentingan bumiputera itu sendiri.

Di dalam perkara ini saya berkesempatan meninjau dan mengkaji beberapa fakta berhubung dengan pelaburan PKEN-PKEN melalui syarikat-syarikat anaknya yang menunjukkan setakat manakah sumbangan melalui pelaburan-pelaburan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan, PKEN-PKEN dan syarikat anaknya, kepada masyarakat dan kepentingan bumiputera.

Saya mendapati bahawa sehingga sekarang berhubung dengan pelaburan PKEN melalui pinjaman-pinjaman ini, ada terdapat 307 buah syarikat anak ataupun syarikat yang dimiliki sama ada secara penuh, secara usahasama sebahagian modalnya. Penyertaan equity oleh PKEN-PKEN, melibatkan pelaburan lebih kurang \$2 billion. Daripada jumlah pelaburan ini, saya mendapati bahawa daripada segi kepentingan bumiputera boleh ditunjukkan keadaannya begini: iaitu daripada 307 syarikat ini, syarikat usahasama PKEN dengan syarikat bumiputera berjumlah 162 buah syarikat, yang melibatkan pelaburan sebanyak \$508.5 juta, sedangkan usahasama-usahasama PKEN-PKEN dengan syarikat-syarikat bukan bumiputera sama ada syarikat asing bukan bumiputera ataupun syarikat tempatan yang bukan bumiputera adalah: syarikat asing 55 buah dengan pelaburannya berjumlah \$353.3 juta dan usahasama dengan bukan

bumiputera tempatan 73 buah dengan pelaburannya \$200.8 juta menjadikan jumlah modal usahasama PKEN dengan syarikat-syarikat bukan bumiputera sebanyak \$554.1 juta iaitu lebih daripada pelaburan dengan syarikat-syarikat bumiputera sama ada syarikat ataupun individu bumiputera.

Isunya di sini kepada saya, Tuan Pengerusi, ada beberapa iaitu yang pertamanya berhubung dengan joint-venture SEDC dengan bukan bumiputera itu. Saya memang bertanya dan harus kita bertanya mengapakah begitu banyak usahasama diadakan dengan bukan bumiputera?

Yang keduanya, kalaulah usahasama dengan bukan bumiputera ini dibuat sebagai satu strategi untuk kepentingan jangka panjang masyarakat bumiputera itu sendiri, bilakah pemilikan ekuiti di dalam usahasama ini yang dimiliki oleh bukan bumiputera itu akan diambil-alih oleh PKEN? Dan selepas daripada itu pula, bila pula akan mungkin dapat diserahkan kepada individu-individu ataupun syarikat-syarikat PKEN. Mungkinkah diambil-alih dahulu oleh PKEN, kemudiannya di satu masa yang lain baru diserahkan ataupun terus diserahkan kepada kepentingan-kepentingan bumiputera?

Tuan Pengerusi: Bolehkah Yang Berhormat menggulong sekarang?

Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman: Ya, terima kasih, Tuan Pengerusi.

Isu yang lain berhubung dengan ini juga ialah yang dimiliki oleh PKEN itu, usahasama dengan bumiputera. Juga saya hendak bertanya, bilakah mungkin akan dapat diserahkan kepada bumiputera. Saya berharap pihak Kementerian akan "formulatekan" satu panduan dan dasar untuk dipakai supaya perkara ini akan dapat diselesaikan.

Akhirnya, minta izin menyentuh satu perkara dalam 1 atau 1½ minit. Satu perkara lagi yang menjadi terkilan kepada saya berhubung dengan pelaburan-pelaburan PKEN, ialah berhubung dengan peranannya sebagai badan amanah dan matlamat kita menyerahkan pelaburan PKEN-PKEN kepada kepentingan bumiputera secara langsung, iaitu saya mendapati tidak terlalu banyak syarikat-syarikat pelaburan PKEN-PKEN yang telah pun diserahkan kepada PNB untuk diserapkan kepada Skim Amanah Saham Nasional. Saya mendapati bahawa sehingga ini daripada jumlah pelaburan PKEN sebanyak \$1.6 billion, hanya lebih kurang \$19 juta sahaja pelaburan ini yang telah pun diserahkan kepada PNB, iaitu yang melibatkan 11 buah syarikat.

Saya bertanya, PKEN adalah badan pemegang amanah tetapi sumbangannya kepada skim kepentingan orang-orang bumiputera begitu sedikit sekali. Saya mendapati dan mendengar bahawa ada keengganan di kalangan kebanyakan mungkin setengah-setengah PKEN yang tidak mahu menyerahkan pelaburan ini kepada PNB kerana mereka suka sangat hendak menjaga kepentingan mereka. Saya fikir perkara ini tidak baik dan patutlah menjadi satu isu yang besar yang mesti dikaji dan juga diselesaikan oleh pihak Yang Berhormat Menteri dan pihak Kementeriannya.

Terima kasih, Tuan Pengerusi, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong Karang.

4.55 ptg.

Datin Paduka Zaleha binti Ismail (Tanjong Karang): Tuan Pengerusi, saya menyentuh B. 33, Butiran 3 dan 4

dan P. 33, Butiran 5 yang berkaitan dengan Lembaga Padi dan Beras Negara.

Tuan Pengerusi, saya menganggap petani adalah golongan manusia yang penting disebabkan merekalah yang mengisi perut sebilangan besar rakyat, tetapi sepanjang masa golongan petanilah yang paling daif hidupnya, titik peluh mereka mengenyangkan orang lain dan mereka sendiri hanya dapat mengalas perut. Kali ini saya akan menghuraikan masalah yang dihadapi oleh pesawah-pesawah berkaitan dengan potongan terhadap padi mereka oleh Lembaga Padi dan Beras Negara. Sungguhpun isu ini telah banyak kali disoal dan dijawab, namun kerana didapati ianya masih tiada memuaskan pesawah-pesawah dan oleh kerana saya diminta oleh pengundi-pengundi saya yang sebilangan besar adalah pesawah-pesawah dan petani-petani agar disampaikan rintihan mereka di Dewan yang mulia ini, maka saya mengambil peluang ini menyampaikan rungutan, pandangan, pendapat dan juga dapatan (findings) mereka yang terlibat secara langsung dalam masalah ini.

Pertama, yang menjadi rungutan mereka ialah potongan yang tinggi bagi timbangan padi mereka, iaitu sehingga yang paling tinggi berlaku di Tanjong Karang, potongan yang dibuat di kalangan pesawah-pesawah padi di sana ialah 35% iaitu 35 kilo bagi tiap-tiap 100 kilo. Saya pernah melihat sendiri resit-resit potongan itu, Tuan Pengerusi. Sebab-sebab atau alasan-alasan yang diberi ialah kerana wap basahnya tinggi, terdapat banyak kekotoran dan padi pula muda dan kalau ada pun padi muda dalam satu-satu guni tentulah tidak terlalu banyak kerana di dalam satu keping sawah padi yang muda hanya beberapa rumpun mencelah di sana sini. Kalau benar ada batu, besi, sabut dan lain-lain kotoran adalah lebih baik bahan-bahan asing itu dikeluarkan dan

ditimbangkan berat yang sebenarnya. Ini akan lebih memuaskan hati mereka.

Yang menjadikan pesawah lebih tidak puas hati ialah timbang berat potongan padi itu terpaksa ditanggung oleh pesawah-pesawah. Sebab terdapatnya kekotoran jerami batang padi, iaitu daun-daun padi dan lain-lain ialah kerana pada dewasa ini hampir semua pesawah menggunakan jentera di mana kadangkala kerana blowernya tidak berjalan betul bagi membuang kekotoran, maka terdapatlah lebih banyak kekotoran. Ternyata pulalah bahawa kerja orang yang memotong padi itu cuai. Dalam sidang Dewan ini juga pernah dikemukakan oleh salah seorang Ahli Yang Berhormat soalan mengenai mengatasi cara masalah memotong padi menggunakan jentera ini dan dalam hal ini haruslah ada pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam penyeliaan serta penyelarannya dan diharap proses tindakan penyelarasan ini tidaklah memakan masa yang panjang.

Satu perkara yang mereka rasa kurang puas hati ialah pekerja yang membuat kiraan potongan tidak teliti. Potongan bagi pesawah-pesawah dan wakil-wakil pembeli padi LPN adalah jauh bezanya. Pada pendapat mereka LPN lebih memberi keutamaan dan mementingkan wakil-wakil pembeli padi. Mereka ini seolah-olah sebagai orang tengah mendapat keuntungan dengan begitu mudah, apatah lagi pada tahun 1985 difahamkan bahawa komisyen mereka akan ditambah, iaitu dinaikkan pula dari \$1 kepada \$1.50.

Dalam perkara ujian contoh padi pula, pesawah-pesawah yang telah membuat penelitian mencadangkan supaya keadaan pejabat ini hendaklah luas dan lapang serta lampunya terang. Cahaya lampu boleh membuatkan warna padi yang hijau

kelihatan kuning dan juga warna yang kuning boleh jadi hijau, warna meja yang gelap juga boleh menyebabkan kekeliruan warna itu tadi sehingga padi dianggap muda keseluruhannya. Oleh yang demikian, mereka mengesyorkan supaya meja yang digunakan untuk tempat ujian itu mestilah berwarna putih dan kerja ujian mestilah dilakukan dengan amat cermat kerana dalam masa menimbang contoh padi yang begitu sedikit, contoh 10 gram pun kalau dibaca terlalu cepat ada perselisihan 1 miligram, akan menghasilkan perbezaan yang besar. Di samping itu, sewaktu mereka menjalankan timbang-menimbang ujian contoh padi itu, keadaan tidak bolehlah bersesak-sesak dan jangan terdedah kepada angin.

Itulah beberapa pendapat mereka dan mereka juga meneliti mendapati bahawa kakitangan yang membaca meter kelembapan pula terlalu hendak cepat sehingga bacaannya tidak tepat kerana kerja tergesa-gesa dan tidak begitu teliti. Sungguhpun mereka ini hanya pesawah-pesawah dan petani-petani tetapi mereka tidaklah buta hati, mereka membuat kajian dan penelitian dan mendapatkan dapatan-dapatan mereka itu. Oleh itu, patutlah pendapat-pendapat mereka itu dihormati, sekurang-kurangnya mereka tidak terus-menerus menuduh melulu, bahkan membuat kajian dan mengenalpasti sebab-sebab dan musababnya untuk membela diri mereka. Pesawah-pesawah dan petani-petani berterima kasih kepada Kerajaan kerana mengadakan berbagai badan dan agensi bagi membantu petani-petani.

(Tuan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Tanggapan mereka dan harapan mereka ialah Lembaga Padi dan Beras Negara adalah untuk memberi perlindungan kepada pesawah-pesawah supaya mereka tidak menjadi

mangsa orang tengah dan juga dapat menolong mereka bagi menstabilkan harga padi dan beras seperti yang termaktub dalam objektif Lembaga Padi dan Beras Negara sendiri.

Apabila pesawah-pesawah yang mencurahkan peluh ke bumi bagi menghasilkan rugi bagi kita semua yang kadangkala rugi pula kerana kemarau atau cuaca yang tidak baik mendapati bahawa lebih banyak potongan padi mereka dibuat, lebih banyak pulalah kompleks-kompleks LPN yang menghadapi kerugian maka mereka bertanya pesawah rugi, LPN juga rugi, Kerajaan rugi, jadi siapa yang untung. Kita tidak dapat menyalahkan mereka kalau mereka merasa curiga terhadap pentadbiran yang bertanggungjawab.

Dengan berita-berita padi gred mahal dijual sebagai gred murah, padi gred yang baik dijual kepada swasta dan yang tak baiknya disimpan oleh LPN dan akhirnya beratus ribu tan dibakar. Juga kedapatan pula berlaku pegawai-pegawai yang bertanggungjawab walaupun membuat kesalahan tidak diambil tindakan. Setekat hanya pegawai-pegawai berkenaan ditukarkan ke kompleks lain atau ke bahagian lain. Ini semuanya menambah lagi kecurigaan dan kebimbangan pesawah-pesawah dan pihak-pihak yang terlibat.

Kejadian yang terbaru yang disiarkan dalam akhbar minggu ini adalah satu peristiwa yang menggoncang-gugat kepercayaan rakyat amnya dan pesawah-pesawah khasnya kepada LPN. Kejadian ini tidak patut berlaku dan jika ianya tidak begitu tenat, saya yakin bahawa pegawai-pegawai yang terlibat tidaklah secara terbuka menyatakan tidak puas hati mereka dan sehingga sanggup meletak jawatan demi menjaga maruah Jabatan, menjaga prinsip Etika Perkhidmatan dan

mempertahankan konsep Bersih, Cekap dan Amanah. Dengan kejadian-kejadian yang dilalui selama ini ternyata besar kemungkinan bahawa LPN tidak mampu memperkemaskan kerja-kerja dan rumah tangganya sehingga memuaskan pesawah-pesawah dan pihak-pihak yang berkaitan.

Kita tahu segala-gala perancangan kerja-kerja berkaitan dengan penanaman dan pengeluaran padi adalah tanggungjawab agensi-agensi di bawah Kementerian Pertanian. Mengapakah hasilnya iaitu padi, hasil yang terakhir diserahkan kepada suatu badan yang saya anggap tidak merasakan susah payah pesawah-pesawah maka ianya kurang simpati kepada mereka. Sebelum badan ini terpaksa ditutup seperti ada yang telah terjadi kepada badan-badan lain adalah dicadangkan supaya pengurusan pemasaran padi diletakkan di bawah Kementerian Pertanian. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong.

5.03 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 4 di bawah Maksud Pembangunan P. 33 mengenai Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA).

Seperti yang kita sedia maklum fungsi-fungsi utama UDA ialah untuk melaksanakan projek-projek pembangunan dan juga penempatan semula penduduk-penduduk di kawasan-kawasan bandar bagi perumahan awam serta memperbaiki alam sekitar, ameniti, kemudahan-kemudahan komuniti dan keadaan awam pada amnya untuk menggalakkan matlamat-matlamat yang murni seperti perpaduan negara, kesihatan, keselamatan dan kesenangan rakyat.

Yang kedua, UDA dipertugaskan untuk melaksanakan Dasar Ekonomi Baru khasnya menyusun semula masyarakat melalui pembangunan bandar dengan menambah hak milik harta bumiputera dan penyertaan bumiputera dalam perniagaan dan perusahaan.

Tuan Pengerusi, fungsi-fungsi ini memanglah baik dan dapat dipersetujui dan disokong pada dasarnya oleh ramai. Sejak dilancarkan pada tahun 1971 beratus-ratus juta ringgit telah diperuntukkan bagi projek-projek UDA yang pada amnya boleh dikatakan telah mencapai kejayaan cemerlang yang tertentu, yang nyata terlihat di banyak buah bandar yang besar di negara kita ini.

Namun demikian, saya ingin menarik perhatian Kementerian dan juga UDA sendiri kepada masalah yang timbul bersabit dengan dua projek UDA di Pulau Pinang iaitu projek rumah pangsa Tanjong Tokong dan Jalan Kelawei di mana beratus-ratus unit perumahan telah siap dibina buat selama lebih daripada setahun. Setahu saya kedua-dua projek ini dikhaskan untuk pembeli-pembeli bumiputera sahaja, kecuali dua hingga tiga unit yang mungkin akan diperuntukkan bagi beberapa keluarga bukan bumiputera yang tempat kediaman mereka dahulu terpengaruh oleh projek yang berkenaan itu. Namun demikian, sehingga sekarang unit-unit tersebut masih kosong, belum diduduki lagi.

Saya difahamkan bahawa terdapat dua masalah utama yang mengakibatkan keadaan ini. Yang pertamanya, harga unit itu sungguhpun dalam lingkungan kos sederhana tetapi masih di luar kemampuan kewangan kebanyakan orang berpendapatan rendah, khasnya bumiputera yang miskin.

Yang kedua, banyak keluarga bumiputera, terutamanya dari kawasan-kawasan kampung yang berhampiran dengan projek-projek ini enggan berpindah ke unit-unit ini kerana mereka menganggap kediaman "high-rise" kurang sesuai bagi gaya hidup mereka iaitu mereka lebih suka memiliki sebuah rumah yang mempunyai "compound" dan tanahnya sendiri.

Tuan Pengerusi, masalah yang pertama itu adalah bersangkutanpaut dengan masalah kewangan dan mungkin dapat diselesaikan dengan meningkatnya pendapatan orang umum dan sekiranya lebih banyak kemudahan-kemudahan pinjaman wang dapat diberi kepada mereka ini. Saya menggesa Kementerian dan juga UDA mengambil perhatian terhadap masalah ini kerana tidak bergunalah untuk mengadakan satu projek pembangunan dan rakyat yang ditunjukkan itu tidak sanggup untuk membiayainya.

Masalah yang kedua itu adalah bersangkutanpaut dengan sikap. Sebenarnya kaum-kaum yang lain di negeri Pulau Pinang pada mulanya pun mempunyai sikap yang sama juga, iaitu enggan masuk ke flat-flat high-rise. Masalah sikap ini hanya dapat diatasi sekiranya sikap itu berubah dan ini sudah tentu akan mengambil masa. Akan tetapi, saya merasa bahawa ini memang akan berlaku apabila masalah kekurangan perumahan menjadi lebih mendesak lagi, khasnya di kalangan bumiputera di Pulau Pinang. Pihak UDA harus juga mengkaji dengan lebih mendalam bagaimana diadakan rekabentuk-rekabentuk (design) yang lebih sesuai untuk gaya hidup orang ramai dan juga yang tidak begitu sesak tetapi dengan kosnya di dalam lingkungan kesanggupan kewangan orang ramai.

Tuan Pengerusi, di sini saya ingin juga mencadangkan bahawa sebahagian daripada unit-unit yang

tidak dapat dibeli oleh kaum bumiputera, katakanlah 20% hingga 30%, dibuka untuk pemohon-pemohon daripada rakyat Malaysia yang lain. Saya sungguh berharap bahawa tiap-tiap projek UDA mestilah seboleh-bolehnya menggalakkan penyertaan semua kaum di samping memberi keutamaan yang tertentu dan wajar kepada kaum bumiputera.

Sebenarnya, kaum bukan bumiputera yang berpendapatan rendah di Pulau Pinang dan di bandar-bandar yang lain juga menghadapi masalah perumahan yang rumit. Mereka ini harus diberi peluang yang tertentu juga. Penyertaan bukan bumiputera dalam projek UDA adalah penting kerana hanya melalui integrasi tempat kediaman barulah dapat rakyat berbilang kaum bercampur gaul dalam satu persekitaran perumahan dan sosial yang semula jadi dan dengan itu dapatlah dipupuk perpaduan negara dalam jangka panjang. Maka dari segi ini satu projek perumahan yang dikhaskan 100% bagi bumiputera adalah bukan sahaja kurang adil dan sesuai tetapi juga kurang sihat dari segi perpaduan negara, sepertimana pada satu ketika dahulu terdapat banyak projek perumahan swasta yang hanya sanggup dimiliki oleh 100% bukan bumiputera.

Tuan Pengerusi, keadaan dahulu itu sekiranya tidak dibetulkan dengan diperuntukkan kuota yang tertentu kepada kaum bumiputera dalam projek-projek swasta maka keadaan itu adalah dianggap sebagai tidak adil. Di sebaliknya, sekarang projek-projek UDA juga pun mestilah menunjukkan tauladan dari segi integrasi kaum.

Tuan Pengerusi, saya memang sedar bahawa kebanyakan daripada projek-projek UDA yang lain adalah terbuka kepada semua kaum tetapi yang anih ialah dua projek perumahan yang besar di Pulau Pinang ini tidak begitu.

Maka saya berharap bahawa UDA mengambil perhatian tentang perkara ini kerana matlamat utama dan matlamat muktamad bagi Dasar Ekonomi Baru ialah perpaduan negara. Oleh itu semua projek pembangunan yang dijalankan di bawah Dasar Ekonomi Baru, sama ada UDA ataupun agensi-agensi yang lain, haruslah mengambil kira dan menuju ke arah matlamat-matlamat ini terutamanya memandangkan bahawa proses dan tempo "urbanisation" akan menjadi semakin cepat dan meliputi kebanyakan daripada rakyat kita dari semua kaum.

Tuan Pengerusi: Saya minta Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.11 ptg.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bangun untuk membincangkan peruntukan di bawah Kementerian Perusahaan Awam di peringkat Jawatankuasa ini, dan saya percaya perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu adalah timbul oleh kerana rasa tanggungjawab Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap perjalanan agensi-agensi di bawah Kementerian Perusahaan Awam khususnya agensi-agensi yang telah pun disebutkan tadi seperti UDA, LPN dan juga SEDC-SEDC.

Sebenarnya, Tuan Pengerusi, teguran-teguran itu nampaknya bersekitar kebanyakannya kepada dua perkara utama yang memang menjadi musuh kepada Kerajaan kerana sama ada musuh kepada jabatan ataupun agensi-agensi Kerajaan iaitu teguran-teguran Yang Berhormat adalah bersekitar kepada unsur-unsur ketidakcekapan dan juga unsur-unsur tidak amanah yang mana kita sedia

maklum perlu dibanteras dalam perjalanan sebuah Kerajaan yang bersih, cekap dan amanah. Ingin saya tekankan bahawa kejayaan sesebuah agensi itu tidak bergantung kepada seseorang ketua agensi itu semata-mata. Tetapi dalam sesebuah agensi itu wujud satu pasukan pengurusan dan pentadbiran atau, dengan izin, satu "management team" iaitu mereka juga mestilah mempunyai sikap mahu bekerja dengan cekap dan amanah dan mana-mana agensi yang mana kita dapati berlaku setelah dikesan "management team" ataupun pasukan-pasukan pengurusannya tadi tidak boleh berjalan dengan cekap maka insya Allah dan pasti juga kita akan mengambil tindakan ke atasnya dan kita dapati bahawa pengesanan sesebuah agensi itu tidaklah dibuat hanya dengan mengesan prestasi ketua-ketua tetapi jugalah dengan mengesan prestasi seluruh pasukan pengurusan tadi.

Tuan Pengerusi, inginlah saya tekankan juga pihak saya tidaklah akan teragak-agak untuk mengambil tindakan ke atas selalunya pasukan pengurusan mana-mana agensi yang tidak "effective" selepas dibuktikan mereka ini sebenarnya tidak "effective". Saya ingin juga menyatakan bahawa pihak Kerajaan kita tidaklah pula bertindak semata-mata atas desakan mana-mana pihak oleh sebab-sebab tertentu yang mereka sendiri telah ketahui ataupun oleh kerana desakan-desakan misalnya yang ditimbulkan melalui media-massa atau mana-mana cara.

Kerajaan tetap menyusuli setiap kes dengan teliti sama ada kes yang tidak amanah, kes tidak cekap supaya tindakan yang kita ambil adalah seadil-adilnya.

Mengenai kes LPN banyak perkara yang telah dibangkitkan tadi adalah merupakan perkara-perkara yang kebanyakannya telah pun saya

ataupun Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telah jawab di Dewan yang mulia ini. Perkara-perkara ini telah pun dibangkitkan di dalam satu Majlis Taklimat yang khusus diberikan oleh LPN kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tidak berapa lama dahulu, tetapi malangnya kesal rasa saya setelah beberapa persiapan saya dan pegawai-pegawai saya buat untuk memberi taklimat kepada Ahli Yang Berhormat hanya 5 orang sahaja yang hadir, Tuan Pengerusi. Jadi kalau lebih Ahli Yang Berhormat itu hadir di Kementerian saya sudah pasti banyak perkara yang boleh kita bincangkan dari hati ke hati bahkan bukan sahaja perkara yang Ahli Yang Berhormat bangkitkan tetapi banyak lagi pandangan-pandangan yang saya percaya boleh Ahli Yang Berhormat beri kepada saya dan pegawai-pegawai saya demi untuk membaiki keadaan LPN tetapi 5 orang yang datang yang lain itu tidak datang.

Jadi perkara-perkara yang telah dijelaskan di Dewan ini sama ada di dalam soalan ataupun dalam sesi yang lepas tidaklah payah saya ulas kerana penjelasan telah diberi. Saya hanya ingin menekankan di Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, bahawa pihak Kementerian adalah sentiasa meneliti kedudukan pentadbiran dan perjalanan LPN untuk memastikan supaya tidak ada penjejasan atau ketempangan berlaku di dalam pentadbiran dan pengurusannya. Dan juga saya perlu tekankan bahawa LPN sebagai sebuah agensi Kerajaan adalah menjalankan satu tanggungjawab dan beranan yang sangat penting kepada negara ini.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak keliru antara peranan LPN sebagai satu Badan yang penting dengan kecuai-an-kecuai-an ataupun ketidak kecekapan beberapa orang yang mungkin ada di dalam LPN kerana kalau kita keliru antara ini akan kita bertindak seperti kita

hendak membakar kelambu kerana kita hendak membunuh pijat seekor, dua ekor atau tiga, empat ekor. Jadi saya dengar ada Ahli Yang Berhormat berkata hendak tutup LPN dan sebagainya, saya harap akan memikir dua kali sebelum berkata sedemikian kerana fungsi LPN dan kekesanan LPN di masa yang lepas tidak boleh tidak kita mengatakan memang baik. Contohnya sumbang baktinya kepada petani secara menyeluruh sangatlah jelas melalui skim subsidi yang telah diberi. Sebagai penyedia dan pengendali "stockpile strategic" negara, ia mempunyai peranan yang sangat penting ini pun kita tidak pernah "highlight" ataupun kita tidak pernah terangkan juga sebagai penyetabil harga makanan utama di negara ini. Ini fungsi penting.

Jadi kalau kita dapat asingkan pentingnya LPN sebagai Badan dengan wujudnya perkara-perkara yang tidak menyenangkan hati di dalam pentadbiran, maka sudah pasti tindakan kita akan lebih tepat iaitu kita mengambil tindakan ke atas benda yang tidak betul sahaja. Jadi di sini inginlah saya menekankan tidak perlulah diadakan satu jawatankuasa bebas untuk mengkaji segala tuduhan-tuduhan yang telah dibuat terutama sekali yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Ulu Muda tadi nampaknya adalah tuduhan-tuduhan yang telah pun diberi penjelasan oleh Pengerusi LPN sendiri ataupun saya sendiri dan juga perkara-perkara yang merupakan pentadbiran dan pentadbiran mengerti bahawa tindakannya ialah memerlukan tindakan pentadbiran.

Ahli Yang Berhormat daripada Ulu Nerus telah membangkitkan soal Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, terima kasihlah atas pujian tetapi saya juga berterima kasih atas teguran-teguran yang menanyakan bilakah usahasama-usahasama ini akan diserahkan kepada rakan-rakan

sama ada bumiputera ataupun daripada yang bukan bumiputera ke bumiputera dan juga penyerahan ke Pelaburan Nasional Berhad. Di sini inginlah saya menekankan tiap-tiap "joint-venture" ataupun tiap-tiap satu usahasama itu mempunyai syarat-syarat atau perjanjian usahasama sendiri di mana biasanya "option" atau pilihan pertama adalah diberikan kepada rakan usahasama, kalau hendak mengambil alih saham. Jadi mengenai usahasama dengan pihak-pihak luar negeri biasanya mesti dirundingkan dengan mereka dahulu. Namun demikian pihak SEDC telah pun diberi arahan supaya di mana anak-anak syarikat mereka itu telah sampai masanya perlu diserahkan kepada pihak bumiputera ataupun diambil alih oleh PKEN sendiri maka hendaklah tindakan-tindakan sedemikian dibuat.

Mengenai penyerahan kepada Pelaburan Nasional Berhad, tidaklah wujud sebenarnya keengganan di pihak SEDC untuk menyerahkan anak-anak syarikatnya kerana pertamanya penyerahan kepada Pelaburan Nasional Berhad ini adalah untuk kepentingan negara di mana setiap penyerahan itu adalah menunaikan syarat pemegangan amanah yang telah diletakkan kepada SEDC untuk pihak bumiputera.

Jadi tentang bilangan kecil yang telah diserahkan atau sebenarnya tidak Tuan Pengerusi, menggambarkan keengganan. Setiap penyerahan anak-anak syarikat kepada Perbadanan Nasional Berhad adalah dibuat oleh satu jawatankuasa khas yang dipanggil Jawatankuasa Pelaburan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Jadi pihak Kementerian dari semasa ke semasa mengemukakan kepada Jawatankuasa Pelaburan ini satu senarai lengkap semua anak-anak syarikat SEDC yang pada anggapan kami telah memenuhi

semua kriteria-kriteria untuk diserahkan kepada Perbadanan Nasional Berhad dan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan ini akan dibincangkan buruk baiknya penyerahan ini dibuat. Ada kalanya diputuskan supaya penyerahan boleh dibuat dengan segera, ada kalanya diputuskan ditangguhkan penyerahan sesuatu anak syarikat demi untuk membolehkan PKEN atau SEDC terlibat menggunakan anak syarikat yang telah mendapat untung itu berkembang dan mewujudkan lebih lagi keuntungan supaya di masa akan datang kemungkinan besar apa yang diserahkan kepada PNB adalah syarikat yang lebih berkemampuan dan berkeupayaan untuk mewujudkan dividen yang lebih besar.

Jadi soal keengganan tidaklah timbul dan bahkan saya gembira melaporkan, Tuan Pengerusi, bahawa hari ini pihak pengurusan anak-anak syarikat SEDC yang telah diserahkan kepada PNB itu telah tidak berganjak sedikit pun dalam ketaatan mereka bekerja dan dalam dedikasi mereka meneruskan pengurusan anak-anak syarikat itu demi untuk memastikan keuntungan yang lebih kalau boleh dari semasa ke semasa.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong telah pun membangkitkan beberapa perkara terutamanya perkara mengenai projek Tanjong Tokong di Jalan Kelawai yang mana dikatakan kosong kerana tidak mampu dibeli oleh bumiputera. Sebenarnya projek di Jalan Kelawai itu adalah satu projek yang khas iaitu dijalankan untuk Yayasan Pembangunan Pulau Pinang. Jadi itu tidaklah sebenarnya terlibat sebagai satu projek umum UDA tetapi mengenai projek Tanjong Tokong inilah saya tekankan bahawa projek ini dibuat semata-mata untuk memberikan pembangunan semula kawasan Tanjong Tokong yang mana kita tahu pada hari ini jauh daripada menyenangkan atau memuaskan hati.

Jadi proses pembangunan semula ini melibatkan pemindahan berperingkat-peringkat penduduk yang sedia ada dan memindahkan mereka ke jenis-jenis perumahan yang dalam kemampuan mereka.

Di peringkat awalan ini sememangnya mengikut kajian mereka hanya dapat dan mampu membeli rumah yang merupakan rumah "high rise". Jadi kalau hendak ikut minat masing-masing, tiada siapa yang hendak duduk di rumah tinggi bertingkat-tingkat, kalau boleh semua orang hendak rumah yang ada laman besar-besar, boleh tanam jagung, bertanam mangga dan sebagainya. Tetapi seperti Ahli Yang Berhormat dari Tanjong sendiri sedia faham di Pulau Pinang tanah sangat berharga. Jadi kita mesti mengekonomikan penggunaan secara maksima.

Jadi itulah sebabnya kita mengadakan sedemikian. Dan ini saya tekankan tidak ada niat UDA sendiri untuk menepikan soal integrasi bahkan oleh kerana Tanjong Tokong itu projek melibatkan penempatan semula orang-orang yang sedia ada, jadi orang-orang yang sedia ada itu melibatkan semua kaum dan UDA mempunyai satu senarai prioriti atau senarai keutamaan mengenai hak mereka ke atas tanah itu untuk dipindahkan dahulu dan yang kemudian.

Jadi soal integrasi kaum itu memang dititikberatkan oleh UDA di dalam semua projeknya tetapi kalau di dalam projek itu kebetulan penduduk asalnya ramai orang bumiputera tidaklah dapat dielakkan, sudah pasti mereka yang akan dapat nyata nikmat daripada projek UDA itu.

Tuan Pengerusi, itulah sahaja yang saya suka tekankan dalam jawapan saya. Sekali lagi terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara

itu dan saya akan menyusuli di mana yang patut mengenai tindakan susulan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$238,346,500 untuk Maksud B. 33 di bawah Kementerian Pertusahaan Awam jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$238,346,500 untuk Maksud B. 33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$265,470,000 yang disebutkan dalam Maksud P. 33 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Wang sebanyak \$265,470,000 untuk Maksud P. 33 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

Maksud B. 34 (Jadual)—

Maksud P. 34 (Anggaran Pembangunan, 1985)—

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Maksud Bekalan 34 dan Maksud Pembangunan 34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas.

5.15 ptg.

Dr Chen Man Hin (Seremban): Tuan Pengerusi, saya mahu bercakap sedikit di bawah Maksud B. 34, Butiran 1.1 Pentadbiran Ibu Pejabat Kementerian dan juga Butiran 6 Farmasi dan Bekalan.

Tuan Pengerusi pengswastaan perkhidmatan perubatan awam harus

dijalankan dengan awasi. Ketakutan dan kegelisahan telah timbul di kalangan orang miskin yang berpendapatan rendah. Merekalah yang sering dilanda penyakit sebab mereka menduduki rumah-rumah yang sesak dan makan makanan yang kurang zat.

Statistik yang dikeluarkan baru-baru ini menunjukkan bahawa 42% keluarga sedang hidup di bawah paras garisan kemiskinan. Haruslah perkhidmatan perubatan untuk mencegah kesakitan seperti vaccination dan lain-lain, klinik pesakit luar dan rawatan percuma atau bayaran yang terendah sekali haruslah dilanjutkan.

Adalah diakui bahawa kos perkhidmatan seperti rawatan perubatan, kaji penyakit, X-ray, CAT scans, pemeriksaan darah dan pembedahan adalah tinggi dan ianya telah menjadi beban kepada Kerajaan. Untuk perkhidmatan perubatan semacam itu haruslah orang-orang kaya termasuk "tycoons" dan orang-orang profesional dikenakan bayaran.

Hospital-hospital swasta boleh ditubuhkan untuk mereka yang ingin mendapatkan perkhidmatan istimewa, tetapi haruslah diadakan penyeliaan di atas hospital-hospital itu tentang kadar bayaran yang mereka kenakan kepada pesakit kerana orang-orang profesional, pengurus, juga ahli perniagaan merasa susah untuk membayar bil perubatan lumayan yang mereka dikenakan bayaran oleh hospital swasta itu.

Satu cara bagi menolong sesiapa yang berhasrat untuk mendapatkan perkhidmatan perubatan dari hospital swasta ialah dengan cara menyediakan insurans perubatan yang mana pihak insurans itu boleh menanggung apa-apa bayaran perubatan itu. Di United Kingdom (Britain) insurans perkhidmatan kesihatan nasional telah menunjukkan satu "model system"

perkhidmatan kesihatan yang mana orang-orang termasuk orang miskin diberikan perkhidmatan perubatan untuk apa-apa penyakit yang mereka alami sama ada demam sejuk, pecah tulang, pembedahan, rawatan barah-barah atau penjagaan di usia yang uzur dan tua. Semua orang mendapat faedah.

Tuan Pengerusi, berkenaan makanan dan dadah di Malaysia, saya ingin mencadangkan supaya ada satu perbadanan untuk menjaga penjualan makanan dan dadah di negara kita. Perbadanan makanan dan Dadah di Amerika Syarikat atau Food and Drugs Authority (FDA) adalah satu badan yang sangat terkenal yang mengkaji dan siasat setiap dadah dan makanan sebelum ianya boleh dijual kepada rakyat Amerika Syarikat. Perbadanan serupa ini sangatlah diperlukan di negara ini.

Ada satu undang-undang untuk mengawal penjualan dadah dan makanan tetapi implementasi undang-undang itu adalah jauh dari memuaskan hati. Undang-undang seperti Ordinan Racun, Ordinan Dadah Berbahaya, 1952, Ordinan Ubat Iklan dan Jualan, 1952 dan Ordinan Makanan dan Dadah 1952 telah diwujudkan sejak beberapa tahun dahulu, tetapi perkara boleh beli dadah berbahaya di kedai-kedai hanya memperkecil-kecilkan Ordinan-ordinan itu. Sungguhpun ada ini Ordinan tetapi implementasi sangat kurang baik. Bukan sahaja dadah tetapi makanan-makanan yang disediakan di kedai-kedai dan pasaraya-pasaraya (supermarkets) yang dijual kepada orang awam yang sering percaya dan tidak mengesyaki apa-apa tidak diawasi atau dikawal oleh Kementerian Kesihatan dan barang-barang itu tidak ada apa-apa tanda kelulusan dari Kementerian Kesihatan ataupun menyatakan tempoh makanan di label-label barang-barang makanan itu.

Oleh sebab itu kita sering boleh mendengar ada lipas, rambut dan lain-lain barang dalam barang-barang makanan yang disediakan oleh pasaraya-pasaraya yang terkenal.

Lebih kurang 20,000 persediaan ubat atau dadah boleh didapati di pasaran sedikit sahaja yang diperiksa dan disahkan tetapi kebanyakan tidak. Semakin hari semakin banyak dadah masuk dalam pasaran tanpa diperiksa.

Dadah seperti ubat batuk, pencegah kesakitan atau, dengan izin pain killers yang dijual terus kepada suri-suri rumahtangga oleh jurujual-jurujual, tidak ada kelulusan dari Kementerian Kesihatan. Ini berlaku hari demi hari di seluruh negara. Oleh yang demikian, kami pihak DAP menyeru untuk menubuhkan satu badan dadah dan makanan yang boleh mengawal, menyelia perbuatan pengujian atau menganalisa setiap persediaan dadah dan makanan sebelum ianya dikeluarkan untuk dijual kepada orang awam. Ini kita boleh nampak di tiap-tiap barang yang dijual dalam pasar dan mana-mana mesti ada satu cop Kementerian Kesihatan, misalnya FDA di Amerika Syarikat.

Saya menyeru supaya penguatkuasaan undang-undang itu dijalankan dengan lebih berkesan di atas penjualan dadah dan makanan, kakitangan yang ada sekarang tidak mencukupi. Dan saya tidak nampak apa-apa kesusahan untuk merecruitkan lebih ramai orang yang berkelayakan untuk menjalankan tugas-tugas itu. Kita boleh lihat banyak sarjana-sarjana farmasi yang tidak bekerja atau yang sedang kerja di lapangan yang tidak kena mengena dengan kelulusan mereka. Setiap tahun hampir 100 pharmacy's graduates, dengan izin, keluar dari Kolej-kolej Perubatan tempatan dan luar negeri. Mereka ini boleh digunakan untuk menyelia penjualan

dadah dan makanan dengan teraturnya. Tidak ada sebab sama ada kelemahan ekonomi atau kekurangan wang dijadikan alasan yang boleh menahan dari mengambil pegawai-pegawai penguatkuasaan kerana ini adalah satu perkara yang sangat mustahak iaitu kesihatan dan keselamatan rakyat kita.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, saya mahu sebutkan satu perkara berkenaan dengan graduan farmasi, saya dapat banyak aduan daripada graduan-graduan baru dan nampaknya majalah Berita Farmasi juga ada tulis banyak aduan. Dia bercakap apabila dia sudah jadi graduate tetapi tidak cukup kerja. Di dalam hospital kita juga tidak ada cukup jawatan kosong untuk pupilage dan banyak graduate tidak ada peluang untuk dapat pengalaman di dalam hospital. Saya dapat satu penerangan berkata dalam hospital-hospital kita di seluruh negara ada 60 jawatan kosong untuk pupilage. Ini tidak cukup sebab sekurang-kurang ada 100 graduates tiap-tiap tahun.

Saya harap Kerajaan memberi perhatian berkenaan hal ini oleh sebab peranan pharmacists di negara kita pada masa akan datang sangat mustahak. Nombor satu, dia mahu jaga tiap-tiap dadah, sekarang ada 20,000 dadah (drugs) dalam market kita. Dan satu pharmacist mesti ada untuk menolong Kementerian menjaga dadah itu. Dan juga di dalam hospital oleh sebab ada banyak dadah 20,000 dadah, dengan setiap pesakit kalau makan drugs atau medicine ada banyak side effects, dengan izin, dan ini mesti ada iaitu pharmacist.

Oleh sebab itu saya harap Kementerian Kesihatan boleh beri lebih tumpuan, atau peruntukan untuk Pejabat Farmasi dan ini boleh menjaga negara kita, kesihatan dan kesihatan rakyatnya.

5.36 ptg.

Tuan Justine anak Jinggut (Ulu Rajang): Tuan Pengerusi, oleh kerana banyak lagi Ahli Yang Berhormat yang lain hendak bercakap maka saya hanya menggunakan 5 atau 10 minit.

Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk mengenai Maksud Pembangunan 34 bagi Kementerian Kesihatan iaitu Butiran 31 di muka 141 yang bertajuk Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar di negeri Sarawak yang diperuntukkan sebanyak \$1,320,010 untuk tahun 1985. Peruntukan bagi tahun 1985 telah pun dikurangkan daripada \$2,830,000 iaitu peruntukan pada tahun 1984 kepada \$1,320,010 iaitu sebanyak \$1,409,990. Memandangkan kawasan luar bandar di Sarawak adalah besar iaitu mempunyai tujuh bahagian, peruntukan ini adalah tidak mencukupi oleh kerana sebab-sebab yang saya akan sebutkan di bawah.

Tuan Pengerusi, seperti kawasan luar bandar yang lain, kawasan luar bandar Sarawak sangat mementingkan perkhidmatan kesihatan luar bandar. Faktor utama ialah dari segi infrastruktur. Kebanyakan daripada tempat-tempat di luar bandar ini langsung tidak mempunyai infrastruktur seperti jalan raya, dan hanya dapat dihubungi dengan menaiki perahu. Tambahan pula cara kediaman mereka adalah berkelompok-kelompok adalah sangat susah hendak dihubungi. Oleh kerana sebab ini kebanyakan daripada peruntukan yang diperuntukkan kepada Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar adalah diguna untuk membayar kos pengangkutan. Kalau kita lihat di muka 180, Butiran 2 iaitu Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar di Semenanjung Malaysia telah diperuntukkan sebanyak \$33,775,000 kalau dibandingkan dengan negeri Sarawak yang hanya diperuntukkan sebanyak \$1,320,010.

Tuan Pengerusi, saya kurang faham mengapakah perbezaan ini sangat tinggi sedangkan negeri Sarawak mempunyai kawasan yang besar, adakah ini salah kajian yang dibuat oleh pegawai Kementerian Kesihatan di Sarawak? Saya dengan penuh harapan supaya Kementerian Kesihatan dapatlah sebab-sebab mengapakah peruntukan perkhidmatan di luar bandar di Sarawak adalah begitu rendah.

Satu lagi masalah yang saya hendak menyentuh ialah mengenai kemiskinan rakyat luar bandar yang memerlukan perkhidmatan kesihatan di luar bandar. Tidaklah kita dapat menafikan bahawa kebanyakan penduduk-penduduk luar bandar terdiri daripada orang yang miskin. Biasanya, Tuan Pengerusi, dispensari selalunya diadakan di kuala-kuala sungai itu. Dengan adanya facilities ini mereka yang tinggal di ulu sungai tidak juga dapat menggunakan facilities ini oleh kerana tidak mempunyai wang untuk membeli minyak yang digunakan untuk outboat engine mereka. Jadi, Tuan Pengerusi, adalah sangat perlu bagi travelling dispensary diadakan. Pada tahun 1984 aktiviti travelling dispensary ini dikurangkan oleh kerana kemelesetan ekonomi dan saya percaya pada tahun ini aktiviti ini juga tidak akan bertambah oleh kerana peruntukan tidak mencukupi.

Jadi, akhirnya Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar yang diperlukan oleh orang yang miskin ini yang tidak mempunyai facilities yang lain seperti yang ada di bandar tidaklah dapat dijalankan demi untuk kepentingan orang yang miskin. Oleh kerana ini kekurangan Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar, Tuan Pengerusi, maka berbagai masalah timbul. Satu masalah yang terpenting sekali ialah kepada bayi yang berumur 1 hingga 5 bulan oleh kerana kurang check up mempunyai berbagai

penyakit. Juga budak-budak yang berumur 1 hingga 5 tahun mempunyai perut yang besar oleh kerana penyakit cacing gelang tambahan pula tidak ada mempunyai check up yang proper. Ini saya percaya adalah menyebabkan kebanyakan daripada murid-murid sekolah di luar bandar tidak mempunyai IQ yang tinggi seperti murid-murid di bandar. Saya tidak berucap beberapa kali di Dewan yang mulia ini mengenai masalah dan betapa pentingnya Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar dan saya berharaplah Kementerian Kesihatan patutlah menelitinya dengan seberapa dalam supaya peruntukan dapatlah diberi dengan cara yang berpatutan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Julau.

5.44 ptg.

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): Tuan Pengerusi, saya berucap di bawah Kementerian Kesihatan, Maksud Pembangunan 34, muka surat 181, Butiran 31 iaitu Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar Negeri Sarawak. Bersama dengan rakan saya dari Ulu Rajang juga Anggaran Perbelanjaan tahun 1985 sangat kurang, kita akan berbelanja cuma \$1,320,010 manakala tahun 1984 kita ada peruntukan perbelanjaan \$2,830,000.

Tuan Pengerusi, anggaran sebanyak itu tidak mencukupi untuk negeri Sarawak kerana banyak masalah Kementerian ini belum lagi diselesaikan di negeri itu. Tuan Pengerusi, saya juga mengambil kesempatan ini untuk merayu kepada Kementerian Kesihatan iaitu saya mohon kepada Kementerian Kesihatan mempertimbangkan skim tanggungaji Pembantu Hospital Rendah di negeri Sarawak. Saya telah difahamkan bahawa kes tuntutan pindaan tanggungaji Pembantu Hospital Rendah di Sarawak

dikemukakan oleh Persatuan Pegawai-pegawai Kerajaan Negeri Sarawak iaitu SGOU dahulu telah ditolak oleh pihak Perundingan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Ini adalah kerana tuntutan tersebut dikatakan tidak merupakan anomali mengikut tafsiran di bawah Fasal 2 Akta Tribunal Perkhidmatan Awam untuk keputusan muktamat. Saya merayu kepada Kementerian yang bertanggungjawab mempertimbangkan skim tanggungaji Pembantu Hospital Rendah di Sarawak akan diubahsuai semula.

Tuan Pengerusi, persoalan tanggungaji Pembantu Hospital Rendah di Sarawak timbul berikutan pelaksanaan Jawatankuasa Kabinet di Sarawak pada tahun 1978. Dalam laporan tersebut tanggungaji mereka telah ditempatkan daripada \$250 hingga \$450 kepada D10 \$235 hingga \$595 sama dengan tanggungaji jawatan Pembantu Hospital Rendah di Semenanjung Malaysia. Pembantu Hospital Rendah di Sarawak mendakwa bahawa tugas dan tanggungjawab mereka adalah berbeza dan jauh lebih berat daripada tugas-tugas counterpart mereka di Semenanjung. Mereka menganggap tanggungaji sekarang tidak berpatutan jika dibandingkan dengan tugas dan tanggungjawab dari segi prinsip kadar upah ikut kerja.

Tuan Pengerusi, di Semenanjung ini Pembantu Hospital Rendah adalah ditugaskan khas di bidang rawatan mental dan pemulihan salahgunaan dadah, manakala di Sarawak mereka terlibat secara rasmi di dalam bidang rawatan dan kesihatan orang ramai, khususnya kepada masyarakat di luar bandar.

Tuan Pengerusi, untuk memberi gambaran yang lebih jelas mengenai perbezaan ini, satu kedudukan Pembantu Hospital Rendah tidak sama dengan tugas-tugas yang

dijalankan oleh Pembantu Hospital. Ini ternyata apabila dilihat bahawa Pembantu Hospital ditugaskan sebagai Pegawai Penyelia ke atas Pembantu Hospital Rendah di Unit Sakit Jiwa, Pemulihan Salahgunaan Dadah. Pembantu Hospital Rendah mempunyai relativity yang sama dengan Penolong Jururawat. Ia merupakan counterpart perempuan bagi Pembantu Hospital Rendah dalam segi menjadi pembantu kepada Jururawat, Pembantu Hospital dan sebagai penjaga kepada pesakit jiwa. Bahawa Penolong Jururawat telah di tanggagaji yang sama seperti Pembantu Hospital Rendah pada masa sebelum Laporan Jawatankuasa Kabinet iaitu \$215 hingga \$425. Tanggagaji yang paling sesuai diberikan kepada Pembantu Hospital Rendah D10-01 \$285 hingga \$595 dan \$350 hingga \$670 iaitu tanggagaji yang diberi kepada Penolong Jururawat. Perbincangan tersebut telah menghasilkan tanggagaji Pembantu Hospital Rendah di Kementerian Kesihatan termasuk Sarawak. Setelah mengambil kira akan perkara-perkara mengenai tugas-tugas dan kedudukan Pembantu Hospital Rendah di Semenanjung Malaysia, di sini saya ingin mengulas ketiga-tiga pendapat tersebut mengenai perbezaan kedudukan Pembantu Hospital Rendah di Sarawak. Sungguhpun dasarnya Pembantu Hospital Rendah sebagai Pegawai Penyeliaan ke atas Pembantu Hospital Rendah di dalam aktiviti pasukan kesihatan kampung dan klinik desa, pada hakikatnya Pembantu Hospital Rendah adalah menjalankan tugas yang lebih kurang sama dengan yang dijalankan oleh Pembantu Hospital. Pembantu Hospital tidak ikut serta sama lawatan ke kampung-kampung dan pasukan tersebut diketuai sendiri oleh Pembantu Hospital Rendah. Dalam pemberian rawatan merekalah memberi spot decision tanpa arahan atau penyeliaan dari mana-mana pihak. Satu bukti yang jelas sekali

ialah mereka layak mengambilalih tugas dan tanggungjawab di klinik desa jika Pembantu Hospital sedang bercuti, menghadiri seminar atau urusan luar station. Pembantu Hospital Rendah juga dikehendaki bersedia untuk panggilan bekerja luar waktu pejabat, merawat, merujuk kes-kes kecemasan selepas waktu pejabat secara bergilir-gilir dengan Pembantu Hospital, seolah-olah wujudnya dua Pembantu Hospital di Pusat tersebut.

Selain daripada itu perhatian harus diberi kepada hakikat bahawa Pembantu Hospital Rendah yang menjadi Pegawai Penguasa Klinik Desa, Fasa Pertama dan dispensari Kecil di negeri Sarawak. Pembantu Hospital Rendah di Sarawak adalah mengikut tanggagaji sekarang dalam Kategori D10 bukan sahaja dianggap tidak berpatutan tetapi juga melahirkan situasi yang tidak sihat.

Contohnya, Jururawat-jururawat Masyarakat yang berada dalam tanggagaji yang lebih besar C10 \$395-\$780 adalah di bawah jajaan kuasa Pembantu Hospital Rendah di peringkat Klinik Desa Fasa Pertama dan lain-lain aktiviti. Keadaan penindasan ini dirasakan apabila elaun makan Jururawat Masyarakat lebih tinggi dari ketuanya iaitu Pembantu Hospital Rendah dalam aktiviti Pasukan Kesihatan Kampung.

Tuan Pengerusi, dari apa yang saya kumpulkan dan pendapat saya bahawa perkhidmatan Pembantu Hospital Rendah di Sarawak sepatutnya dijadikan lebih menarik dengan menempatkan jawatan itu kepada Kategori C kerana ia mempunyai kedudukan yang sama dengan jawatan Jururawat Masyarakat, seperti berikut:

- (1) Bahawa Skim Perkhidmatan Jururawat Masyarakat juga mensyaratkan kelulusan SRP/LCE dan Latihan Separa

Perkhidmatan sebagai kelayakan masuk.

- (2) Bahawa Latihan Separa Perkhidmatan yang dijalani oleh Jururawat Masyarakat juga memakan masa 2 tahun atau 2½ tahun mulai 1983.
- (3) Bahawa Jururawat Masyarakat juga telah diberi tanggungaji yang sama seperti Pembantu Hospital Rendah pada sebelum Laporan Jawatankuasa Kabinet iaitu \$250-\$440.

Tuan Pengerusi, sebagai mengulung hujah-hujah, saya ingin memberi kesimpulan mengenai tanggungaji yang sesuai untuk Pembantu Hospital Rendah di Sarawak berdasarkan kepada:

- (1) Tugas dan tanggungjawab dan dari segi tanggungaji sebelum Laporan Jawatankuasa Kabinet, Pembantu Hospital Rendah di Sarawak seharusnya diberi tanggungaji yang lebih tinggi dari tanggungaji Pembantu Hospital Rendah di Semenanjung Malaysia.
- (2) Dari segi tugas dan tanggungjawab, Pembantu Hospital Rendah di Sarawak seharusnya diberi tanggungaji yang lebih baik dari tanggungaji Jururawat Masyarakat, iaitu C17 \$395-\$780.

Tuan Pengerusi, setelah mengambil kira akan perkara-perkara tersebut di atas, saya berpendapat bahawa tanggungaji yang paling sesuai diberi kepada Pembantu Hospital Rendah di negeri Sarawak ialah tanggungaji C15 \$470-\$780 dan saya mencadangkan pula iaitu supaya jawatan Pembantu Hospital Rendah di Sarawak ditukarkan kepada nama Pembantu Perubatan Masyarakat. Nama jawatan ini bersesuaian dengan perkhidmatan mereka di dalam bidang rawatan dan

kesihatan kepada masyarakat umum, khususnya di kawasan luar bandar.

Tuan Pengerusi, satu lagi perkara yang saya akan bangkitkan berkenaan dengan Maksud P. 34, Butiran 34, Projek 10, muka surat 182—Pusat Kesihatan Daerah Julau.

Anggaran Belanjawan dikatakan \$12,300,000 tetapi sebenarnya sebagai token \$20 sahaja. Tuan Pengerusi, cadangan untuk membina Pusat Kesihatan Daerah Julau ini sudah lama tetapi belum ada apa-apa tindakan telah dijalankan. Di sini saya menegaskan sekali lagi iaitu Pusat Kesihatan Daerah Julau itu perlu dibina untuk menjaga kesihatan 30,000 penduduk di daerah tersebut dan dengan menempatkan seorang doktor kerana daerah itu jauh daripada hospital-hospital yang mempunyai doktor, seperti Sarikei dan Sibu yang mana kedua-dua tempat itu sama-sama 42 batu jauhnya dari Julau.

Daerah Julau juga hingga kini belum pernah mempunyai seorang doktor ditempatkan di situ. Kadangkala pesakit-pesakit dihantar dari Julau ke Sibu atau Sarikei meninggal dunia sebelum tiba ke tempat yang ditujui iaitu Hospital Sibu atau Sarikei. Tuan Pengerusi, saya mohon dengan ikhlas agar Kementerian Kesihatan membina Pusat Kesihatan Daerah Julau dengan secepat mungkin.

Tuan Pengerusi, dengan ini saya menyokong Belanjawan yang diperuntukkan kepada Kementerian ini.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Parit Buntar.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman (Parit Buntar): Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Nanti sekejap. Atas apa Yang Berhormat bangun?

Dato' K. Pathmanaban: Peraturan Mesyuarat, untuk melanjutkan masa persidangan.

Tuan Pengerusi: Ya, sila.
Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga perbahasan di atas Kementerian Kesihatan selesai dipertimbangkan.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bagi dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa walau apa pun peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan sehingga perbahasan di atas Kementerian Kesihatan selesai dipertimbangkan.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1985

Jawatankuasa

*Majlis bersidang dalam
Jawatankuasa.*

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Jawatankuasa)

Maksud B. 33 (Jadual)—

*Maksud P. 33 (Anggaran
Pembangunan, 1985)—*

Perbahasan disambung semula.

Tuan Pengerusi: Saya mintalah Ahli-ahli Yang Berhormat jangan berucap panjang-panjang sangat, cakap di atas butir-butir, janganlah di atas dasar. Sila Yang Berhormat dari Parit Buntar.

5.58 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Oleh kerana keadaan demikian saya akan bercakap dengan seberapa ringkas yang boleh mengenai Perkhidmatan Kesihatan Awam yang mana saya tahu di antara aktiviti di bawah Kesihatan Awam ini ialah untuk meninggikan taraf kesihatan masyarakat luar bandar khususnya ibu-ibu dan kanak-kanak dengan cara mengurangkan kematian ibu-ibu semasa mengandung dan bersalin serta kematian kanak-kanak yang berumur di bawah 1 tahun.

Tuan Pengerusi, pada mulanya saya tidak ingin untuk membangkitkan perkara ini di dalam Dewan ini, tetapi

oleh kerana setelah saya mengutus surat kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan untuk berjumpa mengenai satu kes kejadian bersalin di dalam tandas di sebuah hospital di dalam kawasan saya, maka pada petang ini saya inginlah mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan atas perkara-perkara yang akan saya timbulkan sebentar lagi.

Peristiwa yang saya sebutkan itu ialah berlaku pada 27hb Jun, 1984 yang lalu di mana satu kes seorang ibu dikatakan bersalin di dalam tandas. Walaupun saya bersimpati dengan pihak yang terlibat tetapi saya lebih memandang perkara ini secara yang lebih luas lagi tentang kejadian ini. Pertama, Tuan Pengerusi, kejadian ini pada saya jika kita teliti dari segi ilmu perubatan sendiri mungkin bersalin di dalam tandas boleh berlaku, bersalin atas pandang boleh berlaku, bersalin dalam kapalterbang boleh berlaku, bersalin di bawah pokok pun boleh berlaku, bersalin di mana-mana boleh berlaku. Tetapi mengapakah perkara ini telah dihebohkan begitu besar dalam suratkhobar? Puncanya, pada pandangan saya ialah disebabkan oleh kerana ibu yang melahirkan anak itu, anaknya telah meninggal dunia. Mungkin Yang Berhormat Menteri mengatakan ini adalah dengan kehendak Allah subhanahu wataala— memang, tetapi apakah usaha yang telah kita jalankan untuk menyelamatkan daripada kes ini timbul ataupun dibesar-besarkan di dalam suratkhobar. Saya difahamkan bahawa penyiasatan telah dijalankan oleh sebuah jawatankuasa dan malangnya pada pandangan saya sebagai Ahli Parlimen di kawasan yang berkenaan, saya tidak bersetuju dengan jawatankuasa yang ditubuhkan, bukan kerana saya tidak bersetuju dengan mereka yang menjadi ahli, tetapi kerana masih boleh dipertikaikan, kerana Ketua Jururawat yang menyiasat perkara

tersebut adalah juga seorang yang berasal daripada kawasan saya dan kebetulan rumah keluarga Ketua Jururawat itu pun terletak di belakang rumah pihak pengadu. Mereka yang menjalankan penyiasatan pada mulanya ialah sebuah jawatankuasa yang terdiri daripada Pengarah Perubatan dan Kesihatan Negeri Perak dan terlibat juga seorang pegawai di Hospital Daerah itu sendiri yang bertanggungjawab mengenai wad bersalin.

Tuan Pengerusi, setelah saya teliti, saya juga membuat penyiasatan, begitu juga sahabat-sahabat saya yang lain yang ingin melihat supaya hospital tersebut lebih teratur mendapati berbagai-bagai perkara yang sangat meragukan. Terutamanya apabila saya pergi menyiasat bagi kali yang pertama dengan pegawai yang bertanggungjawab mengenai wad yang berkenaan menyatakan bahawa bayi tersebut telah meninggal dunia sewaktu bersalin. Tetapi apabila kita siasat lagi dengan pihak pegawai-pegawai yang lain, seperti Jururawat yang lebih kanan ataupun Jururawat yang bertanggungjawab dan beberapa orang Jururawat mengatakan bahawa masih terdapat nadi, saya tidak tahulah dalam bahasa perubatan, kanak-kanak ini masih ada denyutan jantungnya tetapi pihak doktor yang bertanggungjawab tidak mahu melihat atau memberi layanan kepada kanak-kanak yang berkenaan. Sebab itu, saya menimbulkan perkara ini dan saya dapati bahawa Jururawat-jururawat dan kakitangan yang lain seperti Bidan dan Ayama dan mereka yang lain yang dikaitkan dengan penglibatan kes ini hanyalah mereka yang bekerja di waktu malam. Pada hal kejadian ini atau mengikut laporan, kematian berlaku pada pukul 7.30 lebih, bukan sebelum pukul 7.00. Sudah tentulah saya rasa penyiasatan ini hendaklah diadakan secara menyeluruh menyiasat kakitangan sebelum pukul 7.00 dan selepas pukul

7.00 pagi kerana dua shift yang terlibat.

Tuan Pengerusi, saya dalam hal ini inginlah mencadangkan supaya jawatankuasa yang menyiasat ini hendaklah terdiri daripada mereka yang berkecuali, terdiri daripada pakar-pakar perubatan daripada luar negeri Perak yang tidak terlibat dengan kawasan yang berkenaan.

Lagi satu, saya merasa ragu-ragu kenapakah pihak pentadbiran hospital cuba untuk menekan mereka yang terlibat sebelum waktu pukul 7.00 pagi kerana mengikut pendapat mengatakan bahawa sepatutnya ada Pegawai Perubatan atau doktor on call, tetapi tidak kelihatan pada masa itu. Kejadian selepas pukul 7.00 ini merupakan satu kejadian di mana terlibat juga doktor yang bertanggungjawab mengenai wad bersalin ini. Jadi untuk mengelakkan perkara ini, ini adalah satu tuduhan, untuk mengelakkan perkara melibatkan diri Pegawai Perubatan itu sendiri, maka beliau telah cuba untuk menekan pegawai-pegawai atau kakitangan yang berkhidmat sebelum pukul 7.00 supaya ia terlepas daripada bidang penyiasatan ini. Saya harap supaya Kementerian menyiasat tanpa kehadiran pegawai-pegawai atau berjumpa tiap-tiap orang tanpa diadakan satu penal kemudian dihadapkan orang yang hendak disiasat sedangkan doktor yang bertanggungjawab mengenai hospital itu berada di hadapan pegawai-pegawai yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, oleh kerana kejadian ini adalah satu kejadian yang malang, saya juga ingin menimbulkan supaya pihak Kementerian Kesihatan dapat menyiasat Pegawai-pegawai Perubatan yang dihantar di dalam kawasan saya, kerana selain daripada kejadian bersalin dalam tandas ini, ada juga kejadian-kejadian sehingga saya telah menimbulkan dalam Dewan

ini "Dr Panadol" dan sebagainya supaya menyiasat latar belakang doktor-doktor yang dihantar kerana ada lagi satu kes di mana seorang ibu mengandung pergi mendapatkan rawatan, tetapi apa yang diberi ialah Panadol dan kejadian ini telah menyebabkan keguguran berlaku kepada ibu yang mengandung itu. Tetapi oleh kerana ibu itu tidak mahu mengheboh-hebohkan perkara ini, maka tidak berlaku sepertimana yang berlaku kepada kes bersalin di dalam tandas.

Saya harap supaya Kementerian Kesihatan akan memberi pertimbangan yang baik kepada permohonan saya untuk menempatkan seorang Pakar Sakit Puan dan Kanak-kanak di Hospital Parit Buntar. Ini berdasarkan kepada kajian saya di mana adalah difahamkan bahawa kadar kematian bagi Hospital Parit Buntar adalah merupakan yang tertinggi sekali dalam negeri Perak dan mungkin juga tertinggi di seluruh negara. Ini dapat saya buktikan, kadar kematian bagi tahun 1982 berjumlah 572 yakni 3.63% daripada kadar tiap-tiap 1,000 di dalam kawasan saya. Itu kadar kematian bagi kanak-kanak yang di bawah satu tahun. Kemudian jika dipecahkan lagi kepada yang lebih kecil, iaitu kadar kematian yang berlaku di antara 7 hingga 28 hari, kita dapati ini juga tidak dapat diperbaiki. Dalam tahun 1982—2.44 kadar bagi tiap-tiap 1,000; kemudian tahun 1983 begitu juga 2.44%. Dengan yang demikian, pada pandangan saya, pihak Kementerian Kesihatan hendaklah memberi pertimbangan yang sebaik-baiknya untuk menempatkan seorang Pakar Sakit Puan dan kanak-kanak di Hospital Parit Buntar bagi menggalakkan ibu-ibu disamping untuk menghidupkan semula imej Kementerian Kesihatan sendiri di dalam kawasan saya kerana memang sekarang ini adalah menjadi kenyataan, ramai ibu-ibu yang

mengandung atau mereka yang ingin mendapat rawatan mengenai sakit puan dan kanak-kanak akan terus pergi ke sebuah hospital yang berdekatan, iaitu di Sungai Bakap di sebelah Pulau Pinang atau mereka pergi ke Taiping. Jadi saya rasa untuk mempertahankan imej Kementerian Kesihatan, perkara ini patut diberi pertimbangan yang sewajarnya kepada permohonan saya ini. Sekian.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari SibU.

6.09 ptg.

Tuan Ling Sie Ming (Sibu): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbincangan berkenaan dengan Kementerian Kesihatan di bawah Maksud Bekalan 34, Butiran 3—Perkhidmatan Rawatan Perubatan dan Maksud Pembangunan 34, Butiran 31 hingga 34.

Tuan Pengerusi, Kementerian Kesihatan telah mencadangkan peruntukan \$1,094,117,000 untuk Belanjawan mengurus tahun depan. Peruntukan ini meningkat sebanyak \$152 juta atau 16% berbanding dengan anggaran 1984. Daripada peruntukan tersebut sebanyak \$55 juta adalah untuk pembayaran gaji sedangkan \$97 juta pula untuk membiayai perkhidmatan-perkhidmatan lain.

Dari peruntukan untuk pembangunan berjumlah \$162.2 juta yang dikemukakan oleh Kementerian Kesihatan, Semenanjung Malaysia mendapat sebanyak \$154 juta, negeri Sabah mendapat \$5.62 juta sementara negeri Sarawak mendapat hanya \$2.62 juta. Jelaslah negeri Sarawak mendapat peruntukan pembangunan yang paling kecil belaka. Jika perkara-perkara di bawah peruntukan ini dikaji dengan teliti, tentulah akan

disedari bahawa rakyat negeri Sarawak akan mengalami kekurangan dan kerosakan perkhidmatan perubatan tahun depan. Dari sebanyak \$2.62 juta yang diperuntukkan, sebanyak \$1.32 juta ialah untuk membiayai perkhidmatan perubatan desa, sebanyak \$1.11 juta untuk mempertingkatkan kemudahan-kemudahan hospital yang sedia ada, sedangkan sebanyak \$190,000 adalah untuk membaiki tempat-tempat kediaman serta membeli kenderaan-kenderaan dan bot-bot. Antara 10 buah hospital baru yang dirancangkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan Keempat, beberapa daripadanya mendapat hanya peruntukan simbolik sebanyak \$10 masing-masing sedangkan cadangan hospital baru di Serian langsung tidak mendapat apa-apa peruntukan sekali pun.

Tuan Pengerusi, peruntukan yang berat sebelah itu pasti tidak adil kepada rakyat negeri Sarawak, kerana meski pun rakyat di seluruh negara sama-sama menghadapi kemelesetan ekonomi, tetapi peruntukan pembangunan Kementerian Kesihatan untuk penduduk-penduduk Semenanjung Malaysia telah bertambah sebanyak \$15.6 juta berbanding dengan anggaran tahun 1984. Sekiranya anggaran itu berasaskan kepada bilangan penduduk Semenanjung Malaysia tahun depan, ini bererti peruntukan untuk rakyat Semenanjung Malaysia ialah lebih kurang \$12 per kapita. Sebaliknya tiap-tiap rakyat negeri Sarawak hanya menikmati perkhidmatan perubatan bernilai \$1.78 sahaja. Oleh itu peruntukan pembangunan sebanyak \$2.62 juta itu bulat-bulat tidak usah disebut-sebutkan. Lagi pun, peruntukan kecil itu pasti tidak akan mendatangkan apa-apa kesan terhadap perkhidmatan perubatan di negeri Sarawak. Misalnya bagaimana Kerajaan merancang, membahagikan peruntukan sekecil \$1.11 juta itu

untuk meninggikan mutu hospital-hospital di negeri Sarawak tahun depan. Sebagai contoh Hospital Lau King Hou yang bertempat di pertemuan Sungai Rajang dengan Sungai Igan yang tebingnya dihakisi air sungai sepanjang tahun dan tidak lama lagi hospital itu berkemungkinan runtuh oleh arus sungai. Pihak berkuasa Kementerian Kesihatan di Sibul telah pun mengakui keadaan bahaya ini. Jadi, adakah Kerajaan fikirkan sesuatu rancangan untuk menyelamatkan hospital itu atau tidak?

Saya ingin memberitahu Dewan ini dan juga Kementerian Kesihatan bahawa Kerajaan perlu memperbaiki serta memperkuat benteng tersebut yang mana kosnya mungkin meningkat hingga sejuta ringgit. Jadi, apakah peruntukan \$1.11 juta itu semata-mata untuk projek menyelamatkan hospital itu? Kalau begitu, bagaimana dengan hospital-hospital lain yang juga memerlukan kemudahan-kemudahan asas yang lebih sempurna? Oleh sebab itu peruntukan sebanyak \$2.62 juta untuk pembangunan perkhidmatan perubatan di negeri Sarawak merupakan satu perkara yang mengecewakan dan tidak adil sekali. Lebih-lebih lagi memandangkan pengumuman Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada awal bulan ini bahawa bayaran perubatan di seluruh hospital di negeri Sarawak akan dinaikkan mulai Disember, tahun ini. Menurut beliau, kenaikan bayaran itu dikenakan untuk menyamakan kadar bayaran di negeri Sarawak dengan kadarnya di Semenanjung Malaysia bagi meringankan kerumitan kewangan yang dihadapi negara. Namun begitu, rakyat negeri Sarawak tidak dapat menahan diri dari bertanya, kenapa mereka tidak mendapat peruntukan kewangan yang sama juga dari Kementerian Kesihatan pada hal mereka membayar

kadar bayaran perubatan yang sama dengan rakyat Semenanjung Malaysia.

Tuan Pengerusi, hospital-hospital yang ada sekarang tidak mencukupi di Sarawak. Di Hospital Besar Kuching dan juga Hospital Lau King Hou di Sibul sering terdapat pesakit-pesakit yang terbaring di corridor atau di atas lantai. Kekurangan tempat-tempat tidur serta kesesakan wad-wad semakin menjadi teruk dan menyebabkan suasana di hospital itu kurang sihat. Serentak dengan itu, mahu tidak mahu pesakit-pesakit yang mula sembuh terpaksa diminta keluar kerana kekurangan tempat.

Kekurangan doktor-doktor, kemudahan-kemudahan dan kelengkapan juga adalah satu masalah besar di Sarawak. Kekurangan doktor merupakan satu masalah yang menyulitkan. Sering didapati ramai doktor yang meletakkan jawatan kerana enggan berkhidmat di hospital. Umpamanya di Klinik Sakit Luar Hospital Lau King Hou di Sibul, terdapat seramai 600 hingga 700 orang pesakit yang datang tiap-tiap hari untuk menerima rawatan, tetapi bilangan doktor yang bertugas di klinik itu ialah 2 orang sahaja. Kadangkala jururawat-jururawat serta pembantu-pembantu hospital yang mempunyai pengetahuan perubatan terpaksa ditugaskan buat sementara waktu untuk memeriksa pesakit-pesakit dan memberi ubat. Kekurangan doktor itu menyebabkan orang-orang sakit datang awal-awal pagi lagi untuk berbaris. Alangkah sukarnya bagi mereka yang datang dari kampung dengan menaiki bot atau bas lebih awal lagi bagi memastikan giliran mereka. Kalau tidak datang awal-awal menunggu sampai tengahari pun tak dapat jumpa doktor. Kejadian seperti itu berlaku bukan sahaja di Sibul, bahkan di bandar-bandar yang lain.

Kekurangan pakar-pakar dalam bidang-bidang kedokteran tertentu

juga menjadikan doktor-doktor am bertugas sebagai pakar bedah, ahli sakit puan, pakar ortopedik. Perkara ini menimbulkan rasa kurang yakin di kalangan pesakit yang terpaksa mencari rawatan di luar Negeri Sarawak.

Tuan Pengerusi, kekurangan kemudahan-kemudahan asas dan kelengkapan juga menjadi satu halangan yang besar. Misalnya, bilik pembedahan di Hospital Lau King Hou di Sibu diperbesar dan kemudahan-kemudahan serta kelengkapannya ditambah. Tetapi setakat ini Kerajaan Persekutuan masih belum meluluskan peruntukan sebanyak \$500,000 untuk melaksanakan projek itu. Betapa kecewanya rakyat Sibu khususnya dan rakyat Negeri Sarawak amnya terhadap kegagalan Kerajaan Persekutuan berbuat demikian. Ini kerana pembedahan-pembedahan besar tidak boleh dijalankan di hospital itu dan penduduk-penduduk seramai 500,000 orang terpaksa menghantar pesakit-pesakit ke Semenanjung Malaysia atau ke lain-lain negeri untuk rawatan selanjutnya. Ianya bukan sahaja membebankan rakyat Negeri Sarawak dari segi fizikal kewangan dan mental, tetapi juga boleh mendatangkan bahaya jika pesakit itu terlewat dirawat.

Tuan Pengerusi, Negeri Sarawak luas kawasannya. Orang-orang kampung yang ke bandar untuk menerima rawatan selalu berasa kurang senang serta berkurangan wang. Oleh itu, Kerajaan semata-mata bergantung kepada helikopter dan bot-bot untuk memberi perkhidmatan perubatan kepada kawasan pedalaman. Sekiranya Kerajaan sanggup berbuat demikian, kenapa Kerajaan tak fikirkan untuk menubuhkan klinik-klinik di kampung-kampung yang ramai penduduknya serta menempatkan pegawai-pegawai perubatan di klinik-klinik itu demi keselesaan rakyat.

Tuan Pengerusi, memandangkan masalah-masalah yang disebut tadi, saya ingin membuat beberapa cadangan untuk memperbaiki serta mempertingkatkan hospital-hospital di Negeri Sarawak:

- (1) Melulus dan mempercepatkan peruntukan untuk mendirikan hospital-hospital baru. Tidak patut lagi bagi Kerajaan melambat-lambatkan kelulusan peruntukan ini atas alasan kemelesetan ekonomi. Menurut pengumuman Kerajaan, Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina 19 buah lagi hospital baru di Semenanjung Malaysia pada tahun depan. Jadi, kenapa Kerajaan tidak sanggup membina, katakan 3 hingga 5 buah hospital di Negeri Sarawak? Dalam pada itu, Kerajaan harus juga menambah kemudahan-kemudahan dan kemudahan-kemudahan dan kelengkapan-kelengkapan untuk memenuhi keperluan pesakit-pesakit serta kemajuan teknologi perubatan.
- (2) Menaikkan gaji para doktor dan membatalkan syarat kelulusan Bahasa Malaysia sebagai suatu kemestian untuk kenaikan gaji atau pangkat. Dengan cara ini, maka masalah pemberhentian doktor dari perkhidmatan Kerajaan berterusan ini dapat dicegah. Kini Kerajaan sedang mengambil ramai doktor-doktor asing untuk mengisi tempat-tempat yang dikosongkan oleh doktor-doktor tempatan yang meletakkan jawatan. Langkah itu bukan sahaja memberatkan tanggungan ekonomi negara, tetapi juga menimbulkan perasaan ketidak puashati di kalangan rakyat. Kenapa Kerajaan tidak sanggup menyalurkan perbelanjaan

tambahan itu supaya dijadikannya perbelanjaan naik gaji untuk doktor-doktor tempatan? Lagi pun, adakah doktor-doktor asing mempunyai kelulusan Bahasa Malaysia? Jika tidak, kenapa doktor-doktor tempatan dikenakan syarat itu? Adakah bahasa itu seakan-akan satu cabang ilmu perubatan? Kerajaan harus mengambil doktor-doktor dan jururawat-jururawat yang kini berada di luar negeri supaya pulang untuk menyumbangkan kebolehan dan pengalaman mereka bagi menjadikan perkhidmatan perubatan di tanahair menjadi lebih sempurna.

- (3) Untuk mengatasi kekurangan hospital, Kerajaan boleh menggalakkan sektor swasta supaya membina hospital-hospital baru. Kerajaan pun boleh memberi dorongan kepada hartawan-hartawan atau pembesar-pembesar masyarakat memberi derma untuk membina hospital serta meninggikan kemudahan-kemudahan hospital. Saya penuh yakin ramai orang-orang dermawan akan menyambut seruan Kerajaan itu dengan bulat-bulat hati.
- (4) Memperluaskan pendidikan kesihatan di kalangan rakyat untuk mengurangkan bilangan orang sakit serta menjaga kesihatan rakyat. Langkah ini akan meringankan keperluan terhadap perkhidmatan perubatan, juga mengurangkan beban Kerajaan terhadapnya, terutama di kawasan-kawasan kampung. Pendidikan kesihatan merupakan satu rancangan penting yang perlu dijalankan oleh Kerajaan kerana mencegah adalah lebih baik daripada mengubati.

Tuan Pengerusi, pada keseluruhannya, perkhidmatan perubatan di seluruh negara jelas menghadapi kekurangan dan kesulitan yang sama, tetapi masalah itu lebih teruk di Negeri Sarawak. Oleh sebab itu, Kerajaan harus menunjukkan hasrat dan tekad untuk memperbaiki keadaan sekarang serta menjadikan perkhidmatan perubatan satu-satunya perkhidmatan yang menyeluruh. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Tanjong.

6.30 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan tiga perkara secara ringkas sahaja. Terlebih dahulu saya ingin merujuk kepada Butiran 3.1 di bawah Maksud Bekalan 34 iaitu mengenai Rawatan Pesakit Am khasnya Kod 1000 mengenai Emolumen. Saya juga ingin menyentuh sedikit sebanyak tentang masalah Pembantu Hospital.

Seperti yang kita sedia maklum Pembantu-pembantu Hospital telah dan sedang memainkan peranan yang penting dalam sistem kesihatan negara kita. Sudah berpuluh-puluh tahun mereka telah merawat pesakit-pesakit, terutamanya kes-kes yang kurang serius ataupun ringan, terutamanya di kawasan luar bandar di mana dijangka lebih daripada 70% kes-kes dirawat oleh Pembantu-pembantu Hospital yang bertugas di Klinik-klinik Desa dan juga Pusat-pusat Kesihatan. Peranan ini telah disahkan oleh Surat Pekeliling Kementerian Kesihatan yang bertarikh 12hb Jun, 1976. Menteri Kesihatan sendiri juga pun pernah mengumumkan pada bulan Ogos, 1981 bahawa Pembantu Hospital adalah layak untuk merawat penyakit-penyakit yang ringan ataupun dengan izin, simple illnesses.

Namun demikian, peranan mereka ini nampaknya bercanggah dengan peruntukan-peruntukan dalam Akta Perubatan yang sedia ada sekarang yang melarang Pembantu-pembantu Hospital daripada mengamalkan rawatan oleh kerana mereka ini tidak diberi latihan perubatan yang setanding dengan Doktor Perubatan, atau lebih tepat lagi boleh dikatakan bahawa Akta Perubatan bercanggah dengan hakikat yang wujud sekarang.

Saya difahamkan bahawa Kerajaan sedang mengkaji semula Akta tersebut untuk membuat beberapa pindaan dan Pembantu Hospital juga akan diubah namanya kepada Pembantu Perubatan ataupun dengan izin, "Medical Assistant" supaya selaras dengan status dan kerja mereka seperti yang diamalkan di negara-negara maju. Maka saya berharap bahawa pihak Kementerian akan berusaha menyiapsediakan cadangan pindaan Akta itu dengan secepat mungkin, jangan ditangguh-tangguhkan lagi, dan bentangkan pada mesyuarat Dewan pada bulan Mac yang akan datang ini.

Di samping itu, Tuan Pengerusi, saya berharap bahawa Kementerian akan juga mengambil kesempatan ini untuk mengkaji semula tanggungjawab bagi jawatan Pembantu Hospital yang akan diubah nama kepada Pembantu Kesihatan supaya membayangkan tugas-tugas dan tanggungjawab mereka yang akan menjadi lebih berat itu. Maka Kementerian harus juga menyediakan kursus-kursus dalam perkhidmatan ataupun dengan izin, "in-service training", untuk meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran mereka ini.

Selain daripada itu, Kementerian haruslah juga melancarkan satu kempen publisiti supaya rakyat umum lebih memahami peranan Pembantu Perubatan dan seterusnya memberi penghargaan dan penghormatan yang

wajar kepada tugas-tugas mereka. Ini sudah tentunya akan meningkat "morale", dan prestasi mereka.

Selanjutnya, Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh satu perkara yang lain yang bersangkutan-paut dengan Butiran 3.1 juga, mengenai gaji Pegawai Pakar, khususnya di Pulau Pinang. Seperti yang kita sedia maklum Hospital Besar Pulau Pinang adalah lebih besar daripada Hospital Besar Kedah ataupun Hospital Besar Kelantan dari beberapa aspek. Namun demikian, satu "phenomenon" yang anih telah wujud di mana gaji yang tertinggi bagi pegawai-pegawai pakar dalam bidang-bidang yang tertentu seperti Perubatan Umum, Bedah Umum dan sebagainya di Hospital Besar Pulau Pinang hanya berhenti di Tingkatan-tertinggi E sahaja, manakala gaji yang tertinggi bagi pegawai-pegawai pakar yang sama iaitu di bidang-bidang yang sama berhenti di Tingkatan-tertinggi D bagi Hospital Besar Kedah dan Hospital Besar Kelantan.

Tuan Pengerusi, memandangkan bahawa kerja bagi Pegawai-pegawai Pakar di Pulau Pinang adalah lebih berat daripada yang terdapat di Hospital-hospital Besar yang lain yang tersebut tadi maka gaji mereka ini haruslah sekurang-kurangnya setanding dengan jawatan dan tugas mereka itu.

Begitu juga bagi jawatan Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri di Pulau Pinang yang tanggungjawabnya berhenti di Tingkatan-tertinggi E kalau dibandingkan dengan jawatan yang sama di negeri-negeri Kedah dan Kelantan di mana bilangan penduduk adalah jauh kurang daripada negeri Pulau Pinang dan di kedua-dua negeri ini jawatan itu adalah di Tingkatan-tertinggi D.

Sebenarnya, sekiranya kita merujuk kepada Senarai Perjawatan untuk

tahun 1985, Jilid kedua, muka surat 763, maka akan didapati bahawa terdapat 6 jawatan Pengarah Kesihatan dan Perubatan Negeri yang mempunyai tanggungaji yang lebih tinggi iaitu C dan D daripada jawatan Pengarah Negeri Pulau Pinang dan terdapat juga dua jawatan Kategori E yang setaraf dengan Pengarah di Pulau Pinang. Saya membangkitkan perkara ini bukanlah untuk melobi seolah-olah bagi sesiapa pun yang berkhidmat di Pulau Pinang sekarang. Apa yang saya ingin menarik perhatian Kementerian ialah perbezaan di antara negeri seperti ini adalah kurang adil. Bukanlah kepada doktor-doktor pakar yang berkenaan ataupun Pengarah-pengarah yang berkenaan kerana mereka yang layak untuk dinaik pangkat akan terus dinaik pangkat tetapi dengan pertukaran ke Hospital-hospital Besar di negeri-negeri yang lain. Ianya kurang adil kepada rakyat dan pesakit di Pulau Pinang dan sistem Perkhidmatan Perubatan di Pulau Pinang kerana pengalaman dan juga kekanan (seniority) jawatan tidak setanding dengan tugas-tugas yang berat yang harus dipikul oleh pemegang-pemegang jawatan ini kerana sebaik sahaja seorang pakar mencapai ke "seniority" yang tertentu ianya akan ditransfer (ditukar) kerja. Dengan ini sistem perubatan dan juga para pesakit tidak dapat menikmati mutu perkhidmatan yang patut dinikmati. Maka saya ingin merayulah kepada Kementerian Kesihatan dan juga kepada Jabatan Perkhidmatan Awam supaya mengambil langkah untuk membetulkan apa yang saya anggap sebagai satu jenis ketidakadilan dan keganjilan ataupun "anomali" yang wujud di antara negeri, khasnya di antara negeri Pulau Pinang dengan negeri-negeri yang lain.

Yang ketiga dan yang akhirnya, Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 3 dan 4 di bawah

Maksud Pembangunan P. 34 mengenai Memperbaiki Hospital dan Hospital-hospital Baru. Saya ingin sekali lagi membangkitkan isu projek Blok Perkhidmatan Pusat ataupun dengan izin, Central Services Block untuk Hospital Besar di Pulau Pinang yang sebenarnya telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga tetapi telah ditangguh-tangguhkan sehingga sekarang. Nampaknya projek ini akan terus ditangguhkan ataupun telah dibatalkan kerana tidak ada peruntukan token pun dalam Belanjawan bagi tahun 1985. Sebenarnya, kerja "piling" yang bernilai \$2 juta telah lama diselesaikan buat beberapa tahun tetapi kerja pembinaan masih belum dimulakan. Sungguhpun saya sedar bahawa Kerajaan sedang menghadapi keadaan kewangan yang rumit tetapi saya ingin menegaskan betapa pentingnya blok Perkhidmatan Pusat ini yang harus dibina dengan secepat mungkin.

Sebarang penangguhan sudah tentunya akan meningkatkan lagi ongkosnya pada akhirnya. Yang lebih penting lagi keadaan di Hospital-hospital Besar Pulau Pinang sangat sesak dari segi ruang dan kemudahan-kemudahannya yang terhad yang sudah tidak dapat menampung keperluan dan permintaan sekarang. Ini sudah tentu mendatangkan banyak kesulitan dan sedikit sebanyak telah menjejaskan prestasi perkhidmatan perubatan di hospital itu. Keadaan yang kurang memuaskan ini nyatalah kepada sesiapa yang melawat Hospital Besar Pulau Pinang. Yang sama-sama pentingnya juga adalah hakikatnya bahawa Hospital Besar Pulau Pinang ini adalah hospital yang kedua besarnya di negara kita yang telah memberi perkhidmatan bukan sahaja kepada rakyat Pulau Pinang tetapi juga kepada rakyat dari Kedah Selatan dan juga Perak Utara, termasuk juga pihak tentera yang berkhidmat di sempadan Malaysia/Thailand.

Maka adalah mustahak bahawa projek ini dihidupkan semula supaya dapat ditambahkan bilik-bilik pembedahan, ICU, bilik sinaran-X, makmal-makmal dan seumpamanya yang adalah sangat penting untuk menjamin mutu perkhidmatan di hospital itu.

Maka saya ingin merayu kepada Kementerian supaya memberi keutamaan kepada projek ini dan sekiranya telah terlewat untuk tahun 1985 masukkanlah projek ini ke dalam Rancangan Malaysia Yang Kelima. Saya juga meminta supaya ianya dilaksanakan dengan sewal-awal yang boleh. Sekiranya tidak, maka rakyat Pulau Pinang akan merasa kecewa dan tidak dapat dielakkan akan timbulnya satu perasaan bahawa rakyat Pulau Pinang tidak begitu diambil berat oleh pihak Kementerian Kesihatan. Dan dengan itu, saya ingin menyokong peruntukan untuk Kementerian Kesihatan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Bandau. Minta jangan bercakap panjang-panjang sangat.

6.42 ptg.

Tuan Newman Gaban (Bandau): Tuan Pengerusi, saya hendak bercakap sedikit sahaja untuk membuat satu komen mengenai peruntukan yang diberi oleh Kerajaan kepada kesihatan di Sabah untuk tahun hadapan. Merujuk muka surat 182, Butiran 52 dan yang terutama sekali tidak ada peruntukan wang pada tahun hadapan bagi Hospital Daerah Kota Marudu yang telah lama diminta oleh penduduk di Kota Marudu.

Ini amatlah mengejutkan memandangkan beberapa fakta termasuk seperti yang berikut, ianya telah ditangguhkan dan lagi sekali ditangguhkan walaupun peruntukan bagi kesihatan keseluruhan untuk

tahun hadapan adalah lebih banyak daripada tahun ini dan saya juga sudah mempersoalkan perkara ini beberapa kali di Dewan yang mulia ini.

Daerah ini Tuan Pengerusi, adalah daerah yang mempunyai kawasan yang luas di mana penduduknya ada kira-kira 70,000 penduduk yang miskin yang telah diakui oleh Kerajaan sebagai kawasan yang paling miskin di Malaysia dari segi taraf hidup penduduknya. Ini bukanlah kesimpulan dari saya sendiri tetapi sudah menjadi kenyataan dari Laporan Ekonomi Malaysia.

Penduduk di daerah ini sangat memerlukan kemudahan kesihatan dan ini bukanlah satu perkara yang mengejutkan kerana kawasan ini adalah kawasan yang paling miskin di Malaysia. Jika kita hendak meninggikan taraf hidup serta kebajikan penduduk di Kota Marudu, perkara yang utama ialah memberi mereka kemudahan kesihatan asas yang paling perlu. Perkara seperti kadar kematian, penyakit-penyakit, Tuan Pengerusi, saya tidak perlu buktikan di sini oleh sebab masa tidak cukup, perkara ini sebenarnya perkara yang biasa di kawasan saya.

Tuan Pengerusi, kalau kawasan saya yang begini mundur, begini miskin yang sudah disiar ke seluruh Malaysia sebagai kawasan paling miskin kenapalah pula Kerajaan Persekutuan tidak sanggup atau tidak dapat memberi bantuan sebanyak sedikit kira-kira \$5 juta untuk membina hospital di daerah Kota Marudu. Kerajaan juga memberikan berjuta-juta ringgit dan ke arah menaikkan pendapatan penduduk kampung menerusi berbagai-bagai skim penduduk seperti yang dijalankan oleh FELDA. Sudah tentu sebuah hospital yang berharga kira-kira \$5 juta bagi sebuah daerah luas akan memberi banyak faedah kepada penduduk kampung yang juga sejajar dengan

Dasar Ekonomi Baru. Saya berharap Kerajaan akan memberikan pertimbangan yang saksama di atas pembinaan sebuah hospital di Kota Marudu dengan seberapa segera yang boleh.

Tuan Pengerusi, saya suka hendak menerangkan bahawa sungguhpun Sabah dan Sarawak adalah negeri yang terbesar di Malaysia dan walaupun kemudahan kesihatan adalah ketinggalan dan amat memerlukan pembangunan, jumlah yang diperuntukkan bagi Sabah dan Sarawak tahun hadapan adalah hanya sebanyak lebih kurang \$5 juta, \$2 juta lebih masing-masing berbanding dengan lebih kurang \$154 juta bagi Malaysia Barat. Jumlah peruntukan yang diberikan untuk Sabah dan Sarawak tahun hadapan adalah kurang dari jumlah peruntukan tahun 1984.

Jumlah yang diperuntukkan kepada Semenanjung Malaysia tahun hadapan adalah meningkat dari jumlah peruntukan tahun ini. Saya percaya bahawa Malaysia Barat memerlukan segala peruntukan yang diperolehinya tetapi saya berharap Kerajaan menimbangkan keperluan kesihatan yang amat dikehendaki di Sabah dan Sarawak supaya satu jumlah yang lebih besar, peruntukan wang boleh diberikan kepada Sabah dan Sarawak.

Tuan Pengerusi, akhir sekali saya merayu kepada Kerajaan untuk memperbaiki lagi kemudahan dan keadaan kesihatan di seluruh negara kita terutama sekali di Sabah dan Sarawak dan juga saya merayu supaya Hospital di Daerah Kota Marudu boleh dibinakan kalau pun bukan tahun hadapan tetapi seboleh-bolehnya tahun 1986.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat dari Kepong, bolehkah berucap dalam 15 minit, tidak lebih dari 15 minit?

6.49 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Pengerusi boleh, kurang daripada 15 minit pun boleh. Maksud B. 34, Butiran 3 muka surat 176. Tuan Pengerusi, satu kejadian kemalangan telah berlaku dekat dengan Pontian di mana satu kereta persendirian yang membawa 6 orang menuju ke Kukup yang berhampiran dengan Pontian telah melanggar dengan sebuah teksi dengan penumpang 2 orang, yang menyebabkan 8 orang cedera telah berlaku pada pukul 4.00 petang dan kelapan-lapan orang itu dibawa ke Hospital Pontian pada pukul 5.00 petang. Malangnya sehingga pukul 7.00 malam barulah datang seorang doktor. Doktor berkenaan itu telah menggunakan perkataan-perkataan yang kasar dan tingkah lakunya tidak sejajar dengan seorang doktor dalam memberi rawatan kepada orang-orang yang cedera. Dan tambahan pula doktor itu menggunakan perkataan yang kurang sopan terhadap seorang Ahli Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri Johor iaitu Ahli Yang Berhormat dari Pontian iaitu seorang Ahli Yang Berhormat dari Parti Gerakan. Beliau juga telah menerima rawatan yang kasar daripada doktor itu.

Di sini saya hendak menekankan bahawa dalam 8 orang yang cedera itu 4 dimasukkan ke hospital dan 4 lagi menerima rawatan sebagai pesakit luar.

Tuan Mokhtaram bin Rabidin: (Bangun).

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat bangun atas apa?

Tuan Mokhtaram bin Rabidin: Minta penjelasan, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Bagi jalan?

Dr Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Mokhtaram bin Rabidin: Tadi Ahli Yang Berhormat dari Kepong mengatakan ada Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Pontian dari Parti Gerakan tetapi yang saya tahu Dewan Undangan Negeri di kawasan Pontian semuanya ahli UMNO (*Ketawa*).

Dr Tan Seng Giaw: Yang Berhormat Encik Khoo, daripada Johorlah.

Tuan Pengerusi: Bukan daripada Pontian?

Dr Tan Seng Giaw: Bukan Pontian tetapi daripada Johor. Tuan Pengerusi, yang penting sekali ialah rawatan kepada pesakit dan perangai seorang doktor di Hospital Pontian.

Saya berharap Kementerian Kesihatan dapat mengambil tindakan dengan serta merta untuk menentukan segala rawatan yang diberikan kepada pesakit diadakan dengan betul dan sempurna dan tingkah laku semua doktor di situ diperbaiki. Janganlah kita melayani pesakit-pesakit di situ, terutamanya yang dimasukkan ke bilek rawatan kecemasan yang mati kerana kelewatan doktor dan tidak seronok kerana rawatan yang kasar.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi menyentuh Maksud B. 34, Butiran 3, muka surat 176 dan Maksud P. 34, Butiran 1 dan 3, muka surat 180 Penswastaaan Hospital.

Adalah penting bahawa penswastaaan hospital-hospital sebagaimana yang ditunjukkan oleh penswastaaan Hospital Lady Templer dilaksanakan dengan tidak merugikan orang ramai terutama mereka yang datang daripada golongan yang berpendapatan rendah. Kerajaan perlu menunjukkan usaha yang ikhlas untuk menjamin bahawa penswastaaan adalah berfaedah kepada orang ramai.

Baru-baru ini adalah dilaporkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan bahawa Hospital

Lady Templer telah diswastakan. Kontrak yang berkenaan telah ditawarkan kepada Rampai Muda Development Sendirian Berhad. Akan tetapi beberapa persoalan yang berkaitan dengan penswastaaan hospital tersebut telah timbul yang setakat ini belum dijawab.

Adakah pengumuman dibuat dalam akhbar-akhbar tempatan mengenai cadangan untuk mengswastakan hospital ini serta untuk menjemput permohonan-permohonan daripada pihak-pihak yang berminat dan layak?

Berapakah permohonan yang telah ditimbangkan sebelum Rampai Muda Development Sendirian Berhad diberikan kontrak tersebut?

Adakah sebuah Jawatankuasa Khas ditubuhkan untuk menimbangkan permohonan-permohonan yang diterima? Jika penswastaaan Hospital ini gagal, apakah "contingency plan" yang Kerajaan akan ambil? Adakah satu "contingency plan?"

Dengan penswastaaan Hospital ini berapakah jumlah wang yang Kerajaan dapat menjimatkan dan apakah harga yang orang ramai perlu membayar dan yang penting juga adakah hasrat Kerajaan mengswastakan Hospital itu ataupun bahagian Pejabat yang boleh mendapatkan keuntungan kepada ahli ataupun penyokong Barisan Nasional sahaja?

Di samping itu adalah penting juga bahawa jika Kerajaan hendak mengswastakan hospital-hospital, ianya perlu membantu hospital swasta dalam melatih kakitangan hospital termasuk Jururawat.

Contohnya, adalah didakwakan bahawa Hospital Lam Wai di Pulau Pinang telah memohon untuk mendapat keizinan melatih Jururawat-jururawat. Hospital itu ingin mengadakan Sekolah Jururawat

sendiri, tetapi permohonan tersebut telah ditolak oleh Lembaga Jururawat atas alasan sektor awam tidak boleh dan tidak mampu melatih Jururawat.

Kerajaan kononnya tidak mempunyai pandangan yang tinggi mengenai sektor swasta, walaupun setakat ini Kerajaan di dalam belanjawan-belanjawannya terutama Belanjawan tahun hadapan (1985) menganggap penswastaan sebagai penawaran kepada masalah kewangan sektor awam kita. Akan tetapi Kerajaan juga seolah-olah menganggap bahawa sektor awam tidak mempunyai keupayaan untuk melatih kakitangannya. Ini adalah keadaan yang amat tidak wajar. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan, sila menjawab.

6.58 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban): Tuan Pengerusi, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan di atas peruntukan bagi Kementerian Kesihatan dan saya sendiri telah mencatatkan apa yang diucapkan itu. Saya akan cuba menjawab secara ringkas sahaja beberapa hujah yang dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah menimbulkan beberapa perkara tetapi di antaranya ada dua perkara sahaja yang lebih penting iaitu mengenai pengawasan Kementerian di atas ubat-ubat dan bahan-bahan makanan. Mengenai perkara ini, hujah Ahli Yang Berhormat itu bahawa Kementerian pada masa ini tidak menjalankan apa jua pelaksanaan atau penyiasatan dan penguatkuasaan undang-undang yang

terdapat, tidaklah benar sama sekali kerana angka-angka yang kita sentiasa keluarkan kepada orang ramai melalui media-massa jelas menunjukkan bahawa kerja-kerja pelaksanaan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh Kementerian adalah dipertingkatkan tahun demi tahun. Umpamanya di bawah program farmasi iaitu menguatkuasakan undang-undang dadah, pada tahun 1983 kita telah menyerbu atau "raid" 278 premises di atas syak bahawa mereka itu membekalkan dadah berbahaya (scheduled poisons). Di dalam tahun 1984 sehingga akhir bulan September sahaja kita telah menjalankan penyerbuan sebanyak 357 kes. Di dalam penyerbuan ini kita telah mendapati bahawa beberapa premises itu mempunyai atau didapati memiliki ubat-ubat racun: di dalam tahun 1983, 154 kes dan tahun 1984 sehingga akhir bulan September 202 kes dan kita telah juga merampas bahan-bahan dadah atau ubat dan ini adalah dianggarkan bernilai sebanyak \$112,154 pada tahun 1983, dan rampasan pada tahun 1984 adalah bernilai sebanyak \$349,340.

Angka-angka tersebut serta juga pendakwaan yang dijalankan oleh Kementerian Kesihatan iaitu Badan Penguatkuasaan kita adalah juga menunjukkan bahawa kita sentiasa cergas dalam kemampuan kita dalam perkara ini. Dalam tahun 1983, sekali lagi denda telah dikenakan kepada mereka yang dibawa atau dihadapkan ke mahkamah adalah bernilai \$158,880 dan di dalam tahun 1984 sehingga akhir bulan September, adalah bernilai \$151,730.

Ini jelas menunjukkan bahawa usaha dan kerja menguatkuasakan undang-undang jelas dijalankan dan juga untuk menunjukkan bahawa keupayaan kita untuk menjalankan tugas-tugas ini kerap kali dipertingkatkan. Saya dapat memberi angka-angka kakitangan yang terlibat

walaupun kita masih mempunyai keperluan yang besar lagi tetapi dalam keupayaan kita dengan budget yang dapat dibekalkan dalam keadaan ekonomi meleset, saya rasa ini satu yang baik juga.

<i>Tahun</i>	<i>Pegawai Farmasi dalam kerja mengkuatkuasa</i>
1979	17 Pegawai
1980	19 Pegawai
1981	23 Pegawai
1982	26 Pegawai
1983	— Tidak ada kenaikan kerana keadaan Budget yang begitu teruk
1984	32 Pegawai

Dan saya sukacita memberitahu bahawa untuk tahun 1985 kita telah diperuntukkan 8 lagi tambahan jawatan untuk Bahagian Penguatkuasaan iaitu sampai ke angka 40 pegawai dalam bidang tugas penguatkuasaan Undang-undang kita ini. Tambahan lagi kita telah merangka beberapa pindaan dan peraturan-peraturan yang baru di bawah undang-undang kita iaitu satu peraturan yang baru mengenai pendaftaran ubat-ubat dan bahan-bahan "cosmetic", iaitu dengan izin, "Control of Drugs and Cosmetic Regulations 1984" di bawah mana apabila sahaja jentera kita siap kita akan mempunyai satu proses pendaftaran segala ubat-ubatan yang ada di negara kita baik yang diimport ataupun dibuat dalam negeri dan untuk kita melesenkan segala pembuat-pembuat atau manufacturer, dengan izin, ubat dalam negeri. Dan satu proses untuk drug recall, dengan izin, akan diadakan juga di bawah peraturan yang dibuat baru-baru ini. Kita juga harap di bawah peraturan ini mewujudkan satu drug regulating authority, satu pusat atau satu badan mengawal dadah ini atau ubat-ubat dadah ini yang akan mengandungi selain daripada Ketua Pengarah Kesihatan, beberapa orang yang lain

ahli-ahli dari industri ubat di luar juga. Dan badan ini akan menjalankan tugas-tugas mendaftar dan melesen dan sebagainya dan menjalankan pengawalan di atas ubat-ubat yang begitu banyak dalam pasaran kita.

Saya memang sedar bahawa pasaran ubat di negara Malaysia pada masa ini tidaklah begitu terkawal walaupun kita menjalankan beberapa seruan dan mendakwa beberapa orang yang menyalahkan undang-undang dan sebagainya tetapi pasaran ubat-ubatan kita adalah satu yang amat besar, terlalu besar, lebih besar daripada keperluan kita dan kawalan haruslah diperketatkan. Dan kita berharap dengan peraturan yang baru yang saya sebutkan tadi dan dengan badan untuk melesen dan mendaftarkan dadah ini, kita akan dapat menjalankan kawalan yang lebih. Lebih-lebih lagi dengan tambah lagi pegawai-pegawai di dalam kerja pengawalan, kita harap pengimportan drug melalui pelabuhan-pelabuhan kita dan entry points kita, dengan izin, akan juga dapat terkawal untuk kita mencegah dumping ubat-ubat dan untuk mencegah juga ubat-ubat yang tidak mempunyai kesan atau mempunyai kesan yang merbahaya dari pasaran kita untuk menjaga kepentingan orang ramai kita.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban juga telah menyentuh mengenai kawalan di atas bahan-bahan makanan. Dan perkara ini juga dalam perhatian yang serius Kementerian kita. Pada tahun yang lalu kita telah menggubal satu Akta makanan yang baru dan pada masa ini kita sedang dalam proses yang akhir mewujudkan peraturan-peraturan yang detail di bawah Akta tersebut untuk menguatkuasa, melaksanakan Akta Makanan itu. Dan kita harap dengan adanya peraturan-peraturan yang begitu detail secara pertama kali di negara Malaysia, satu peraturan yang akan meliputi segala atau merata

negara kita, kita akan dapat bukan sahaja menjalankan kuasa-kuasa pengawasan dan menguatkuasakan tetapi juga dapat melalui peraturan-peraturan ini memberi bimbingan dan tunjukajar yang lebih membina kepada mereka yang terlibat dalam pembuatan makanan-makanan dan juga dalam penjualan dan pengendalian makanan-makanan ini.

Kita harap juga dengan adanya peraturan-peraturan seperti itu dapat memperkuatkan lagi makmal untuk uji dan untuk kita menjalankan kawalan bahan-bahan makanan kita.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban telah mengatakan bahawa kita harus mengadakan sebuah badan seperti di Amerika Syarikat iaitu "Food and Drugs Administration". Walaupun kita akan mewujudkan makmal-makmal dengan keupayaan yang tertentu, saya memang tidak mimpi pun bahawa keupayaan kita akan sampai. Keupayaan Food and Drugs Administration yang saya rasa mempunyai keupayaan yang besar sekali di dunia. Tetapi usaha kita ke arah pengawalan yang lebih ketat dan bimbingan dan bantuan yang lebih jelas kepada industri makanan, kita harap akan dapat membawa kita kepada keadaan yang lebih sihat dan membina di mana rakyat kita, consumers kita akan diberi kawalan yang cukup dari penjual-penjual dan pembuat-pembuat yang tidak begitu jujur dan cuba untuk membekalkan makanan ataupun bahan-bahan dadah yang tidak begitu berkesan dan lebih buruk lagi mempunyai kesan-kesan yang tidak baik akibat yang membawa kepada penyakit di kalangan orang rakyat kita.

Jadi, tujuan Kementerian dalam kedua-dua bidang ini, bidang membekalkan ubat-ubatan dan juga makanan untuk mempertingkatkan keupayaan kita lebih-lebih lagi untuk diberi perlindungan yang cukup kepada rakyat di negara kita.

Ahli Yang Berhormat dari Seremban juga telah menyebut mengenai peluang untuk latihan ahli-ahli farmasi pelatih. Dalam tahun yang lepas dan pada tahun ini juga, kita telah membesarkan lagi peluang-peluang untuk ahli-ahli farmasi pelatih diberi latihan, bukan sahaja kemudahan-kemudahan Kerajaan, tetapi juga kemudahan-kemudahan swasta dengan membenarkan ahli-ahli farmasi yang kanan sektor swasta juga memberi latihan kepada ahli-ahli farmasi yang baharu yang terpaksa menjalankan masa latihan sebelum mereka diberi pendaftaran penuh dan peluang-peluang ini telah dibanyakkan lagi. Saya rasa pada masa ini tidak ada apa-apa jua raguan bahawa keupayaan untuk melatih ahli-ahli farmasi pelatih itu adalah cukup dan kita tidak mempunyai apa-apa komplek mengenai seperti itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat dari Seremban dan juga dari Sabah telah membangkitkan beberapa perkara yang saya dapat faham dan bersimpati dengan mereka mengenai peruntukan yang diberi kepada negeri-negeri itu dalam keadaan Budget yang ketat pada masa ini. Tetapi angka-angka yang diberikan yang menunjukkan bahawa peruntukan pembangunan yang diberi kepada negeri Sarawak dan Sabah adalah kecil sahaja, adalah satu angka yang kita tidak boleh mentafsirkan sebagai menunjukkan dasar kita untuk membelakangkan keperluan Sabah atau Sarawak.

Apa yang berlaku adalah dasar yang dijalankan untuk memperuntukkan wang bagi pembangunan dalam keadaan kemelesetan ekonomi kita, dasar itu jelas mengatakan bahawa hanya projek-projek yang siap untuk pelaksanaan dapat diberi peruntukan dalam Budget tahunan, hanya projek-projek yang selesai untuk diberi tender dan telah pun diikat tender—ikat kontrak untuk dijalankan dapat

diberikan peruntukan. Jadi, apa yang ditunjukkan sebagai peruntukan untuk negeri Sabah dan Sarawak adalah jumlah wang yang diperlukan untuk kita menunaikan kontrak-kontrak yang sudah pun diikat bukan menunjukkan keperluan atau keutamaan yang diberi kepada keperluan-keperluan di negeri Sabah dan Sarawak.

Dasarnya kita memang memberi keutamaan yang tinggi kepada kawasan Sabah dan Sarawak, memandangkan peringkat kemajuan mereka dan kedudukan penyakit-penyakit yang merebak di kedua-dua negeri itu. Jadi, dalam Anggaran Pengurusan kita jelas dapat membuktikan bahawa kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak, peruntukan Perbelanjaan Mengurus yang diberi adalah lebih daripada proportion atau peratus mereka dalam jumlah Budget itu. Dan juga sehingga ini kita dapat menunjukkan bahawa perbelanjaan kita yang kita commit sebelum aturan-aturan yang lebih ketat dikenakan kepada perbelanjaan di Sabah dan Sarawak adalah lebih baik. Jika kita dapat memandang kepada apa yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Keempat kita dapat jelas dan dapat melihat bahawa jika dianggap atau jika difikirkan dari segi Ahli Yang Berhormat dari Sibu tadi yang mengira peruntukan per capita kepada Sabah dan Sarawak, peruntukan per capita di Sabah dan Sarawak untuk tahun 1981 hingga 1985 iaitu di bawah masa lingkungan Rancangan Malaysia Keempat menunjukkan bahawa peruntukan pembangunan per capita, kepada Semenanjung Malaysia adalah \$50; jika angka itu ada bermakna yang lain.

Di Sarawak adalah \$51 per capita dan di Sabah pula peruntukan adalah \$63 per capita. Angka-angka itulah yang menunjukkan keutamaan yang Kementerian dan Kerajaan Pusat memberikan untuk keperluan

pembangunan di bidang kesihatan untuk Sabah dan Sarawak. Angka-angka jumlah wang peruntukan untuk bidang pembangunan bagi tahun 1985 adalah dihadkan kerana dua perkara. Satu, menjalankan dasar perbelanjaan pada masa ini yang mengikat kita untuk membelanjakan wang pembangunan kepada projek-peojek yang sudah pun diikat kontrak dan dapat dilaksanakan dalam tahun hadapan. Yang kedua, untuk menghabiskan perbelanjaan atau peruntukan pada akhir tahun Rancangan Malaysia Keempat. Jika dikira apa yang telah dibelanjakan dalam tahun 1981 hingga 1983, tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat, kita jelas dapat menunjukkan bahawa keperluan Sabah dan Sarawak tidak dibelakangkan dan sebaliknya kedua-dua negeri ini dapat diberi peruntukan yang banyak sekali. Kita harap dalam Rancangan Malaysia Kelima yang sekarang ini digubal, dirangkakan bahawa keperluan kedua-dua negeri ini dapat terus dicerminkan dan dengan prinsip-prinsip yang baharu di atas perbelanjaan kita dapat memulakan beberapa projek yang pada masa ini tidak dapat diteruskan oleh kerana kekurangan wang.

Ahli Yang Berhormat dari Ulu Rajang telah membangkitkan satu lagi perkara iaitu mengenai keperluan untuk Dispensari Bergerak atau Klinik Bergerak dibandingkan dengan Klinik Statik, saya memang dapat faham hujah-hujah beliau di mana di kawasan-kawasan terpencil dengan jumlah penduduk yang tidak begitu besar jika hendak dirancang projek-projek statik—kemudahan-kemudahan statik mungkin dalam keutamaan proses mengutamakan di antara projek-projek kawasan-kawasan kecil dan terpencil seperti itu tidak akan dapat peruntukan bagi pembinaan Dispensari Statik. Jadi, dalam kontek inilah dan khas untuk Sabah dan Sarawak kita mempunyai

dua lagi strategi iaitu satu Klinik Bergerak yang begitu luas di negeri Sarawak dan Sabah di mana pengangkutan atau perhubungan, kemudahan perhubungan adalah begitu rumit dan jalanraya ataupun jalan di sungai adalah satu yang begitu susah kita dapat membekalkan klinik-klinik bergerak. Dan juga kita mengadakan untuk kawasan-kawasan yang lebih jauh dan lebih terpencil, kita mempunyai Flying Doctor Service khasnya di kedua-dua negeri ini dan kita pada tahun 1984 telah dapat dipertingkatkan lagi peruntukan wang bagi perkhidmatan Flying Doctor Service ini.

Kita harap dengan adanya kemudahan wang yang lebih, kita dapat memperluaskan lagi kemudahan Klinik-klinik Bergerak ke kawasan-kawasan yang terpencil dengan lebih kerap lagi perkhidmatan itu dan juga dapat teruskan perkhidmatan melalui helikopter ke kawasan-kawasan yang jauh dan terpencil. Dan kita harap penduduk-penduduk di kawasan-kawasan terpencil itu terus akan dapat menikmati, walaupun bukan kemudahan perkhidmatan seperti di Klinik-klinik Statik, tetapi terus dapat menikmati kemudahan perubatan yang memuaskan melalui kedua-dua cara ini. Jadi kita akan terus memberi pertimbangan yang serius dan peruntukan yang cukup kepada perkara ini dan saya harap dalam Rancangan Malaysia Keempat atau Kelima yang akan datang, kita dapat mengutamakan perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sibü telah membangkitkan beberapa perkara tetapi dalam jawapan saya tadi telah saya sebutkan beberapa jawapan itu, tetapi jawapan kepada satu aspek lagi yang ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Sibü iaitu perkara mengenai keperluan doktor-doktor lulus Ujian Bahasa sebelum mereka dapat disahkan dalam jawatan

mereka. Perkara ini bukanlah satu yang dikenakan kepada doktor-doktor sahaja tetapi adalah satu yang dikenakan kepada semua pegawai Kerajaan di dalam Kategori A dan hujah beliau bahawa keperluan ini tidak bermakna kerana doktor-doktor asing yang datang secara kontrak tidak dikenakan apa jua Ujian Bahasa dan mereka biasanya tidak tahu Bahasa Malaysia, jadi doktor tempatan haruslah dikecualikan dari Ujian Bahasa ini tidaklah berasas kerana apa yang dikenakan adalah Ujian Bahasa dan kelulusan bahasa untuk seseorang pegawai itu ditetapkan dalam jawatan beliau. Doktor-doktor asing adalah mereka yang berada di sini untuk masa yang singkat di atas kontrak yang sementara dan mereka akan balik, tidak akan diserapkan ke dalam jawatan tetap dengan pencen dan sebagainya. Walaupun begitu, pada masa ini saya rasa masalah ini adalah satu perkara tidak begitu berat kerana doktor-doktor baru yang keluar dari universiti-universiti kebanyakannya mempunyai kelulusan SPM dengan kelulusan dalam Bahasa dan sebagainya.

Beliau juga telah mengatakan mengenai Hospital Lau King Hou di Sibü iaitu Hospital Sibü dan mengatakan bahawa Hospital Sibü ini adalah dalam keadaan yang teruk. Sukacitalah saya memberitahu bahawa walaupun kita tidak dapat dengan peruntukan yang ada pada masa ini untuk membina sebuah hospital yang baru, pada tahun ini kita telah memperuntukkan sebanyak \$1 juta untuk membina sebuah Dewan Bedah (Operation Theatre) di Hospital Lau King Hou dan perbelanjaan ini sudah pun mula dijalankan pada tahun ini dan kita harap projek ini dapat dihabiskan dalam tahun yang akan datang. Jadi satu kemajuan akan juga dapat diberi kepada Hospital Lau King Hou di Sibü dan perkara ini memang harus disambut baik oleh segala yang berkenaan.

Ahli Yang Berhormat dari Julau telah juga membangkitkan dengan panjang lebar perkara tanggagaji Pembantu Hospital Rendah, satu perkara di mana hujah-hujah beliau adalah jelas. Tetapi malangnya kes mereka atau tuntutan mereka telah pun dirujukkan kepada Tribunal Perkhidmatan Awam dan di bawah undang-undang yang berkenaan dan Tribunal itulah yang telah menolak tuntutan kategori pegawai-pegawai ini dan di bawah undang-undang Tribunal itu keputusan Tribunal itu adalah muktamad, tidak dapat dicabar.

Walau bagaimanapun, Kementerian sedang memikirkan kedudukan mereka dan mencari jalan untuk mengatasi masalah yang dirasai oleh mereka. Saya harap dengan satu cara yang lain juga kita dapat mencari jalan iaitu memberi peluang yang lebih kepada mereka yang berkaliber di kalangan Pembantu-pembantu Hospital Rendah untuk dinaikkan pangkat kepada gred yang lain iaitu Pembantu Hospital dan kita harap melalui itu mereka yang berkeupayaan dan menunjukkan minat dapatlah maju dalam karier mereka. Selain daripada itu kita akan terus mengkaji jalan dan asas permintaan itu untuk kita dapat memikirkan apakah kita harus terus buat.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bandau, selain daripada points umum mengenai peruntukan untuk negeri Sabah yang saya telah menjawab tadi, beliau telah dengan perasaan yang sedih mengatakan bahawa projek Hospital Daerah Marudu telah ditangguhkan beberapa kali dan pada tahun 1985 tidak ada peruntukan juga untuk meneruskan projek Hospital Daerah Marudu.

Perkara ini memang saya dapat memahami dan kita harap dapatlah mencari jalan-jalan yang sesuai untuk

kita memulakan projek ini walaupun peruntukan tidak ada dalam tahun 1985. Saya sendiri akan mengkaji kedudukan itu secara sendiri dan dapat berhubung dengan Ahli Yang Berhormat mengenai perkara itu.

Selain daripada itu, Ahli Yang Berhormat dari Tanjung telah membangkitkan perkara peranan Pembantu-pembantu Hospital dan kedudukan mereka di bawah undang-undang dan dari segi kemudahan-kemudahan latihan dan sebagainya. Saya memang bersetuju, Kementerian telah pun mengambil keputusan bahawa Pembantu-pembantu Hospital ini memang mempunyai satu tempat yang istimewa dalam Pasukan Rawatan di hospital-hospital dan di klinik-klinik dan di seluruh perkhidmatan kesihatan kita dan kita telah pada masa ini menubuhkan sebuah Task Force untuk merangka dengan lebih tepat dan jelas lagi tugas-tugas yang berlainan kategori pegawai ini dan melalui itu dapat membawa pindaan yang sesuai kepada undang-undang yang berkenaan iaitu Akta Perubatan dan juga membawa perubahan yang diperlukan di dalam rancangan-rancangan latihan kategori pegawai ini untuk menentukan bahawa mereka mempunyai keupayaan, kemahiran yang perlu untuk menjalankan peranan yang kita berikan kepada mereka.

Mengenai point yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Tanjung tentang kedudukan Hospital Blok Perkhidmatan Pusat (Central Services Block) di Hospital Besar, Pulau Pinang, saya suka memberitahu dan saya tegaskan di sini bahawa projek ini tidak dibatalkan. Projek itu masih terdapat dalam rancangan kita, hanya perbekalan yang diperlukan untuk meneruskan projek yang besar itu tidak dapat dicari dalam peruntukan atau Budget pada tahun 1985 dan kita akan terus berikhtiar untuk menjalankan projek itu dalam

Rancangan Malaysia Kelima dan projek itu memerlukan lebih kurang \$50 juta atau lebih untuk dijalankan, tidak boleh dijalankan secara berperingkat-peringkat. Jadi kita perlu diberi peruntukan yang cukup sebelum kita dapat memulakan projek itu, tetapi saya dapat meyakinkan Ahli Yang Berhormat dari Tanjung bahawa projek itu mempunyai keutamaan yang tinggi di Kementerian Kesihatan dan kita akan cuba menjalankannya.

Beliau juga telah membangkitkan perkara kedudukan tanggagaji Pakar-pakar dan Pengarah Kesihatan di Negeri Kedah dibandingkan dengan Pulau Pinang, dikatakan Pulau Pinang walaupun beban kerja lebih berat, pakar-pakar dan pegawai-pegawai itu ditafsirkan lebih rendah dalam grednya. Perkara ini adalah satu yang memang susah difahami jika tidak melihat strategi am yang digunakan untuk menggredkan jawatan-jawatan tertentu dan satu daripada aspek yang diambil kira dalam menentukan peringkat jawatan di negeri Kedah, Kelantan dan sebagainya adalah untuk memberi inducement atau penggalakkan kepada pegawai-pegawai kepakaran kita untuk berkhidmat di negeri-negeri tersebut yang tidak menjadi popular pada biasanya dan perkara ini memang telah membawa kepada kedudukan jawatan. Tetapi perkara jawatan itu adalah satu yang sentiasa dalam pengkajian kita dan kita harap kita dapat menumpu kajian sedikit untuk menimbang kedudukan dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar telah saya rasa pada kali ketiga atau kali keempat membangkitkan kes bayi yang dilahirkan dalam tandas Hospital Parit Buntar. Saya telah menjelaskan pandangan kita kepada kes ini dalam masa soal jawab. Tetapi pada masa ini beliau telah menyatakan bahawa siasatan yang dijalankan oleh

Kementerian tidaklah begitu bebas dan kerana itu mungkin dapat berat sebelah (bias) dalam keputusan dan tindakan yang diambil di atas kes ini. Terlebih dahulu saya sukalah menyatakan di sini bahawa apa yang berlaku di Hospital Daerah Parit Buntar adalah satu yang kita kesalkan. Walaupun bayi-bayi biasanya dilahirkan dalam keadaan tertentu, dalam bas, di dalam kapalterbang, di pandang bola dan sebagainya, untuk seorang ibu datang ke hospital Kerajaan dan bayi itu dilahirkan dalam tandas hospital Kerajaan, bukanlah satu yang kita dapat menerima secara biasa atau satu yang berlaku secara biasa, kerana pesakit-pesakit yang datang ke hospital kita adalah di bawah jagaan kita dan kita sangat kesal apa yang telah berlaku. Selain daripada siasatan untuk tindakan di atas pegawai-pegawai yang berkenaan, kita telah juga menjalankan beberapa siasatan yang dapat mencegah kejadian seperti itu berlaku dalam masa-masa akan datang. Seumpamanya pintu dalam tandas di bahagian kelahiran itu dibuangkan kunci pada masa ini kerana dalam kes yang berkenaan itu pesakit itu telah terkunci pintu itu, dan sekarang ini diberi swing door untuk pegawai-pegawai dapat sampai di situ dalam masa kecemasan dan sebagainya ada beberapa usaha yang diambil untuk kita memperbaiki keadaan bagi mencegah keadaan begitu berlaku dalam masa-masa akan datang.

Mengenai perkara siasatan yang dijalankan di atas kes yang berlaku itu, saya hendak menegaskan di sini bahawa siasatan yang dijalankan adalah oleh satu pasukan yang terdiri daripada Pengarah Perubatan beribu pejabat di Kementerian Kesihatan sendiri, dibantu oleh Pengarah Perubatan dan Kesihatan di Negeri Perak dan juga seorang Pakar Perbidanan dan Sakit Puan di Negeri Perak. Ketiga pegawai yang harus kita

mempunyai keyakinan yang akan menjalankan siasatan itu secara bebas dan bertanggungjawab dengan memberi penuh pertimbangan kepada segala keadaan dan suka juga saya mengatakan bahawa siasatan yang dijalankan itu bukan sahaja kepada pegawai-pegawai dalam shift malam yang dijalankan tetapi juga kepada shift kedua yang datang pada sebelah pagi. Dalam hal ini saya haraplah

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, ada Yang Berhormat dari Parit Buntar bangun hendak minta apa?

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: Minta penjelasan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa kes bersalin dalam tandas itu bukan perkara biasa, saya pun tidak mengatakan itu perkara biasa, memang kita bersimpati. Tetapi adakah Yang Berhormat sedar bahawa dalam penyiasatan yang telah dijalankan itu, kenyataan-kenyataan bertulis pun yang telah dikemukakan oleh Pegawai-pegawai bawahan telah ditapis terlebih dahulu oleh Doktor yang bertanggungjawab mengenai wad bersalin yang pada setiap masa ada di dalam penyiasatan yang dijalankan itu. Adakah perkara ini disedari oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kedua, ada juga komplek kepada Kementerian Kesihatan daripada pihak suami yang berkenaan dan Doktor yang bertanggungjawab mengenai wad bersalin telah menderaf dan menaip surat tersebut dan mengarahkan suami kes yang berkenaan untuk menandatangani mengaku bahawa beliau tidak komplek. Adakah ini tidak menimbulkan keraguan kepada kita, jika siasatan itu nampaknya hanya menekankan kepada golongan bawahan dan tidak kepada pegawai-pegawai Perubatan yang sepatutnya

juga bertanggungjawab. Adakah penyiasatan juga dibuat mengapa atau punca kematian itu berlaku adakah diberi perhatian yang serius kepada kes kematian itu.

Dato' K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu apa sebab Yang Berhormat dari Parit Buntar hendak membela kedudukan pegawai-pegawai yang di dalam siasatan kerana pada biasanya kedudukannya adalah sebaliknya dan dalam kedudukan di kes Parit Buntar ini Kementerian memandang berat dan Ahli Yang Berhormat boleh mempunyai jaminan bahawa Kementerian tidak akan berpihak di dalam tindakan yang diambil. Apa yang kita perlu jalankan bukanlah untuk tindakan disiplin, lebih-lebih lagi adalah untuk menentukan bahawa perkara-perkara seperti itu tidak berlaku dalam masa-masa akan datang. Jika latihan pegawai-pegawai yang berkenaan tidak cukup, mereka mesti diberi latihan yang cukup.

Tuan Abdul Rahman bin Suliman: (*Bangun*).

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat tidak payahlah, sudah cukup.

Dato' K. Pathmanaban: Jika sistem perhubungan di antara Jururawat atau Bidan-bidan yang berkhidmat, bertugas di dalam wad dengan Doktor yang tidur di sebelah bilik wad itu tidak mencukupi, kita harus mencari jalan bagaimana Doktor boleh dipanggil.

Pada masa ini saya diberi tahu Doktor yang bertugas adalah di bilik sebelah daripada wad bersalin. Beliau tidak dipanggil oleh Jururawat atau Bidan-bidan yang berkenaan dan sebagainya. Kita harus menyelidiki dan meninjau apa kita harus buat di masa-masa akan datang untuk mengelakkan kejadian-kejadian seperti ini dan kita tidak mahu

membela sesiapa pun dalam perkara ini dan kita juga tidak mahu menindas sesiapa juga pegawai dalam kes seperti ini. Sebab Ahli Yang Berhormat telah komplek, telah mengadu kepada Jabatan Perdana Menteri dan sebagainya, Kementerian telah menegaskan pegawai yang tinggi sekali dalam bahagian hospital kita, iaitu Pengarah Perkhidmatan Perubatan sendiri mengetuai siasatan yang dijalankan. Jika Yang Berhormat Menteri hendak siasat boleh juga, tetapi Menteri tidak mempunyai masa untuk duduk di Parit Buntar, soal selidik kepada semua pegawai dan saya amatlah berharap bahawa kejadian di Parit Buntar ini bukan sahaja tidak berlaku lagi di Parit Buntar, tetapi apa yang jadi dapat dielakkan daripada berlaku di hospital-hospital yang lain dan sebahagian besar daripada siasatan yang kita jalankan itu adalah untuk menentukan kedudukan sebenarnya, bukan untuk mengambil tindakan kepada sesiapa.

Saya sukalah mengulas lagi bahawa kita tidak mahu membela sesiapa pun dalam kes itu, kita tidak mahu, jauh lagi kita mahu menindas atau mengambil tindakan yang menindas kepada pegawai-pegawai yang berkenaan. Jadi saya berharaplah Ahli Yang Berhormat dapat tinggalkan perkara ini di dalam perhatian Kementerian untuk dijalankan segalanya dalam perkara ini.

Ahli Yang Berhormat telah juga mengatakan bahawa kes kematian di kawasan Parit Buntar adalah terlalu tinggi dan harus kita menjawatkan seorang pakar sakit puan dan kanak-kanak di Parit Buntar. Walaupun pakar itu tidak dapat saya rasa untuk mencegah kematian seperti itu, tetapi saya akan kajilah kedudukan di Parit Buntar itu dalam konteks seluruhnya untuk menentukan jika kita harus memberi perhatian yang lebih khusus

kepada bidang sakit puan dan kanak-kanak untuk menentukan bahawa kita dapat majukan keadaan yang terdapat di situ.

Akhirnya, Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kepong saya rasa telah secara terkejut sejauh saya dapat faham menunjukkan bahawa beliau tidak mengikuti apa-apa pun dalam dua bulan yang lalu mengenai perkembangan di atas Lady Templer Hospital kerana soal-soalnya berkehendakkan semua maklumat pada masa ini, jadi sudah menjadi maklumat am (public knowledge), Tuan Pengerusi. Jadi saya tidak berhasrat untuk menjawab lima daripada tujuh soalan yang beliau alamatkan kepada saya mengenai Lady Templer Hospital. Soalan yang keempat, iaitu adakah Kerajaan berhasrat untuk mengswastakan Hospital Kerajaan atau bahagian-bahagiannya di lain-lain tempat untuk penyokong-penyokong Barisan Nasional.

Saya amat bermalu bahawa Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah mula mencadangkan atau mengsuggestkan bahawa perkara ini ada berlaku, saya tidak tahu jika pihak Rampai Muda ada pengundi kepada Barisan Nasional ataupun penyokong Barisan Nasional. Sejauh yang saya tahu, Pengerusi Syarikat itu adalah seorang pegawai Kerajaan yang telah bersara, bukan ahli politik. Apa yang kita telah membuat dalam penswastan Lady Templer Hospital adalah untuk memilih syarikat yang dianggap sebagai lebih sesuai dan lebih berkeupayaan dan mempunyai cadangan yang lebih wajar dan memadai dari segi menjaga dan mempertahankan kepentingan am, iaitu orang ramai, orang awam, public kita dan syarat-syarat yang dikenakan kepada syarikat yang mengambilalih hospital itu sebagai usaha penswastan telah memberi segala jaminan, dan kita sekarang ini sedang merangkakan

perjanjian (agreement) di antara trusty Lady Templer Hospital dengan pihak swasta itu, kita harap akan memberi pengawasan yang terus di atas perkara itu untuk menentukan bahawa apa jua yang telah disetujui, dijalankan dan diamalkan oleh pihak ini. Beliau membangkitkan mengenai perkara latihan, dan mengatakan bahawa pihak Lam Wah Ee telah ditolak permohonan untuk melatih jururawat kerana dikatakan oleh beliau bahawa mereka tidak mampu melatih kakitangan seperti jururawat.

Saya tidak tahu dan saya sendiri terlibat dalam usaha untuk mewujudkan kemudahan latihan bagi jururawat dan sebagainya di sektor swasta, dan pada masa ini Hospital Assunta sedang menjalankan usaha melatih jururawat yang saya dapat mengakui sebagai satu yang baik dan satu yang memuaskan dengan membelanjakan lebih kurang \$20,000 untuk seorang jururawat pelatih itu, dan itu adalah ditauliahkan oleh Kementerian melalui Nursing Board yang memberi sijil kepada jururawat yang terlatih. Jadi perkara Lam Wah Ee jika ditolak, saya tidak sedar jika perkara itu ditolak, mungkin mempunyai alasan yang tertentu, tidak dari sikap atau dasar Kementerian. Dan kita haraplah bahawa pihak sektor swasta akan mewujudkan lebih banyak lagi latihan sendiri dan tidak menunggu sebagai orang yang hendak memperangkapkan pegawai-pegawai Kerajaan yang diberi latihan dengan tax payers' funds, dengan izin, dan mencurikan untuk kegunaan atau keuntungan sendiri. Perkara ini biasa berlaku di hospital-hospital swasta, di klinik-klinik swasta dan juga saya rasa di klinik Yang Berhormat sendiri, pegawai-pegawai yang dilatih oleh Kerajaan diambil sahaja begitu dengan kenaikan gaji yang lebih lumayan dan sebagainya.

Saya sendiri dan Kementerian mempunyai dasar untuk mewujudkan lebih banyak lagi kemudahan untuk latihan di sektor swasta untuk mereka juga memikul beban dalam perkara ini, dan tidak semata-mata menunggu untuk mereka yang dilatih dengan kewangan tax payer untuk menjalankan tugas-tugas mereka.

Itulah sahaja, Tuan Pengerusi, dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam perkara perbincangan di atas peruntukan Kementerian Kesihatan dan harap kita akan dapat membincangkan perkara-perkara yang lain seperti yang saya tidak dapat menjawab. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah \$1,094,117,000 untuk Maksud B. 34 di bawah Kementerian Kesihatan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$1,094,117,000 untuk Maksud B. 34 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak \$162,205,300 yang disebutkan dalam Maksud P. 34 dalam Anggaran Pembangunan, 1985 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$162,205,300 untuk Maksud P. 34 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1985.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Jadual, kita telah tertinggal dua Kementerian yang sepatutnya telah diselesaikan

pada hari ini, ini disebabkan kita menggunakan sehari suntuk kelmarin untuk membahas satu usul. Oleh yang demikian, nampaknya pada minggu hadapan kita terpaksa memanjangkan masa mesyuarat.

Sebelum saya menangguhkan mesyuarat, saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mendapat rehat yang secukup-cukupnya di

hujung minggu ini dan balik semula pada hari Isnin, 26hb November, 1984 dengan lebih cergas lagi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga hari Isnin, 26hb November, 1984 pada 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.50 malam.